

pTfji  
I I IT  
%0

54- PASLIMEN

# MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEDUABELAS 2011

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan  
Bukan Jawab Lisan [Bertulis] Dewan  
Rakyat Daripada Kementerian-  
Kementerian**

**8 MAC 2011 HINGGA 7 APRIL 2011 SOALAN  
NO: 1 HINGGA SOALAN NO: 100**

**CAWANGAN  
PERUNDANGAN PARLIMEN  
MALAYSIA.**



PEMBERITAHU  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : DATO' HAJIAB. HALIM BIN AB.  
RAHMAN  
(PENGKALAN CHEPA)

PERTANYAAN : BERTULIS

TARIKH : 07.03.2011-07.04.2011

Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan jumlah hutang Kerajaan Persekutuan kepada kerajaan negeri-negeri mulai tahun 2000 sehingga berakhir 31 Disember 2010 beserta bayaran balik dan bayaran tertunggak dan jenis hutang.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan mulai tahun 2000 sehingga 31 Disember 2010 termasuk bayaran balik dan bayaran tertunggak adalah seperti di Lampiran.

**SJ.B(TULIS)/(1)**

**JUMLAH HUTANG**

KERAJAAN NEGERI	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	Juta 'RM 2010
JOHOR	802.08	819.49	844.92	545.01	839.40	391.53	775.58	830.18	925.96	1,215.15	1,071.10
KEDAH	1,298.72	1,329.20	1,488.98	1,655.92	1,809.44	503.69	1,904.32	2,043.26	2,204.92	4,368.51	4,888.49
PAHANG	887.35	999.63	1,175.51	1,301.39	1,488.00	192.47	1,675.86	1,874.84	2,031.68	2,141.87	2,181.69
TERENGGANU	730.64	789.44	861.28	911.88	945.87	495.90	919.65	983.84	1,058.43	1,081.48	1,072.03
KELANTAN	609.00	639.54	693.98	788.51	890.03	684.80	898.15	935.97	956.06	970.32	1,093.98
PERLIS	135.84	138.35	184.74	199.76	232.38	161.31	260.63	305.04	383.98	422.81	434.16
PERAK	171.75	209.39	263.88	345.37	446.09	147.91	699.24	782.73	854.61	888.33	953.10
SELANGOR	979.84	1,081.79	1,115.50	1,146.91	1,175.00	564.69	1,229.56	1,101.29	1,298.16	2,280.34	1,032.09
NEGERI SEMBILAN	943.66	1,017.91	1,225.00	1,300.11	1,357.97	350.70	1,419.43	1,363.61	1,934.81	2,201.39	1,339.47
MELAKA	453.52	434.50	698.97	851.79	978.97	514.98	1,122.85	1,171.02	1,299.42	1,460.00	885.34
SABAH	548.49	670.44	718.35	770.95	832.13	845.64	1,577.73	1,925.49	2,382.59	2,391.04	2,568.19
SARAWAK	1,171.75	1,285.54	1,336.73	1,322.55	1,299.84	1,261.47	1,326.96	1,416.87	1,627.67	1,692.60	2,116.89
PULAU PINANG	385.63	372.31	419.99	437.36	396.73	52.45	449.71	504.95	636.67	694.42	689.88
<b>JUMLAH HUTANG</b>	<b>9,118.27</b>	<b>9,787.56</b>	<b>11,027.82</b>	<b>11,577.50</b>	<b>12,691.85</b>	<b>6,167.53</b>	<b>14,259.66</b>	<b>15,239.08</b>	<b>17,594.95</b>	<b>21,808.26</b>	<b>20,326.40</b>

**SJ.B(TULIS)/(1)**

**JUMLAH BAYARAN TERTUNGGAK**

KERAJAAN NEGERI	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010
JOHOR	113.21	224.37	260.56	308.87	352.32	376.06	365.85	511.02	543.60	484.26	390.06
KEDAH	212.98	310.93	367.90	497.83	607.82	352.35	385.23	449.89	557.15	579.30	274.69
PAHANG	34.73	130.35	210.97	318.56	462.65	272.46	309.13	376.45	420.00	500.41	285.56
TERENGGANU	25.23	94.03	157.09	209.62	244.38	261.51	300.34	368.87	412.84	447.90	442.56
KELANTAN	39.79	69.79	87.74	117.06	137.05	1.84	11.60	31.53	53.94	88.24	125.88
PERUS	18.24	27.73	35.54	46.48	66.50	45.40	62.39	81.37	108.15	128.24	156.69
PERAK	2.23	3.88	4.35	5.35	7.11	7.50	11.80	13.13	21.04	11.14	11.39
SELANGOR	8.00	74.00	178.18	274.34	363.04	465.40	587.45	670.58	756.75	829.86	656.39
NEGERI SEMBILAN	6.72	32.00	36.34	87.99	142.58	207.45	243.01	298.48	463.60	549.02	223.64
MELAKA	0.00	14.84	38.14	170.50	86.14	90.46	91.53	130.34	233.70	314.07	280.68
SABAH	13.31	23.86	27.50	49.15	69.63	28.95	31.62	66.18	68.43	94.67	67.43
SARAWAK	0.00	0.00	2.00	0.00	0.00	0.00	2.47	9.43	40.52	9.13	61.35
PULAU PINANG	0.00	0.00	31.71	42.33	31.03	32.16	73.03	94.87	122.08	142.23	154.03
JUMLAH BAYARAN	474.43	1,005.78	1,438.01	2,128.09	2,570.24	2,141.55	2,475.43	3,102.13	3,801.81	4,178.47	3,130.36

**SJ.B(TULIS)/(1)**

**BAYARAN BALIK**

JUTA RM

KERAJAAN NEGERI	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010
JOHOR	23.16	4.71	3.57	2.65	9.15	26.52	59.98	19.17	9.53	10.89	28.24
KEDAH	9.91		4.60	10.88	7.97	30.45	52.55	17.10	.	10.02	5.40
PAHANG	43.40	16.45	1.95	1.22	3.21	25.75	36.78	3.11	2.11	1.98	5.98
TERENGGANU	20.05		0.02			36.59	24.87	27.99	7.44	14.30	25.31
KELANTAN				0.60	20.79	20.03	13.14	.	11.16	3.57	0.19
PERLIS	2.16	2.45				1.00	1.18	1.63	0.23	1.53	2.30
PERAK	13.06	20.18	18.10	14.56	14.66	12.47	14.83	28.43	32.24	39.93	31.80
SELANGOR	104.13	33.66	0.01		0.42		1.72	1.50	7.04	11.99	75.11
NEGERI SEM BILAN	39.51	42.04	49.53	19.46	20.40	13.73	12.54	2.49	3.53	2.87	8.05
MELAKA	32.66	26.64	11.37	32.15	31.40	32.96	20.28	26.83	8.40	0.45	
SABAH	.	3.94	4.17		4.10	28.14	20.81	94.66	63.59	51.15	68.24
SARAWAK	34.79	113.87	107.73	111.63	94.09	119.16	111.22	89.60	59.97	115.47	55.95
PULAU PINANG	19.30	20.72		20.57	64.06	17.24	5.17	6.04	5.25	3.32	2.95
JUMLAH BAYARAN BALIK	342.13	284.64	201.05	213.72	270.24	364.05	375.08	318.57	210.48	267.46	309.52

**NO. SOALAN : 2**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN**

**RAKYAT PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARI PAD A                            DATO' HAJI AB. HALIM BIN AB. RAHMAN  
[PENGKALAN CHEPA]**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan projek-projek Persekutuan di Kelantan, Kedah, Pulau Pinang dan Selangor yang telah dibekukan atau dibatalkan mulai tahun 2001 sehingga 31/12/2010 secara terperinci serta jumlah kos bagi setiap projek.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua;

Bagi tempoh 2001-2010 terdapat sebanyak **1998 projek** bernilai **RM16.95 bilion** yang dibatalkan bagi Kelantan, Kedah, Pulau Pinang dan Selangor. Ringkasan peruntukan dan bilangan projek batal bagi 4 negeri tersebut adalah seperti berikut:

1. Kelantan - RM1.60 bilion / 380 projek;
2. Kedah - RM2.81 bilion / 359 projek;
3. Pulau Pinang - RM4.32 bilion / 316 projek; dan
4. Selangor - RM8.22 bilion / 943 projek;

**SOALAN NO: 3**

**PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN**

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>Bertulis</b>
<b>DARI PAD A</b>	<b>Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab.</b>
<b>SOALAN</b>	<b>Rahman [Pengkalan Chepa]</b> <b>Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab. Rahman</b> <b>[Pengkalan Chepa] minta MENTERI</b> <b>PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI</b> menyatakan:- secara terperinci jumlah import makanan, sayuran, daging dan lain-lain mulai tahun 2008 sehingga 31/12/2010 dan jumlah kosnya.
<b>JAWAPAN</b>	<b>Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN</b> <b>INDUSTRI ASAS TANI</b>

**Tuan Yang Di Pertua,**

Jumlah import bahan makanan negara telah meningkat daripada RM27.92 bilion pada tahun 2008 kepada RM30.19 bilion pada tahun 2010 dengan kadar purata pertumbuhan tahunan sebanyak 4.4%. Antara kumpulan komoditi bahan makanan yang menunjukkan peningkatan daripada tahun 2008 kepada tahun 2010 adalah seperti berikut:

- i) Binatang hidup - daripada RM191 juta kepada RM237 juta;
- ii) Daging dan sediaannya - daripada RM1.4 bilion kepada RM1.7 bilion;
- iii) Ikan, krustasia, moluska dan sediaan - daripada RM1.9 bilion kepada RM2.4 bilion;
- iv) Sayur-sayuran - daripada RM1.8 bilion kepada RM2.8 bilion;
- v) Buah-buahan - daripada RM1.1 bilion kepada RM1.4 bilion;

- vi) Gula, sediaan gula dan madu - daripada RM1.7 bilion kepada RM3.0 bilion;
- vii) Hasil keluaran makanan lain yang diproses - daripada RM2.3 bilion kepada RM3.0 bilion; dan
- viii) Bahan makanan untuk ternakan - daripada RM4.4 bilion kepada RM5.1 bilion.

Sementara itu, perincian kumpulan komoditi bahan makanan yang mencatatkan penurunan bagi tempoh yang sama adalah seperti berikut:

- i) Hasil tenusu dan telur burung - daripada RM2.6 bilion kepada RM2.0 bilion;
- ii) Bijirin dan sediaan bijirin - daripada RM5.2 bilion kepada RM3.6 bilion; dan
- iii) Kopi, koko, teh dan rempah - daripada RM5.3 bilion kepada RM5.0 bilion.

Peningkatan kos import bagi bahan makanan adalah disebabkan bahan makanan tersebut tidak ekonomik untuk dihasilkan dalam negara kerana faktor iklim dan kos pengeluaran yang tinggi. Selain daripada faktor global juga menyumbang kepada peningkatan harga komoditi semasa krisis makanan pada tahun 2008. Antaranya ialah harga minyak mentah yang tidak stabil, bekalan bijirin yang rendah, spekulasi pasaran, persaingan dengan pasaran biofuel, perubahan iklim dan peningkatan permintaan terhadap makanan sejajar dengan pertumbuhan populasi dunia.

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN**

**RAKYAT PERTANYAAN :BUKAN LISAN**  
**DARIPADA Y.B. DATO' HAJI AB. HALIM BIN AB. RAHMAN**  
**[PENGKALAN CHEPA]**

**Y.B. Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kemajuan Projek ECER di Kelantan, Terengganu dan Pahang sehingga kini.

**JAWAPAN:**

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9) sebanyak 67 projek telah dilaksanakan. Projek-projek tersebut sedang berada di dalam pelbagai peringkat pelaksanaan seperti kajian, kerja-kerja rekabentuk dan pelaksanaan fizikal. Manakala di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10), sebanyak 36 projek telah diluluskan untuk dilaksanakan.

**Negeri Kelantan**

Bagi Negeri Kelantan, di bawah RMKe-9, sebanyak 21 projek termasuk projek merentasi sempadan ECER telah dilaksanakan dan sedang berada di dalam pelbagai peringkat pelaksanaan. Bagi tempoh

berakhir sehingga 15 Februari 2011, 5 projek/program sedang dalam pelaksanaan fizikal manakala projek/program yang selebihnya sedang berada di dalam peringkat kajian dan rekabentuk.

Di bawah RMKe-10 *Rolling Plan* Pertama, sebanyak 6 projek telah diluluskan untuk Negeri Terengganu. Kesemua projek akan dimulakan sebelum pertengahan tahun 2011.

### **Negeri Terengganu**

Bagi Negeri Terengganu, di bawah RMKe-9, sebanyak 29 projek termasuk projek merentasi sempadan ECER telah dilaksanakan dan sedang berada di dalam pelbagai peringkat pelaksanaan. Bagi tempoh berakhir sehingga 15 Februari 2011, 8 projek/program sedang dalam pelaksanaan fizikal manakala projek/program yang selebihnya sedang berada di dalam peringkat kajian dan rekabentuk.

Di bawah RMKe-10 *Rolling Plan* Pertama sebanyak 9 projek telah diluluskan. Kesemua projek akan dimulakan sebelum pertengahan tahun 2011.

### **Negeri Pahang**

Bagi Negeri Pahang, di bawah RMKe-9, sebanyak 38 projek termasuk projek merentasi sempadan ECER sedang dalam pelaksanaan dan sedang berada di dalam pelbagai peringkat pelaksanaan. Bagi tempoh

berakhir sehingga 15 Februari 2011, 12 projek/program sedang dalam pelaksanaan fizikal manakala projek/program yang selebihnya sedang berada di dalam peringkat kajian dan rekabentuk.

Di bawah RMKe-10 *Rolling Plan* Pertama sebanyak 22 projek telah diluluskan. Kesemua projek akan dimulakan sebelum pertengahan tahun 2011.

*Mo: 5*

SJ.B/(3)

PEMBERITAHU  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA                    DATUK DR. MARCUS MOJIGOH

(PUTATAN)

PERTANYAAN : BERTULIS

TARIKH : 07.03.2011 - 07.04.2011

Datuk Dr. Marcus Mojigoh (Putatan) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan:

- (a) jumlah lesen eksais yang dikeluarkan bagi pemprosesan produk tembakau dan minuman keras (arak) di negara ini serta di mana letaknya kilang mereka, berapa dan di mana letaknya kilang pemprosesan arak di Negeri Sabah; dan
- (b) dasar Kerajaan dalam mengeluarkan lesen pemprosesan arak dan tembakau dan cara permohonan dibuat.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah lesen eksais yang telah dikeluarkan bagi memproses produk tembakau adalah sebanyak 42 dan 88 bagi mengilang dan membotol minuman keras. Daripada jumlah tersebut, pecahan lesen mengikut negeri di seluruh negara adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH LESEN DIKELUARKAN		
	Rokok	Tembakau/Cerut	Minuman Keras
Perlis	-	-	-
Pulau Pinang	1	7	9
Kedah	-	10	4
Perak	2	12	13
Selangor	4	-	12
W. Persekutuan	-	3	12
Negeri Sembilan	2	-	1
Melaka	-	-	2
Johor	-	1	6
Pahang	-	-	-
Terengganu	-	-	-
Kelantan	-	-	-
Sarawak	-	-	20
Sabah	-	-	9
JUMLAH	9	33	88

2. Sebanyak 9 lesen eksais bagi mengilang dan membotol minuman keras telah dikeluarkan di Negeri Sabah iaitu 7 di Kota Kinabalu dan masing-masing 1 di Sandakan dan Tawau.

3. Lesen eksais bagi aktiviti pengilangan produk tembakau dan pengilangan/pembotolan minuman keras dikeluarkan oleh Kastam Diraja Malaysia di bawah Seksyen 20 dan 25 Akta Eksais 1976. Bagaimanapun pada 21 Disember 2005, Jemaah Menteri semasa membincangkan Memorandum Daripada Jabatan Perdana Menteri mengenai “Kajian Masa Depan Industri Tembakau di Malaysia” telah memutuskan supaya lesen eksais tidak lagi dikeluarkan kepada mana-mana syarikat baru yang menjalankan aktiviti pengilangan



rokok dan produk tembakau. Dasar pembekuan lesen ini terpakai kepada aktiviti pengilangan atau nilai ditambah di dalam Kawasan Utama Kastam, Gudang Pengilangan Berlesen dan Kawasan Bebas Cukai tanpa mengira sama ada keluaran syarikat adalah untuk pasaran tempatan/eksport atau pun syarikat bersaiz kecil mahu pun besar.

4. Pada masa yang sama, dasar semasa ini juga telah dipanjangkan penggunaannya ke atas pengeluaran lesen eksais bagi aktiviti mengilang dan membotol minuman keras. Sejak September 2005 dan sehingga kini, pengeluaran lesen baru/penubuhan cawangan baru untuk mengilang rokok dan mengilang/membotol minuman keras tidak lagi dibenarkan kerana kedua-dua aktiviti tersebut bukannya industri yang digalakkan. Memandangkan lesen eksais tidak lagi dikeluarkan pada masa ini, justeru prosedur permohonan lesen eksais tersebut adalah tidak berbangkit.

**SOALAN NO.: 6**

**DEWAN RAKYAT  
MALAYSIA PERTANYAAN  
BUKAN LISAN**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR MARCUS MOJIGOH  
[PUTATAN]**

**SOALAN**

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan**

- (a) Sama ada Kerajaan ada menjalankan kajian terperinci mengenai program pencegahan banjir bagi seluruh negara dan kos yang diperlukan, kaedah untuk mengatasi masalah banjir bagi jangka masa pendek dan panjang; dan
- (b) Hasil kajian pencegahan masalah banjir di Putatan dan jumlah

kos yang diperlukan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mengenalpasti kawasan mudah banjir seluruh Malaysia seluas 29,800 kilometer persegi melalui kajian “National Register of River Basins” pada tahun 2003.

Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah menyediakan perancangan jangkapendek dan jangkapanjang untuk mengurangkan kejadian banjir di seluruh negara. Kaedah jangkapendek adalah dengan melaksanakan kerja-kerja penggalian semula sungai-sungai dan sistem saliran untuk membuang kelodak, mendapan dan sekatan-sekatan untuk memastikan aliran air yang lancar. Manakala perancangan jangkapanjang melibatkan penyediaan pelan induk lembangan sungai yang mengesyorkan kaedah penyelesaian masalah banjir yang holistik serta pelaksanaan langkah-langkah struktur dan bukan struktur yang terkandung dalam pelan tersebut..

Kerajaan menganggarkan peruntukan yang diperlukan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) untuk melaksana Program Tebatan Banjir atau

program pencegahan banjir bagi seluruh negara ialah sebanyak RM11.0 billion.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil daripada kajian mengatasi banjir untuk kawasan Putatan, kerja-kerja yang telah dikenalpasti ialah seperti berikut:-

- (i) Menaiktaraf Jambatan Sg. Putatan;
- (ii) Pengorekan muara Sg. Putatan; dan
- (iii) Manaiktaraf saliran Sg. Putatan.

Kos bagi melaksanakan projek ini dianggarkan sebanyak RM 50 juta. Selain kerja-kerja fizikal, program-program yang telah dikenalpasti untuk diadakan atau dipertingkatkan ialah sistem Ramalan dan Amaran Banjir dan program kesedaran komuniti.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :                  BUKAN LISAN**

**DARI PAD A                  DATUK DR. MARCUS MOJIGOH  
[PUTATAN]**

**SOALAN**

**DATUK DR. MARCUS MOJIGOH [PUTATAN]** Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada pihak Kerajaan akan memberikan peruntukan tahunan kepada semua badan-badan bukan Kerajaan (NGO) dan institusi keagamaan bukan Islam bagi membantu mereka, dalam usaha mereka untuk membentuk masyarakat bermoral dan sekali gus membantu Kerajaan dalam menangani masalah sosial seperti pembuangan bayi, seks bebas, perkahwinan awal dan lain-lain lagi.

**JAWAPAN**

Kerajaan sentiasa mencari jalan untuk menangani masalah sosial dalam usaha membantu masyarakat bermoral. Kerajaan akan membantu NGO dan institusi keagamaan Islam dan bukan Islam untuk menjalankan tugas mereka. Walau bagaimanapun, samada bantuan ‘one off atau geran adalah bergantung kepada kemampuan kerajaan.

**SOALAN NO. ( 8 )**

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN

BERTULIS

**SOALAN NQ.09**

DARIPADA

DATUK DR. MARCUS MOJIGOH [ PUTATAN ]

**SOALAN**

**Y.B. DATUK DR. MARCUS MOJIGOH [ PUTATAN ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan

- (a) sama ada pihak Kementerian berhasrat untuk meneruskan cadangan penyusunan semula rumah-rumah yang tidak teratur di Tanjung Aru dan Sembulan, yang mana Fasa 1 di Tanjung Aru telah pun siap; dan
- (b) adakah peruntukan untuk Fasa 2 bagi maksud yang sama telah disediakan sebelumnya yang telah dijanjikan dahulu.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Semakan oleh Kementerian mendapati Projek Penyusunan Semula Rumah-rumah tidak teratur di Tanjung Aru dan Sembulan bukanlah projek yang dilaksanakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Namun bagi melaksanakan Fasa 2 projek ini, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu boleh menggunakan peruntukan geran tahunan yang diberikan kepada Dewan Bandaraya awal bulan lepas.

Kementerian Perumahan  
dan Kerajaan Tempatan

April 2011

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN :      BUKAN LISAN

DARIPADA

Y.B. DATUKDR MARCUS MOJIGOH  
[PUTATAN ]

**SOALAN:**

- Y.B. Datuk Dr Marcus Mojigoh minta PERDANA MENTERI menyatakan
- (a) sama ada pihak Kerajaan bercadang mengubah sempadan pilihan raya mengikut *Physical Boundary* (misalnya sempadan jalan raya, sungai dan sebagainya) dan bukan mengikut kepentingan politik masing-masing; dan
  - (b) berapakah jumlah pengundi baru yang didaftarkan menurut pecahan etnik, negeri dan kawasan pilihan raya.



**JAWAPAN: YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDULLAH NO.09**  
**MENTERI PI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia tidak pernah melaksanakan urusan persempadanan berdasarkan kepentingan politik kerana segala tindakan yang akan dijalankan adalah berdasarkan kepada prinsip-prinsip persempadanan dan tatacara persempadanan yang ditetapkan oleh Jadual Ketiga Belas, Bahagian I dan II Perlembagaan Persekutuan. Malahan SPR tidak dapat mengubah sempadan pilihan raya berdasarkan sempadan fizikal kerana saiz sesuatu bahagian pilihan raya dengan bilangan pemilih sama ada bahagian pilihan raya Parlimen atau Dewan Undangan Negeri (DUN) adalah berbeza berdasarkan keadaan muka bumi dan penempatan penduduk serta kemudahan pentadbiran dalam sesuatu bahagian pilihan raya. Walau bagaimanapun, bagi menyelaras dan menyeimbangkan keluasan kawasan dan bilangan pemilih di antara sesuatu bahagian pilihan raya, Suruhanjaya Pilihan Raya telah menetapkan kriteria-kriteria bagi persempadanan bahagian pilihan raya Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) adalah seperti dalam jadual 1 di bawah.

**Jadual 1**

<b>KATEGORI BAHAGIAN</b>	<b>KRITERIA</b>		
	<b>LUAS KAWASAN (KM<sup>2</sup>)</b>	<b>JUMLAH PEMILIH BAHAGIAN PILIHAN RAYA PARLIMEN *</b>	<b>JUMLAH PEMILIH BAHAGIAN PILIHAN RAYA NEGERI</b>
BANDAR	8-49	60,000 KE ATAS	25,000 KE ATAS
SEPARUH BANDAR	50 - 250	30,000 - 59,000	15,000-24,000
LUAR BANDAR + PENDALAMAN	>250	30,000 KE BAWAH	15,000 KE BAWAH

\* Kecuali bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Labuan

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, statistik jumlah pemilih baru mengikut pecahan kaum dan Parlimen selepas Pilihan Raya Umum Ke-12 (PRU-12) sehingga sehingga Suku Tahun Keempat Tahun 2010 (ST4/2010) bagi seluruh negara adalah seperti dalam jadual 2 di bawah.

Sekian, terima kasih.



£ PARLIMEN

# MALAYSIA

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEDUABELAS 2011**

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan  
Bukan Jawab Lisan [Bertulis] Dewan  
Rakyat Daripada Kementerian-  
Kementerian**

**8 MAC 2011 HINGGA 7 APRIL 2011 SOALAN  
NO: 1 HINGGA SOALAN NO: 100**

**CAWANGAN  
PERUNDANGAN PARLIMEN  
MALAYSIA.**



*m: I*  
SJ.B(TULIS)/(1)

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,  
MALAYSIA

DARIPADA : DATO' HAJI AB. HALIM BIN AB.  
RAHMAN  
(PENGKALAN CHEPA)

PERTANYAAN : BERTULIS

TARIKH : 07.03.2011-07.04.2011

Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan jumlah hutang Kerajaan Persekutuan kepada kerajaan negeri-negeri mulai tahun 2000 sehingga berakhir 31 Disember 2010 beserta bayaran balik dan bayaran tertunggak dan jenis hutang.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan mulai tahun 2000 sehingga 31 Disember 2010 termasuk bayaran balik dan bayaran tertunggak adalah seperti di Lampiran.

JUMLAH HUTANG												S.J.B(TULIS)/(M) 'RM
KERAJAAN NEGERI	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010	
JOHOR	802.08	819.49	844.92	545.01	839.40	391.53	775.58	830.18	925.96	1,215.15	1,071.10	
KEDAH	1,298.72	1,329.20	1,488.98	1,655.92	1,809.44	503.69	1,904.32	2,043.26	2,204.92	4,368.51	4,888.49	
PAHANG	887.35	999.63	1,175.51	1,301.39	1,488.00	192.47	1,675.86	1,874.34	2,031.68	2,141.87	2,181.69	
TERENGGANU	730.64	789.44	861.28	911.88	945.87	495.90	919.65	983.84	1,058.43	1,081.48	1,072.03	
KELANTAN	609.00	639.54	693.98	788.51	890.03	684.80	898.15	935.97	956.06	970.32	1,093.98	
PERLIS	135.84	138.35	184.74	199.76	232.38	161.31	260.63	305.04	383.98	422.81	434.16	
PERAK	171.75	209.39	263.88	345.37	446.09	147.91	699.24	782.73	854.61	888.33	953.10	
SELANGOR	979.84	1,081.79	1,115.50	1,146.91	1,175.00	564.69	1,229.56	1,101.29	1,298.16	2,280.34	1,032.09	
NEGERI SEMBILAN	943.66	1,017.91	1,225.00	1,300.11	1,357.97	350.70	1,419.43	1,363.61	1,934.81	2,201.39	1,339.47	
MELAKA	453.52	434.50	698.97	851.79	978.97	514.98	1,122.85	1,171.02	1,299.42	1,460.00	885.34	
SABAH	548.49	670.44	718.35	770.95	832.13	845.64	1,577.73	1,925.49	2,382.59	2,391.04	2,568.19	
SARAWAK	1,171.75	1,285.54	1,336.73	1,322.55	1,299.84	1,261.47	1,326.96	1,416.87	1,627.67	1,692.60	2,116.89	
PULAU PINANG	385.63	372.31	419.99	437.36	396.73	52.45	449.71	504.95	636.67	694.42	689.88	
JUMLAH HUTANG	9,118.27	9,787.56	11,027.82	11,577.50	12,691.85	6,167.53	14,259.66	15,239.08	17,594.95	21,808.26	20,326.40	

**SJ.B(TULIS)/(1)**

**JUMLAH BAYARAN TERTUNGGAK**

KERAJAAN NEGERI	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010
JOHOR	113.21	224.37	260.56	308.87	352.32	376.06	365.85	511.02	543.60	484.26	390.06
KEDAH	212.98	310.93	367.90	497.83	607.82	352.35	385.23	449.89	557.15	579.30	274.69
PAHANG	34.73	130.35	210.97	318.56	462.65	272.46	309.13	376.45	420.00	500.41	285.56
TERENGGANU	25.23	94.03	157.09	209.62	244.38	261.51	300.34	363.87	412.84	447.90	442.56
KELANTAN	39.79	69.79	87.74	117.06	137.05	1.84	11.60	31.53	53.94	88.24	125.88
PERLIS	18.24	27.73	35.54	46.48	66.50	45.40	62.39	81.37	108.15	128.24	156.69
PERAK	2.23	3.88	4.35	5.35	7.11	7.50	11.80	13.13	21.04	11.14	11.39
SELANGOR	8.00	74.00	178.18	274.34	363.04	465.40	587.45	670.58	756.75	829.86	656.39
NEGERI SEMBILAN	6.72	32.00	36.34	87.99	142.58	207.45	243.01	298.48	463.60	549.02	223.64
MELAKA	0.00	14.84	38.14	170.50	86.14	90.46	91.53	130.34	233.70	314.07	280.68
SABAH	13.31	23.86	27.50	49.15	69.63	28.95	31.62	66.18	68.43	94.67	67.43
SARAWAK	0.00	0.00	2.00	0.00	0.00	0.00	2.47	9.43	40.52	9.13	61.35
PULAU PINANG	0.00	0.00	31.71	42.33	31.03	32.16	73.03	94.87	122.08	142.23	154.03
JUMLAH BAYARAN	474.43	1,005.78	1,438.01	2,128.09	2,570.24	2,141.55	2,475.43	3,102.13	3,801.81	4,178.47	3,130.36

**SJ.B(TULIS)/(1)**

**BAYARAN BALIK**

JUTA RM

KERAJAAN NEGERI	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010
JOHOR	23.16	4.71	3.57	2.65	9.15	26.52	59.98	19.17	9.53	10.89	28.24
KEDAH	9.91		4.60	10.88	7.97	30.45	52.55	17.10	-	10.02	5.40
PAHANG	43.40	16.45	1.95	1.22	3.21	25.75	36.78	3.11	2.11	1.98	5.98
TERENGGANU	20.05		0.02			36.59	24.87	27.99	7.44	14.30	25.31
KELANTAN				0.60	20.79	20.03	13.14		11.16	3.57	0.19
PERLIS	2.16	2.45				1.00	1.18	1.63	0.23	1.53	2.30
PERAK	13.06	20.18	18.10	14.56	14.66	12.47	14.83	28.43	32.24	39.93	31.80
SELANGOR	104.13	33.66	0.01		0.42		1.72	1.50	7.04	11.99	75.11
NEGERI SEMBILAN	39.51	42.04	49.53	19.46	20.40	13.73	12.54	2.49	3.53	2.87	8.05
MELAKA	32.66	26.64	11.37	32.15	31.40	32.96	20.28	26.83	8.40	0.45	
SABAH	.	3.94	4.17		4.10	28.14	20.81	94.66	63.59	51.15	68.24
SARAWAK	34.79	113.87	107.73	111.63	94.09	119.16	111.22	89.60	59.97	115.47	55.95
PULAU PINANG	19.30	20.72	.	20.57	64.06	17.24	5.17	6.04	5.25	3.32	2.95
JUMLAH BAYARAN BALIK	342.13	284.64	201.05	213.72	270.24	364.05	375.08	318.57	210.48	267.46	309.52

NO. SOALAN : 2

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN**

## **RAKYAT PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA DATO' HAJI AB. HALIM BIN AB. RAHMAN  
[PENGKALAN CHEPA]**

## **SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan projek-projek Persekutuan di Kelantan, Kedah, Pulau Pinang dan Selangor yang telah dibekukan atau dibatalkan mulai tahun 2001 sehingga 31/12/2010 secara terperinci serta jumlah kos bagi setiap projek.

JAWAPAN

## Tuan Yang Dipertua;

Bagi tempoh 2001-2010 terdapat sebanyak **1998 projek** bernilai **RM16.95 bilion** yang dibatalkan bagi Kelantan, Kedah, Pulau Pinang dan Selangor. Ringkasan peruntukan dan bilangan projek batal bagi 4 negeri tersebut adalah seperti berikut:

1. Kelantan - RM1.60 bilion / 380 projek;
  2. Kedah - RM2.81 bilion / 359 projek;
  3. Pulau Pinang - RM4.32 bilion / 316 projek; dan
  4. Selangor - RM8.22 bilion / 943 projek;

**SOALAN NO: 3**

**PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN**

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**Bertulis**

**DARIPADA**

**Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab.**

**SOALAN**

**Rahman [Pengkalan Chepa]**

**Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab. Rahman**

**[Pengkalan Chepa] minta MENTERI**

**PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

menyatakan:-

secara terperinci jumlah import makanan, sayuran, daging dan lain-lain mulai tahun 2008 sehingga 31/12/2010 dan jumlah kosnya.

**JAWAPAN**

**Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN  
INDUSTRI ASAS TANI**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Jumlah import bahan makanan negara telah meningkat daripada RM27.92 bilion pada tahun 2008 kepada RM30.19 bilion pada tahun 2010 dengan kadar purata pertumbuhan tahunan sebanyak 4.4%. Antara kumpulan komoditi bahan makanan yang menunjukkan peningkatan daripada tahun 2008 kepada tahun 2010 adalah seperti berikut:

- i) Binatang hidup - daripada RM191 juta kepada RM237 juta;
- ii) Daging dan sediaannya - daripada RM1.4 bilion kepada RM1.7 bilion;
- iii) Ikan, krustasia, moluska dan sediaan - daripada RM1.9 bilion kepada RM2.4 bilion;
- iv) Sayur-sayuran - daripada RM1.8 bilion kepada RM2.8 bilion;
- v) Buah-buahan - daripada RM1.1 bilion kepada RM1.4 bilion;

- vi) Gula, sediaan gula dan madu - daripada RM1.7 bilion kepada RM3.0 bilion;
- vii) Hasil keluaran makanan lain yang diproses - daripada RM2.3 bilion kepada RM3.0 bilion; dan
- viii) Bahan makanan untuk ternakan - daripada RM4.4 bilion kepada RM5.1 bilion.

Sementara itu, perincian kumpulan komoditi bahan makanan yang mencatatkan penurunan bagi tempoh yang sama adalah seperti berikut:

- i) Hasil tenuku dan telur burung - daripada RM2.6 bilion kepada RM2.0 bilion;
- ii) Bijirin dan sediaan bijirin - daripada RM5.2 bilion kepada RM3.6 bilion; dan
- iii) Kopi, koko, teh dan rempah - daripada RM5.3 bilion kepada RM5.0 bilion.

Peningkatan kos import bagi bahan makanan adalah disebabkan bahan makanan tersebut tidak ekonomik untuk dihasilkan dalam negara kerana faktor iklim dan kos pengeluaran yang tinggi. Selain daripada faktor global juga menyumbang kepada peningkatan harga komoditi semasa krisis makanan pada tahun 2008. Antaranya ialah harga minyak mentah yang tidak stabil, bekalan bijirin yang rendah, spekulasi pasaran, persaingan dengan pasaran biofuel, perubahan iklim dan peningkatan permintaan terhadap makanan sejajar dengan pertumbuhan populasi dunia.

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :**           **BUKAN LISAN**  
**DARI PAD A**           **Y.B. DATO' HAJI AB. HALIM BIN AB. RAHMAN**  
                                 **[PENGKALAN CHEPA]**

**Y.B. Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kemajuan Projek ECER di Kelantan, Terengganu dan Pahang sehingga kini.

**JAWAPAN:**

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9) sebanyak 67 projek telah dilaksanakan. Projek-projek tersebut sedang berada di dalam pelbagai peringkat pelaksanaan seperti kajian, kerja-kerja rekabentuk dan pelaksanaan fizikal. Manakala di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10), sebanyak 36 projek telah diluluskan untuk dilaksanakan.

**Negeri Kelantan**

Bagi Negeri Kelantan, di bawah RMKe-9, sebanyak 21 projek termasuk projek merentasi sempadan ECER telah dilaksanakan dan sedang berada di dalam pelbagai peringkat pelaksanaan. Bagi tempoh

berakhir sehingga 15 Februari 2011, 5 projek/program sedang dalam pelaksanaan fizikal manakala projek/program yang selebihnya sedang berada di dalam peringkat kajian dan rekabentuk.

Di bawah RMKe-10 *Rolling Plan* Pertama, sebanyak 6 projek telah diluluskan untuk Negeri Terengganu. Kesemua projek akan dimulakan sebelum pertengahan tahun 2011.

### **Negeri Terengganu**

Bagi Negeri Terengganu, di bawah RMKe-9, sebanyak 29 projek termasuk projek merentasi sempadan ECER telah dilaksanakan dan sedang berada di dalam pelbagai peringkat pelaksanaan. Bagi tempoh berakhir sehingga 15 Februari 2011, 8 projek/program sedang dalam pelaksanaan fizikal manakala projek/program yang selebihnya sedang berada di dalam peringkat kajian dan rekabentuk.

Di bawah RMKe-10 *Rolling Plan* Pertama sebanyak 9 projek telah diluluskan. Kesemua projek akan dimulakan sebelum pertengahan tahun 2011.

### **Negeri Pahang**

Bagi Negeri Pahang, di bawah RMKe-9, sebanyak 38 projek termasuk projek merentasi sempadan ECER sedang dalam pelaksanaan dan sedang berada di dalam pelbagai peringkat pelaksanaan. Bagi tempoh

berakhir sehingga 15 Februari 2011, 12 projek/program sedang dalam pelaksanaan fizikal manakala projek/program yang selebihnya sedang berada di dalam peringkat kajian dan rekabentuk.

Di bawah RMKe-10 *Rolling Plan* Pertama sebanyak 22 projek telah diluluskan. Kesemua projek akan dimulakan sebelum pertengahan tahun 2011.

PEMBERITAHU  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA

DARI PAD A : DATUK DR. MARCUS MOJIGOH

(PUTATAN)

PERTANYAAN : BERTULIS

TARIKH : 07.03.2011 - 07.04.2011

Datuk Dr. Marcus Mojigoh (Putatan) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan:

- (a) jumlah lesen eksais yang dikeluarkan bagi pemprosesan produk tembakau dan minuman keras (arak) di negara ini serta di mana letaknya kilang mereka, berapa dan di

mana letaknya kilang pemprosesan arak di Negeri Sabah; dan

- (b) dasar Kerajaan dalam mengeluarkan lesen pemprosesan arak dan tembakau dan cara permohonan dibuat.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah lesen eksais yang telah dikeluarkan bagi memproses produk tembakau adalah sebanyak 42 dan 88 bagi mengilang dan membotol minuman keras. Daripada jumlah tersebut, pecahan lesen mengikut negeri di seluruh negara adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH LESEN DIKELUARKAN		
	Rokok	Tembakau/Cerut	Minuman Keras
Perlis	-	-	-
Pulau Pinang	1	7	9
Kedah	-	10	4
Perak	2	12	13
Selangor	4	-	12
W. Persekutuan	-	3	12
Negeri Sembilan	2	-	1
Melaka	-	-	2
Johor	-	1	6
Pahang	-	-	-
Terengganu	-	-	-
Kelantan	-	-	-
Sarawak	-	-	20
Sabah	-	-	9
JUMLAH	9	33	88

2. Sebanyak 9 lesen eksais bagi mengilang dan membotol minuman keras telah dikeluarkan di Negeri Sabah iaitu 7 di Kota Kinabalu dan masing-masing 1 di Sandakan dan Tawau.
3. Lesen eksais bagi aktiviti pengilangan produk tembakau dan pengilangan/pembotolan minuman keras dikeluarkan oleh Kastam Diraja Malaysia di bawah Seksyen 20 dan 25 Akta Eksais 1976. Bagaimanapun pada 21 Disember 2005, Jemaah Menteri semasa membincangkan Memorandum Daripada Jabatan Perdana Menteri mengenai “Kajian Masa Depan Industri Tembakau di Malaysia” telah memutuskan supaya lesen eksais tidak lagi dikeluarkan kepada mana-mana syarikat baru yang menjalankan aktiviti pengilangan



rokok dan produk tembakau. Dasar pembekuan lesen ini terpakai kepada aktiviti pengilangan atau nilai ditambah di dalam Kawasan Utama Kastam, Gudang Pengilangan Berlesen dan Kawasan Bebas Cukai tanpa mengira sama ada keluaran syarikat adalah untuk pasaran tempatan/eksport atau pun syarikat bersaiz kecil mahu pun besar.

4. Pada masa yang sama, dasar semasa ini juga telah dipanjangkan penggunaannya ke atas pengeluaran lesen eksais bagi aktiviti mengilang dan membotol minuman keras. Sejak September 2005 dan sehingga kini, pengeluaran lesen baru/penubuhan cawangan baru untuk mengilang rokok dan mengilang/membotol minuman keras tidak lagi dibenarkan kerana kedua-dua aktiviti tersebut bukannya industri yang digalakkan. Memandangkan lesen eksais tidak lagi dikeluarkan pada masa ini, justeru prosedur permohonan lesen eksais tersebut adalah tidak berbangkit.

SOALAN NO.: 6

**DEWAN RAKYAT  
MALAYSIA PERTANYAAN  
BUKAN LISAN**

## **PERTANYAAN BUKAN LISAN**

**DARI PAD A** : DATUK DR

# MARCUS MOJIGOH

[PUTATAN]

## **SOALAN**

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan**

- (a) Sama ada Kerajaan ada menjalankan kajian terperinci mengenai program pencegahan banjir bagi seluruh negara dan

kos yang diperlukan, kaedah untuk mengatasi masalah banjir bagi jangka masa pendek dan panjang; dan

- (b) Hasil kajian pencegahan masalah banjir di Putatan dan jumlah kos yang diperlukan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mengenalpasti kawasan mudah banjir seluruh Malaysia seluas 29,800 kilometer persegi melalui kajian "National Register of River Basins" pada tahun 2003.

Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah menyediakan perancangan jangkapendek dan jangkapanjang untuk mengurangkan kejadian banjir di seluruh negara. Kaedah jangkapendek adalah dengan melaksanakan kerja-kerja penggalian semula sungai-sungai dan sistem saliran untuk membuang kelodak, mendapan dan sekatan-sekatan untuk memastikan aliran air yang lancar. Manakala perancangan jangkapanjang melibatkan penyediaan pelan induk lembangan sungai yang mengesyorkan kaedah penyelesaian masalah banjir yang holistik serta pelaksanaan langkah-langkah struktur dan bukan struktur yang terkandung dalam pelan tersebut..

Kerajaan menganggarkan peruntukan yang diperlukan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) untuk melaksana Program Tebatan Banjir atau

program pencegahan banjir bagi seluruh negara ialah sebanyak RM11.0 billion.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil daripada kajian mengatasi banjir untuk kawasan Putatan, kerja-kerja yang telah dikenalpasti ialah seperti berikut:-

- (i) Menaiktaraf Jambatan Sg. Putatan;
- (ii) Pengorekan muara Sg. Putatan; dan
- (iii) Manaiktaraf saliran Sg. Putatan.

Kos bagi melaksanakan projek ini dianggarkan sebanyak RM 50 juta. Selain kerja-kerja fizikal, program-program yang telah dikenalpasti untuk diadakan atau dipertingkatkan ialah sistem Ramalan dan Amaran Banjir dan program kesedaran komuniti.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :            BUKAN LISAN**

**DARI PAD A                    DATUK DR. MARCUS MOJIGOH  
[PUTATAN]**

**SOALAN**

**DATUK DR. MARCUS MOJIGOH [PUTATAN]** Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada pihak Kerajaan akan memberikan peruntukan tahunan kepada semua badan-badan bukan Kerajaan (NGO) dan institusi keagamaan bukan Islam bagi membantu mereka, dalam usaha mereka untuk membentuk masyarakat bermoral dan sekali gus membantu Kerajaan dalam menangani masalah sosial seperti pembuangan bayi, seks bebas, perkahwinan awal dan lain-lain lagi.

**JAWAPAN**

Kerajaan sentiasa mencari jalan untuk menangani masalah sosial dalam usaha membantu masyarakat bermoral. Kerajaan akan membantu NGO dan institusi keagamaan Islam dan bukan Islam untuk menjalankan tugas mereka. Walau bagaimanapun, samada bantuan ‘one off atau geran adalah bergantung kepada kemampuan kerajaan.

**SOALAN NO. ( 8 )**

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN            BERTULIS**

**DARIPADA                    DATUK DR. MARCUS MOJIGOH [ PUTATAN ]**

**SOALAN**

**Y.B. DATUK DR. MARCUS MOJIGOH [ PUTATAN ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan

- (a) sama ada pihak Kementerian berhasrat untuk meneruskan cadangan penyusunan semula rumah-rumah yang tidak teratur di Tanjung Aru dan Sembulan, yang mana Fasa 1 di Tanjung Aru telah pun siap; dan
- (b) adakah peruntukan untuk Fasa 2 bagi maksud yang sama telah disediakan sepetimana yang telah dijanjikan dahulu.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Semakan oleh Kementerian mendapati Projek Penyusunan Semula Rumah-rumah tidak teratur di Tanjung Aru dan Sembulan bukanlah projek yang dilaksanakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Namun bagi melaksanakan Fasa 2 projek ini, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu boleh menggunakan peruntukan geran tahunan yang diberikan kepada Dewan Bandaraya awal bulan lepas.

Kementerian Perumahan  
dan Kerajaan Tempatan

April 2011

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :        BUKAN LISAN**

**DARIPADA              Y.B. DATUKDR MARCUS MOJIGOH  
[PUTATAN ]**

**SOALAN:**

**Y.B. Datuk Dr Marcus Mojigoh** minta **PERDANA MENTERI**

### **SOALAN NQ.09**

menyatakan

- (a) sama ada pihak Kerajaan bercadang mengubah sempadan pilihan raya mengikut *Physical Boundary* (misalnya sempadan jalan raya, sungai dan sebagainya) dan bukan mengikut kepentingan politik masing-masing; dan
- (b) berapakah jumlah pengundi baru yang didaftarkan menurut pecahan etnik, negeri dan kawasan pilihan raya.

**JAWAPAN: YB. DATO' SERI MOHAMEP NAZRI ABDUL AZIZ**

**SOALAN NO.09**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia tidak pernah melaksanakan urusan persempadanan berdasarkan kepentingan politik kerana segala tindakan yang akan dijalankan adalah berdasarkan kepada prinsip-prinsip persempadanan dan tatacara persempadanan yang ditetapkan oleh Jadual Ketiga Belas, Bahagian I dan II Perlembagaan Persekutuan. Malahan SPR tidak dapat mengubah sempadan pilihan raya berdasarkan sempadan fizikal kerana saiz sesuatu bahagian pilihan raya dengan bilangan pemilih sama ada bahagian pilihan raya Parlimen atau Dewan Undangan Negeri (DUN) adalah berbeza berdasarkan keadaan muka bumi dan penempatan penduduk serta kemudahan pentadbiran dalam sesuatu bahagian pilihan raya. Walau bagaimanapun, bagi menyelaras dan menyeimbangkan keluasan kawasan dan bilangan pemilih di antara sesuatu bahagian pilihan raya, Suruhanjaya Pilihan Raya telah menetapkan kriteria-kriteria bagi persempadanan bahagian pilihan raya Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) adalah seperti dalam jadual 1 di bawah.

**Jadual 1**

<b>KATEGORI BAHAGIAN</b>	<b>KRITERIA</b>		
	<b>LUAS KAWASAN (KM<sup>2</sup>)</b>	<b>JUMLAH PEMILIH BAHAGIAN PILIHAN RAYA PARLIMEN *</b>	<b>JUMLAH PEMILIH BAHAGIAN PILIHAN RAYA NEGERI</b>
BANDAR	8-49	60,000 KE ATAS	25,000 KE ATAS
SEPARUH BANDAR	50 - 250	30,000 - 59,000	15,000-24,000
LUAR BANDAR + PENDALAMAN	>250	30,000 KE BAWAH	15,000 KE BAWAH

\* Kecuali bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Labuan

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, statistik jumlah pemilih baru mengikut pecahan kaum dan Parlimen selepas Pilihan Raya Umum Ke-12 (PRU-12) sehingga sehingga Suku Tahun Keempat Tahun 2010 (ST4/2010) bagi seluruh negara adalah seperti dalam jadual 2 di bawah.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN :            BUKAN JAWAB LISAN  
DARI PAD A            DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR  
                          BIN HAJI SALLEH  
SOALAN                :     N0.10

Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [ Kalabakan ] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan berapa banyakkah rakyat Malaysia dari golongan muda mendapat pinjaman PTPTN dan berapa jumlah keseluruhannya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak tahun 1997 sehingga 31 Januari 2011, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) telah meluluskan pinjaman sebanyak 1,719,880 yang melibatkan peruntukan berjumlah RM37.85 billion. Secara keseluruhannya, 97 peratus daripada jumlah tersebut iaitu sebanyak 1,668,077 bilangan pinjaman telah diluluskan kepada golongan muda berumur diantara 16 tahun hingga 25 tahun yang melibatkan peruntukan sejumlah RM36.8 billion.

NO. SOALAN: 11

**DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN**

**DARI PAD A**

**BUKAN LISAN**

**DATUK SERI PANGLIMA ABDUL**

**GHAPUR BIN HAJI**

**SALLEH [ KALABAカン ]**

**SOALAN**

Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur Bin Haji Salieh [ Kalabakan ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah peruntukan Kementerian di dalam pembangunan prasarana kesihatan di kawasan luar bandar dan pedalaman negeri Sabah khususnya di Kalabakan dalam peruntukan Bajet 2011.

Tuan Yang Dipertua,

Dalam melaksanakan hasrat untuk meningkatkan kemudahan prasarana kesihatan di luar bandar termasuklah di kawasan Kalabakan. Pada tahun 2010, Kerajaan telah menaiktaraf sub-sektor (kawasan Kalabakan) di Tibou

untuk kemudahan penduduk di sepanjang jalan Nabawan - Kalabakan. Sub-sektor tersebut telah dipindahkan berdekatan dengan kawasan yang mempunyai penduduk yang ramai iaitu di kampung Salarom Taka supaya lebih ramai penduduk mendapat perkhidmatan kesihatan.

Pihak Kerajaan sentiasa meneliti dan mengkaji keperluan perkhidmatan kesihatan di kawasan tersebut. Jika sekiranya terdapat keperluan yang tinggi dan mendesak pada masa akan datang, Kerajaan akan memberikan pertimbangan yang sewajarnya.



## **PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

## Pertanyaan PERTANYAAN BUKAN LISAN

Daripada Datuk Seri Panglima Abdul Ghapor Bin Haji Salleh [ Kalabakan ]

Soalan

**Datuk Seri Panglima** No. 12 **Abdul Ghapur Bin Haji Salleh**  
[Kalabakan] minta **MENTERI PERUSAHAAN**  
**PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan :**

- (a) apakah ada pihak Kementerian menyimpan statistik tentang berapakah jumlah estet kelapa sawit dan getah yang terdapat di negeri Sabah ketika ini; dan
  - (b) jika ada, apakah strategi Kementerian untuk menambah bilangan pekebun kecil bagi mengimbangi pembangunan estet-estet besar yang ada.

## JAWAPAN:

Jumlah estet kelapa sawit di Sabah pada tahun 2010 adalah 1,516 buah dengan jumlah kluasan 1.24 juta hektar. Bagi estet getah pula, hanya terdapat sebuah iaitu dengan kluasan 87 hektar.

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) sentiasa mengalakkan dan memperkasa pekebun-pekebun kecil sedia ada mahupun yang baru berminat untuk terlibat dalam sektor ini.

Beberapa program serta bantuan ada disediakan di bawah agensi-agensi Kementerian untuk menarik minat golongan-golongan yang berminat sekaligus mampu meningkatkan jumlah pekebun kecil.

Aktiviti-aktiviti itu, di bawah NKRA sawit dan getah dilaksanakan di seluruh negara bertujuan membantu pekebun kecil meningkatkan pendapatan.

Antaranya :

- a. Di bawah pelaksanaan *Entry Point Projects 1* (EPP1), Bidang Ekonomi Utama Nasional (NKEA) bantuan tanam semula sawit dan tanam baru sawit disediakan iaitu:
  - i. Peruntukan sebanyak RM112.2 juta untuk membiayai Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK) meliputi kawasan seluas 15,000 hektar pada tahun 2011. Di bawah program ini, bantuan sebanyak RM7.000 sehektar disediakan bagi perolehan bekalan anak benih sawit berkualiti, input pertanian dan penyediaan tapak mengikut Amalan Pertanian Baik. Di samping itu, pekebun kecil yang mempunyai keluasan kurang dari 2.5 hektar berkelayakan menerima Bantuan Penyelenggaraan Kebun sebanyak RM500 sebulan selama dua tahun; dan
  - ii. Peruntukan sebanyak RM28 juta untuk membiayai Skim Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK) meliputi kawasan

seluas 4,000 hektar pada tahun 2011. Di bawah program ini, bantuan sebanyak RM7,000 sehektar disediakan kepada individu yang ingin memulakan tanaman baru sawit.

- b. Bagi penanaman getah pula, di bawah NKEA Kerajaan telah menggariskan 3 aktiviti agar sasaran Pendapatan Negara Kasar (GNI) tercapai. Aktiviti-aktiviti tersebut ialah:
  - i. Pengekalan kawasan penanaman getah dan peningkatan hasil;
  - ii. Mengalakkan pertumbuhan produk industri hiliran; dan
  - iii. Memperkenalkan produk-produk baru getah.

RT 1/  
No.  
13

#### JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: **Y.B. DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR  
BIN HAJI  
SALLEH [  
KALABAKAN ]**

#### JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

#### PERTANYAAN BERTULIS

**Y.B. DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH [ KALABAKAN ]**  
minta Menteri Pelajaran menyatakan

- (a) berapakah nisbah pelajar dan guru bagi setiap kawasan Parlimen di negeri Sabah dan apakah perancangan Kementerian untuk meningkatkan nisbah guru berbanding pelajar demi menjamin pelajar-pelajar di negeri Sabah tidak ketinggalan di dalam bidang pendidikan; dan
- (b) apakah nisbah pelajar dan guru yang sudah mencapai tahap ideal untuk memungkinkan proses mengajar dan belajar yang berkesan

## **JAWAPAN**

**Untuk makluman Ahli Yang**

**Berhormat, (a) dan (b)**

**Nisbah murid dan guru di sekolah rendah dan menengah bagi negeri Sabah adalah seperti berikut:**

<b>SEKOLAH</b>	<b>ENROLMEN MURID</b>	<b>ENROLMEN GURU</b>	<b>NISBAH</b>
<b>RENDAH</b>	<b>271,636</b>	<b>23,663</b>	<b>11.5</b>
<b>MENENGAH</b>	<b>203,416</b>	<b>14,762</b>	<b>13.0</b>

*\*data tidak termasuk murid dan guru prasekolah*

**Untuk makluman, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa membuat penambahbaikan bagi meningkatkan kualiti infrastruktur dan sistem pendidikan**

negara termasuklah usaha untuk menambahbaik perjawatan guru mengikut keperluan dari semasa ke semasa dengan mengambilkira beban tugas dan tanggungjawab guru di sekolah.

Antara usaha yang telah diambil adalah meningkatkan norma perjawatan guru dari nisbah 1.5n kepada 1.7n yang telah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Peningkatan norma perjawatan guru di Sekolah Menengah bermula tahun 2007 hingga tahun 2010 dan bagi Sekolah Rendah pula adalah dari tahun 2009 hingga tahun 2012.

**SOALAN NO: 14**

**PARHMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN**  
**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**DARI PADA**

**SOALAN**

**BERTULIS**

**Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur bin Haji  
Salleh [ Kalabakan ]**

**Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur bin Haji  
Salleh [ Kalabakan ]** minta **MENTERI PERTANIAN  
DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah perancangan Kementerian di dalam pembangunan pengkalan perikanan laut dalam negeri Sabah dan apakah aspek yang akan diambil kira untuk memberi faedah kepada nelayan-nelayan Sabah untuk membangunkan kapasiti pengeluaran dan hasil tangkapan mereka.

**JAWAPAN**

**Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI  
ASAS TANI**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani belum bercadang untuk mewujudkan pengkalan perikanan laut dalam dibina di Sabah bagi memacu pembangunan industri perikanan laut dalam. Walau bagaimanapun, Kementerian sentiasa menekankan supaya program-program dan projek - projek yang telah dan akan dilaksanakan memberi faedah kepada nelayan - nelayan di Sabah terutamanya untuk membangunkan kapasiti pengeluaran dan hasil tangkapan mereka.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OSBALAN DATOS**

**SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN                          BUKAN LISAN**

**DARIPADA :                          DATO'DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN  
[PENDANG]**

**SOALAN**

**DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN [PENDANG]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kesan nyamuk Aedes GMO yang telah dilepaskan ke lapangan dan hasil kajian tersebut serta kesan kepada pencegahan penyakit denggi.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman, kajian pelepasan nyamuk GM jantan (*Aedes aegypti* 0X513A strain) yang telah dijalankan di kawasan yang tidak berpenghuni, adalah bertujuan untuk mengenalpasti jarak penerbangan dan jangka hayat nyamuk tersebut. Berdasarkan kajian tanda lepas dan tangkap semula nyamuk *Aedes aegypti* lapangan yang telah dijalankan, didapati kitaran hidup nyamuk *Aedes* dewasa yang dilepaskan adalah lebih kurang seminggu (7 hari). Nyamuk jantan (*Aedes aegypti* 0X513A strain) yang telah dilepaskan di kawasan yang tidak berpenghuni telah ditangkap semula sehingga tiada nyamuk jantan (*Aedes aegypti* 0X513A strain) dijumpai dalam tempoh 3 hari berturutan. Kemudian aktiviti semburan kabus telah dilakukan di kawasan kajian dan diikuti oleh pemantauan yang rapi. Kesemua langkah ini adalah berdasarkan kepada permaisuri dan syarat yang telah ditetapkan oleh Lembaga Biokeselamatan Negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B.**

**MENTERI KESIHATAN MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN                  BUKAN LISAN**

**DARI PAD A :                  DATO' DR HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN  
[PENDANG]**

**SOALAN**

Dato' Dr Haji Mohd Hayati Bin Othman [ Pendang ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan jumlah pelancong kesihatan yang mendapat rawatan di dalam negeri ini mengikut negeri dan penyakit.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia melalui *Malaysia Healthcare Travel Council* (MHTC) telah merancang pelbagai inisiatif yang telah menunjukkan hasilnya dalam usaha mempromosikan pelancongan kesihatan Malaysia untuk memperluaskan pasaran pelancong kesihatan.

Sehubungan itu, pada tahun 2010, jumlah pelancong kesihatan yang datang ke Malaysia untuk mendapat perkhidmatan penjagaan kesihatan adalah seramai 392,956 orang dan jumlah pendapatan yang dijana daripadanya adalah sebanyak RM378,945,578. MHTC sedang dalam proses mengumpul maklumat berkaitan jumlah pelancong kesihatan yang mendapat rawatan di dalam negara ini mengikut negara dan penyakit. Sementara ini, data berkenaan belum lengkap.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT  
PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUA BELAS (2011)**

**PERTANYAAN                  BUKAN LISAN**

**DARIPADA                  Y.B. DATO' DR. HAJI MOHD HAY ATI BIN  
OTHMAN [PENDANG]**

**SOALAN :**

Dato' Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman [ Pendang ] minta PERDANA

MENTERI menyatakan kajian ahli lembaga Tabung Haji yang dihantar memantau di setiap musim haji serta perancangan untuk mendapat peluang menunaikan haji kepada rakyat beragama Islam di dalam negara ini.

**JAWAPAN** : (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL  
KHIR BIN HAJI BAHAROM (B),  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap tahun hanya beberapa orang Ahli Lembaga Pengarah (ALP) yang terpilih akan di hantar bertugas di Tanah Suci bagi menjalankan tugas-tugas seperti berikut:-

1. memastikan keseluruhan perjalanan pengurusan operasi haji mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah *TH*,
2. memberi maklum balas kepada Pengurusan *TH* berhubung perkara-perkara berkenaan dengan kebajikan jemaah haji;
3. mengemukakan cadangan-cadangan kepada Pengurusan *TH* bagi tujuan memperbaiki lagi perkhidmatan haji kepada jemaah haji.

Bilangan Ahli Lembaga Pengarah *TH* yang telah menunaikan fardhu haji bagi tahun 2009 adalah seramai 5 orang manakala bagi tahun 2010 hanya seorang sahaja.

Mengenai kuota untuk menunaikan haji pula adalah bergantung kepada kuota yang ditentukan oleh Kerajaan Arab Saudi. Pelaksanaan kuota jemaah haji seluruh dunia oleh Kerajaan Arab Saudi telah diputuskan dalam Mesyuarat OIC (Pertubuhan Negara-Negara Islam) pada tahun 1978 di Amman, Jordan pada kadar 0.1% daripada jumlah penduduk bagi sesebuah negara. Bagi negara Malaysia, jumlah jemaah haji yang dibenarkan adalah seramai 26,000 orang iaitu berasaskan jumlah penduduk seramai 26 juta orang. Namun begitu, setiap tahun Kerajaan Malaysia akan mengemukakan rayuan kuota tambahan kepada Kerajaan Arab Saudi sebagai perancangan untuk mendapat peluang menunaikan fardhu haji kepada rakyat beragama Islam di negara ini di samping langkah positif untuk meningkatkan hubungan baik kedua- dua kerajaan. Pada dasarnya, pihak Kerajaan Arab Saudi tidak menetapkan sebarang kriteria bagi mengemukakan permohonan tambahan kuota. Walau bagaimanapun, bagi tujuan menyokong permohonan tersebut *TH* telah mengemukakan beberapa fakta seperti berikut:-

1. Jumlah pendaftaran permohonan untuk menunaikan fardhu haji yang semakin meningkat setiap tahun. Sehingga kini, bilangan pendaftaran melebihi setengah juta.
2. Taraf pendapatan perkapita rakyat Malaysia yang tinggi sejajar dengan perkembangan ekonomi negara yang baik.
3. Pengalaman dan keupayaan *TH* menguruskan jemaah haji Malaysia di Tanah Suci dengan cemerlang, yang mendapat pengiktirafan Kerajaan Arab Saudi serta dijadikan contoh untuk diikuti oleh negara lain.
4. Kesedaran dan peningkatan kefahaman rakyat Malaysia dalam merealisasikan tuntutan ibadah Rukun Islam yang kelima.

Pada tahun 2010, Kerajaan Malaysia melalui Wisma Putra telah mengemukakan perangkaan terkini penduduk Malaysia mengikut negeri bagi tahun 2009 yang berjumlah 28.3 juta kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) New York. Prospek Populasi Dunia Bangsa Bersatu (*United Nation's World Population Prospect*) dijangka akan dikeluarkan pada hujung bulan Mac 2011 dan perkara ini akan dipanjangkan kepada Kerajaan Arab Saudi.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
SOALAN NO. ( 18 )  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN**              **BERTULIS**

**DARIPADA**              **Y.B. DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN  
[PENDANG]**

**SOALAN**

**Y.B. DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN [PENDANG]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah kutipan sisa pepejal mengikut negeri dan PBT serta perancangan Kementerian di dalam melaksanakan kaedah lebih berkesan di masa akan datang.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memandangkan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Kebersihan Awam masih belum dikuatkuasakan sepenuhnya, PBT masih bertanggungjawab dalam perkara berkaitan pengurusan sisa pepejal. Oleh yang demikian, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tidak mempunyai maklumat tepat mengenai jumlah sisa pepejal yang dikutip oleh setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Ini kerana bukan setiap PBT mempunyai jambatan timbang berkomputer di tapak-tapak pelupusan bagi merekodkan jumlah sisa pepejal yang dikutip dan dilupuskan.

Bagi perancangan masa hadapan untuk mengurangkan penghasilan sisa pepejal, KPKT akan memberikan tumpuan kepada kempen-kempen 3R serta kesedaran yang giat dijalankan bersama-sama pertubuhan bukan kerajaan, agensi-agensi kerajaan serta pihak swasta untuk menyedarkan masyarakat tentang pentingnya mengurangkan penjanaan sisa pepejal. Selain itu Kementerian juga akan mengambil pendekatan untuk menggalakkan pengasingan sisa pepejal di peringkat punca. Langkah ini mampu mengurangkan jumlah sisa pepejal yang akan dilupuskan. KPKT turut giat meneroka penggunaan teknologi

moden seperti *anaerobic digester* untuk merawat sisa pepejal makanan bagi menghasilkan produk seperti biogas dan kompos

Kementerian Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan

April 2011

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>BUKAN LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN [PENDANG]</b>

**DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN [PENDANG]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN**

menyatakan kaedah pengawalan harga barang kegunaan harian dan jumlah kes terhadap pelaku kesalahan sorok dan menipu harga serta kompaun yang dikenakan dan kes yang dapat diselesaikan sepanjang tahun lepas.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kerajaan tidak mengawal harga semua barang di dalam pasaran negara. Namun bagi memastikan rakyat dapat terus memperolehi barang-barang keperluan harian pada harga yang berpatutan beberapa kaedah pengawalan harga barang telah dilaksanakan oleh Kerajaan iaitu:

- i. **menetapkan harga runcit secara pentadbiran** keatas barang kawalan

**NO. SOALAN : 19**

tertentu yang digazetkan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 iaitu tepung gandum kegunaan am, minyak masak sawit, gas petroleum cecair, diesel dan petrol RON95. Harga barang-barang

tersebut sentiasa terkawal dan stabil melalui pemberian subsidi oleh Kerajaan. KPDNKK sentiasa memantau bekalan dan harga barang-barang tersebut dan memastikan pihak industri memberi kerjasama dan mematuhi harga yang ditentukan;

- ii. **menetapkan harga maksimum borong dan runcit bagi gula pasir putih bertapis halus dan kasar serta topeng muka (pembedahan/perubatan) secara undang-undang** di bawah Akta Kawalan Harga 1946. Barang tersebut diwartakan sebagai barang harga terkawal dan harga maksimum di peringkat borong dan runcit ditetapkan oleh Kerajaan. Pengawalan harga gula dilaksanakan melalui pemberian subsidi oleh Kerajaan. Tindakan undang-undang boleh diambil ke atas mana-mana peniaga yang menjual melebihi harga maksimum yang diwartakan di bawah Akta;
- iii. **melaksanakan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan (SKHMP)** pada musim-musim perayaan utama. Di bawah skim ini, barang keperluan yang terlibat akan diwartakan sebagai barang harga terkawal dan harga maksimum ditetapkan di bawah Akta Kawalan Harga 1946. Skim tersebut merupakan salah satu kaedah bagi merealisasikan hasrat Kerajaan untuk memastikan pengguna memperolehi barang-barang keperluan pada harga yang stabil sepanjang masa. Objektif utama skim ini adalah untuk menyekat kenaikan harga yang tidak munasabah dan menangani isu mencatut semasa permintaan tinggi di musim perayaan. Skim ini telah diperkenalkan sejak tahun 2000 dan mulai tahun 2010, skim ini telah diperluaskan merangkumi perayaan utama masyarakat negara ini iaitu Tahun Baru Cina, Pesta Kaamatan, Hari Gawai, Deepavali, Hari Raya Puasa dan Krismas.

KPDNKK dengan bilangan anggota seramai lebih kurang 1,900 orang pegawai penguatkuasa menguatkuasakan Akta Kawalan Harga 1946. Akta tersebut

diwujudkan bagi tujuan kawalan harga turut dilengkapkan dengan perundangan subsidiari yang meliputi peruntukan undang-undang keatas penandaan harga dan pelabelan barang tersedia bungkus iaitu Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga Oleh Penjual Runcit) 1993 dan Perintah Kawalan Harga (Pelabelan Oleh Pekilang, Pengimport, Pengeluar Atau Penjualborong) 1980.

Sekiranya kesalahan dilakukan di bawah Akta atau mana-mana perundangan subsidiari, penalti bagi individu bagi kesalahan pertama boleh didenda tidak melebihi RM15,000 atau penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-dua dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya boleh didenda tidak melebihi RM25,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-dua. Manakala bagi syarikat untuk kesalahan pertama boleh didenda tidak melebihi RM25,000 dan kesalahan kedua atau berikutnya boleh didenda tidak melebihi RM50,000. Nilai kompaun maksimum bagi individu adalah sebanyak RM7,500 dan bagi syarikat pula adalah RM12,500 bagi kesalahan pertama.

Pada tahun 2010 sebanyak 963 kes telah dihasilkan dengan nilai rampasan sebanyak RM792,985.93 di bawah Akta Kawalan Harga 1946 serta perintah-perintah di bawahnya. Sebanyak 584 kes telah selesai dan nilai kompaun serta denda yang telah dikenakan adalah sebanyak RM252,390. Pecahan tindakan kes adalah seperti berikut:

Jenis Kesalahan	Bilangan Kes (2010)
Gagal Meletakkan Penandaan Harga	673
Gagal Melabelkan Barang Tersedia Bungkus	94
Pelabelan Barang Harga Terkawal	28
Menjual Barang Harga Terkawal Melebihi Harga Maksimum	97
Menjual Barang Harga Terkawal Tanpa Lesen	71



Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2010 akan diperkenalkan oleh Kerajaan tidak lama lagi bagi menangani kenaikan harga secara tidak munasabah dan mencegah amalan pencatutan. Akta ini mengadakan peruntukan yang membolehkan Kerajaan mengambil tindakan terus terhadap peniaga yang melakukan perbuatan mengambil keuntungan yang berlebihan.

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

## PERTANYAAN BUKAN LISAN

DARIPADA DR. TAN SENG GIAW  
[KEPONG]

## **SOALAN:**

DR. TAN SENG GIAW [ KEPONG ] minta PERDANA MENTERI menyatakan peringkat pelaksanaan 12 projek NKEA, masalah yang dihadapi dan cara-cara untuk mengatasinya.

## JAWAPAN:

Program Transformasi Ekonomi (*Economic Transformation Programme* atau ETP) adalah satu usaha komprehensif yang akan mentransformasikan Malaysia ke arah sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020. Ia akan meningkatkan pendapatan negara kasar (PNK) per kapita Malaysia dari lebih kurang AS\$6,700 atau RM23.700 pada 2009 ke lebih daripada AS\$15,000 atau RM48.000 pada 2020, dengan itu memacu kemajuan negara ke tahap yang sama dengan negara-negara

berpendapatan tinggi yang lain. Perkembangan PNK sebanyak 6 peratus setahun akan membolehkan kita mencapai sasaran yang ditetapkan di bawah Wawasan 2020.

Lebih 3.3 juta pekerjaan baru merentasi kawasan bandar dan luar bandar negara akan diwujudkan menjelang 2020. Ciri-ciri pekerjaan baru ini akan menyebabkan anjakan ke arah julat pendapatan sederhana dan tinggi.

Hampir kesemua 131 projek permulaan atau *Entry Point Projects* (EPP) dibawah 12 *National Key Economic Areas* (NKEA) sedang rancak dirunding. Sudah tentunya sesetengah daripada mereka mempunyai isu-isu yang kompleks dan mengambil lebih masa untuk bergerak lancar, tetapi banyak diantaranya sudah

membuahkan hasil yang nyata atau *tangible results*. Sebagai contoh, YAB Perdana Menteri telah mengumukan 60 buah projek di bawah ETP dalam jangka masa 4 bulan ETP dilancarkan. 60 projek ini merangkumi 46 EPP (*Entry Point Project*) di mana hanya pada masa yang singkat ini, pihak swasta dan kerajaan bersama-sama telah dapat memulakan 35% daripada 131 EPP yang disenaraikan dalam Program Transformasi Ekonomi.

Bagi memastikan pelaksanaan projek-projek di bawah Program Transformasi Ekonomi berjalan dengan lancar, ETP mempunyai sebuah struktur Governance yang memastikan setiap daripada mereka yang terlibat sentiasa berdisiplin untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing.

Setiap Entry Point Project atau EPP mempunyai pemiliknya yang datang daripada sektor swasta, dan mereka harus sentiasa berhubung dengan kementerian yang bertanggungjawab. Hubungan komunikasi ini hampir setiap hari dijalankan. Tugas sektor swasta di dalam ETP adalah sebagai pemacu ekonomi, dan mereka harus berlumba-lumba untuk merebut peluang yang diberikan untuk mengaut keuntungan hasil daripada kerja yang efisen. Tugas pihak kerajaan termasuk kementerian yang bertanggungjawab adalah sebagai fasilitator dan pemudah cara kepada sektor swasta sama ada daripada dalam atau luar negara.

Seterusnya, setiap bulan mesyuarat 'Steering Committee' yang didahului oleh Kementerian yang memacu NKEA akan diadakan untuk membincangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh setiap EPP yang tersenarai di bawah Program Transformasi Ekonomi. Mesyuarat ini dihadiri oleh Menteri peneraju NKEA, CEO PEMANDU, wakil pemilik EPP daripada syarikat swasta, wakil-wakil daripada Kementerian dan Agensi yang terlibat dan juga PEMANDU.

Selain itu, terdapat juga sebuah pasukan yang dinamakan 'Investment Committee' yang diterajui oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia atau MIDA juga sama-sama terlibat di dalam komiti ini dan fokus mereka adalah untuk menarik dan meningkatkan pelaburan-pelaburan berkualiti tinggi daripada luar negara. Investment Committee juga bersidang sekali sebulan untuk memastikan terdapat

kemajuan dari segi pelaburan yang masuk ke negara ini.

Setiap minggu pula Unit Perancang Ekonomi (EPU) menganjurkan Mesyuarat Economic Council yang terdiri daripada YAB PM, YAB DPM, Menteri MITI, EPU,

KPDNKK, CEO PEMANDU, dan lain-lain yang terlibat secara langsung dengan hal ehwal ekonomi. Mereka bersidang pada setiap hari Isnin dan mendapatkan status terkini NKEA. Status yang ditunjukkan adalah berapa EPP yang berjalan dengan lancar, EPP yang mempunyai kemajuan tetapi perlahan, dan juga EPP yang mempunyai masalah dari segi implementasi atau pelaburan. Terdapat sesi khas untuk membincangkan bagaimana untuk menyelesaikan isu-isu di bawah NKEA.

PEMANDU juga akan menganjurkan ETP Forum dua kali dalam setahun, di mana YAB PM sendiri berhubung secara langsung dengan pemilik-pemilik EPP daripada sektor swasta untuk mendapatkan perkembangan terkini kemajuan projek-projek di bawah ETP. Oleh itu, kerana YAB PM sendiri memberi perhatian secara terperinci terhadap setiap EPP tersebut, pemilik-pemilik EPP daripada sektor swasta itu harus senantiasa berkejaran untuk memastikan mereka mempunyai laporan yang positif untuk ditunjukkan kepada YAB PM.

Ini menunjukkan komitmen kerajaan terhadap membantu sektor swasta untuk menjadi pemacu utama mengembangkan ekonomi negara. Pelbagai lagi pengumuman yang akan dibuat oleh YAB PM dan Menteri-Menteri peneraju NKEA pada masa yang akan datang, dan pelaksanaan projek-projek ini dapat dirasakan oleh semua golongan dan lapisan masyarakat.

RT 2/  
No.  
21

**Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. DR. TAN SENG GIAW**

**[KEPONG]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Y.B. DR. TAN SENG GIAW [ KEPONG ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan projek dan insentif untuk hampir 400,000 guru di negara ini. Apakah jumlah perbelanjaan untuk setiap projek dan insentif serta cara-cara untuk menentukan semuanya dilaksanakan dengan berkesan.

## **JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

### **JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

Sebagai usaha telah dijalankan bagi memastikan bidang pendidikan dengan mengembalikan status perguruan sebagai kerjaya yang dihormati. Bagi meningkatkan profesionalisme setiap guru, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa memberi keutamaan sebagaimana yang termaktub dalam Teras 5 Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006 - 2010. Usaha yang sama juga diteruskan melalui Pelan Strategik Pendidikan 2011 - 2020. Antara usaha-usaha yang dilakukan termasuklah;

- i. Menyediakan peruntukan bagi memastikan guru mendapat latihan dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 7 hari setahun bagi meningkatkan pengetahuan dan kepakaran;
- ii. Menyediakan kemudahan biasiswa dan cuti belajar bagi membolehkan guru melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah pertama, sarjana dan kedoktoran;
- iii. Penambahbaikan skim perkhidmatan dan perjawatan seperti pengwujudan jawatan **Guru Besar Cemerlang Gred DGA38** sebanyak **1,700 jawatan** sebagai pengiktirafan kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang cemerlang;



- iv. Peningkatan norma guru daripada  $1.5n$  kepada  $1.7n$  ( $n$  merujuk kepada bilangan kelas) yang dijangka akan mewujudkan sebanyak 33,104 jawatan selaras dengan usaha untuk mengurangkan beban tugas guru;
- v. Penambahbaikan laluan kerjaya yang mana peluang dan ruang yang luas disediakan seperti berikut:
  - a. Kenaikan pangkat secara hakiki;
  - b. Kenaikan pangkat secara time based;
  - c. Kenaikan pangkat sebagai Guru Besar/Pengetua Cemerlang;
  - d. Kenaikan pangkat sebagai Guru Cemerlang.

vi. KPM juga menyediakan elaun dan insentif kepada guru. Antaranya:

- a. Elaun Guru Kelas Khas Bahasa Ibunda;
- b. Bayaran Insentif Subjek Pendidikan Bagi Guru Sains, Matematik Dan Bahasa Inggeris;
- c. Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal;
- d. Bayaran Insentif Pendalaman;
- e. Elaun Ketua Warden Dan Warden Asrama
- f. Bayaran Insentif Mengajar Kanak-Kanak Berkeperluan Khas
- g. Elaun Guru Besar/Pengetua
- h. Elaun Khas Lokasi dan Tahap Kesusahan
- i. Elaun Balik Kampung
- j. Bayaran Insentif Jurulatih Sukan

Selain dari itu, KPM juga menyediakan persekitaran kerja dan kemudahan yang kondusif seperti menyediakan kemudahan tempat tinggal yang mencukupi di kawasan pedalaman dan luar bandar serta tambahan jawatan kumpulan sokongan sebagai langkah mengurangkan beban tugas dan tanggungjawab guru.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**SOALAN NO. 7**

**PERTANYAAN**

**BUKAN LISAN**

**DARIPADA**

**Y.B. TUAN DR. TAN SENG GIAW**

**[KEPONG]**

**SOALAN**

**Meminta MENTERI PELANCONGAN**

**menyatakan:**

Semua projek dan program pelancongan yang dilaksanakan sejak tahun 2005. Apakah prestasi, jumlah perbelanjaan dan kos dan keberkesanan pengendaliannya (maintenance cost and effectiveness). Apakah bilangan projek yang tidak dikendali baik.

**JAWAPAN**

Pada tahun 2005, Kementerian Pelancongan telah membelanjakan sebanyak RM86 juta untuk menyiapkan 133 buah projek di bawah Rancangan Malaysia Kelapan (2001- 2005). Daripada jumlah tersebut, sebanyak 38 projek dibawa ke Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010) untuk sambungan.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, Kementerian Pelancongan telah membelanjakan sebanyak RM1.09 bilion untuk menyiapkan sebanyak 1,092 projek. Daripada jumlah projek tersebut,

sebanyak 12 buah projek atau 1.1% tidak dapat disiapkan sepenuhnya dan perlu dibawa ke Rancangan Malaysia Kesepuluh (2011-2015) untuk sambungan. Daripada pelaksanaan projek-projek di atas, juga didapati 2 buah projek oleh agensi pelaksana tidak dikendalikan dengan begitu baik.

Bagi mengatasi kelemahan ini, di bawah **Rancangan Malaysia Kesepuluh**, Kementerian Pelancongan sedang dalam proses menyediakan Perjanjian Persefahaman yang akan ditandatangani diantara pihak Agensi/Kerajaan Negeri dengan Kementerian Pelancongan. Ini bagi memastikan mereka bertanggungjawab ke atas kemudahan pelancongan yang telah disediakan dan turut memastikan projek-projek tersebut dikawal selia dengan baik.

Pelaksanaan projek pelancongan adalah bagi menyediakan kemudahan pelancong yang mencukupi bagi menjamin keselesaan, keselamatan dan kepuasan para pelancong serta mewujudkan peluang pekerjaan baru dan aktiviti ekonomi untuk penduduk setempat supaya mereka juga turut mendapat faedah dengan aktiviti pelancongan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>BUKAN LIS AN</b>
<b>DARI PADA</b>	<b>DR. TAN SENG GIAW</b>
	<b>(KEPONG)</b>

**DR. TAN SENG GIAW (KEPONG)** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan keadaan inflasi di negara ini. Bagaimana beliau memastikan harga barang-barang termasuk barang keperluan dapat distabilkan. Adakah harga barang-barang seperti tepung gandum akan menghadapi tekanan luar biasa dan langkah untuk mengatasinya.

Inflasi negara bagi sepanjang tahun 2010 direkodkan pada kadar 1.7%. Kadar inflasi ini masih rendah berbanding dengan negara-negara lain. Bagi bulan Disember 2010, inflasi Malaysia dicatatkan pada 2.2%, lebih rendah daripada Thaailand (3.0%), Filipina (3.0%), Korea Selatan (3.5%), Singapura (4.6%), Republik Rakyat China (4.6%), Indonesia (7%) dan Vietnam (9%). Inflasi Malaysia bagi bulan Januari 2011 berbanding Januari 2010 dicatatkan pada 2.4%.

Inflasi terjadi disebabkan beberapa faktor. Faktor pertama adalah kenaikan kos pengeluaran yang tinggi disebabkan oleh kenaikan harga bagi faktor-faktor pengeluaran

seperti kadar upah, bahan mentah dan kos modal. Apabila berlakunya kenaikan ini, pengeluar terpaksa meningkatkan harga barang dan perkhidmatan yang ditawarkan. Situasi ini akan mengakibatkan berlakunya inflasi yang disebabkan oleh tolakan kos atau (*cost-push inflation*).

Faktor kedua, sekiranya berlaku ketidakseimbangan permintaan dan penawaran, di mana penawaran yang ada tidak dapat ditampung oleh permintaan yang tinggi juga boleh mendorong kepada inflasi. Peningkatan permintaan yang berlaku semasa ekonomi mencapai gunatenaga penuh mengakibatkan pengeluaran sukar ditingkatkan dengan cepat untuk menampung permintaan yang melambung ini. Peningkatan permintaan juga boleh disebabkan akibat daripada peningkatan dalam pendapatan.

Faktor ketiga adalah peningkatan harga barang yang diimport juga boleh mendorong berlakunya kenaikan harga dalam negara seterusnya mengakibatkan berlakunya inflasi. Barang yang diimport bukan terhad kepada barang akhir tetapi juga bahan mentah atau *intermediaries goods*.

Antara faktor peningkatan harga komoditi makanan dunia adalah kerana populasi dunia dianggarkan meningkat sebanyak 4% setahun, tetapi kapasiti pengeluaran makanan hanya meningkat sebanyak 1%-2%. *The Agricultural Outlook 2010-2019* menjangkakan harga gandum boleh melonjak ke tahap antara 15 dan 40 peratus lebih tinggi daripada harga antara tahun 1997 dan 2006. Selain daripada masalah kemarau, dasar larangan eksport barang komoditi tersebut oleh negara pengeluar seperti Rusia turut menyumbang kepada kenaikan harga gandum.

Menurut laporan pakar ekonomi *Credit Suisse*, inflasi harga makanan akan meningkat sehingga 15% pada pertengahan tahun 2011 di rantau Asia kecuali Jepun. Walau bagaimanapun Malaysia dijangka akan mengalami impak yang paling minimum berbanding negara-negara Asia lain seperti Hong Kong, China dan Indonesia.

Kadar inflasi Malaysia dijangkakan akan kekal pada kadar sederhana. Langkah kawalan harga barang perlu oleh Kerajaan merupakan faktor penyumbang kepada pengekalan kadar inflasi yang sederhana. Ianya telah dapat memastikan harga barang perlu adalah

lebih rendah berbanding dengan negara-negara jiran di rantau ini. Kawalan harga telah memberikan impak yang minimum ke atas harga barang- barang perlu dalam negara walaupun harga makanan dan komoditi di pasaran dunia semakin meningkat.

# PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

## PERTANYAAN BERTULIS

## BERTULIS

DARIPADA

Y.B. DR. TAN SENG GIAW[ KEPONG ]

## SOALAN

Y.B. DR. TAN SENG GIAW [KEPONG] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan peranannya untuk memastikan semua projek pembangunan perumahan mematuhi syarat-syarat termasuk geran untuk setiap lot atau unit. Bagaimana beliau dapat mengambil langkah-langkah untuk mengelakkan daripada berlakunya masalah seperti lebih 1,000 unit rumah di Taman Kepong tidak mendapat geran kekal.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara dasarnya, Kerajaan telah pun melaksanakan penambahbaikan melalui One Stop Center (OSC) yang bertujuan untuk memendekkan proses dan prosedur permohonan cadangan pemajuan termasuk perumahan, sekali gus mempercepatkan kelulusan cadangan pemajuan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Walau bagaimanapun, pengeluaran geran masih kekal di bawah bidang kuasa Pejabat Tanah dan Galian negeri masing-masing.

Berdasarkan maklumbalas yang diterima daripada Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, terdapat 2 kelulusan daripada Pejabat Tanah iaitu kelulusan pada tahun 1962 dan 1969 yang melibatkan lebih 1000 lot (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur wujud pada tahun 1974) bagi kes di Taman Kepong. Kebanyakan lot-lot telah diukur dan

sedang didaftarkan oleh Bahagian Pendaftaran, Pejabat Pengarah Tanah dan  
Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PPTGWPKL).

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
April 2011

RT 3/  
No.2

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI

[LEDANG]

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA****PERTANYAAN BERTULIS**

Y.B. IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI [ LEDANG ] minta Menteri Pelajaran menyatakan bila Pejabat Pelajaran Ledang akan diwujudkan kerana Daerah Ledang telah wujud hampir 5 tahun.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk memastikan semua kemudahan dapat disediakan di semua institusi pendidikan termasuklah Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Ledang supaya dapat beroperasi dalam keadaan kondusif. Namun begitu, berikutan peruntukan RMKe-10 yang diluluskan adalah terhad, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) terpaksa memberi keutamaan bagi projek-projek yang kritikal seperti kemudahan sekolah terlebih dahulu. Ini selaras dengan matlamat KPM iaitu menyediakan akses pendidikan yang sempurna dan meningkatkan kualiti suasana pembelajaran dan pengajaran murid dan guru.

Sehubungan itu, pembinaan PPD Ledang seperti yang dipohon oleh Yang Berhormat buat masa ini tidak dapat dilaksanakan. Walau bagaimanapun, KPM akan sentiasa memberi perhatian terhadap permohonan tersebut untuk dicadangkan dibawah projek-projek pembangunan kementerian dari semasa ke semasa.

Abdullah  
Abdullah

**SIDANG DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEDUA BELAS (2011)**

**PERTANYAAN**

**BERTULIS**

**OLEH:**

**Y.B. IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI**

**[LEDANG]**

**TARIKH**

**SOALAN**

**26**

minta MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI menyatakan apakah peranan memastikan setiap kajian yang dibiayai melalui geran seperti ScienceFund, TechnoFund dan DAGS memberi impak positif kepada Negara. Apakah keberkesanan kajian tersebut. Sejauh mana impaknya dapat dimanfaati masyarakat dan golongan lain, secara jangka panjang dan jangka pendek.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dipertanggungjawabkan untuk merancang dan membiayai kajian-kajian penyelidikan saintifik, teknologi dan inovasi selaras dengan Misi Nasional. Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), teras pembangunan menjurus kepada menyokong pertumbuhan yang diterajui inovasi dengan membentuk ekosistem inovasi, mewujudkan peluang dan menyediakan pemangkin serta pembiayaan inovasi.

Di bawah tempoh RMKe-10, MOSTI menawarkan tujuh dana yang berdasarkan kepada rantai nilai komprehensif penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan (R,D&C) dengan peruntukan sebanyak RM660 juta bagi tahun 2011 - 2012 yang meliputi juga dana ScienceFund dan Pra Pengkomersilan -

**TechnoFund, manakala dana *Demonstrator Application Grant Scheme (DAGS)* tidak ditawarkan dalam tempoh Rancangan ini.**

Dalam usaha Kerajaan untuk memastikan setiap kajian yang dibiayai melalui dana-dana seperti ScienceFund, TechnoFund dan DAGS memberi impak yang positif kepada Negara, MOSTI telah menetapkan kriteria tertentu bagi setiap dana dengan memberi keutamaan kepada projek-projek yang berorientasikan pasaran serta mempunyai potensi untuk dikomersilkan. Selaras dengan ini, MOSTI juga telah menetapkan bilangan projek yang berjaya disiapkan dan bilangan projek yang berjaya dikomersilkan sebagai sebahagian daripada Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Kementerian. Dengan pendekatan ini, ia dijangka akan dapat meningkatkan pembangunan ekonomi negara.

**Tuan Yang Dipertua,**

**Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), sehingga 31 Disember 2010, 2,869 projek telah diluluskan di bawah dana ScienceFund, dengan amaun sebanyak RM673.22 juta. Daripada itu, satu projek telah dikomersilkan dan 1,999 projek telah siap pelaksanaannya. Lima prototaip dan 661 harta intelek telah dijana manakala 12,460 penerbitan dan 702 anugerah telah diperoleh. Selain itu, 3,532 modal insan telah dihasilkan melalui dana ini bagi tempoh RMKe-9.**

Bagi TechnoFund pula, sebanyak 276 projek telah diluluskan di bawah Dana TechnoFund dengan amaun berjumlah RM888.87 juta. Daripada itu, 47 projek telah siap pelaksanaannya dan kesemuanya berpotensi untuk dikomersilkan melalui dana ini bagi tempoh RMKe-9. Dan bagi dana DAGS pula, 26 projek telah diluluskan dengan amaun sebanyak RM46.94 juta. Daripada itu, enam projek berpotensi untuk dikomersilkan dan 10 projek telah siap pelaksanaannya. Dua harta intelek telah dijana manakala 75 penerbitan dan 18 anugerah telah diperoleh. Selain itu, 218 modal insan telah dihasilkan melalui dana ini bagi tempoh RMKe-9.

Penilaian *outcome* ke atas projek-projek yang telah siap akan dijalankan dari semasa ke semasa bagi melihat pencapaian dan sumbangan projek-projek berkenaan dalam tempoh jangka pendek. Seterusnya kajian impak keseluruhan program dana pada kebiasaanya setelah tamat sesuatu Rancangan Malaysia Lima Tahun akan dibuat bagi melihat impaknya ke atas sosio ekonomi negara khususnya dari aspek penjanaan ilmu, penghasilan kekayaan dan kesejahteraan rakyat.

**SOALAN NO.:**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN PEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :      BERTULIS**

**DARI PADA            Y.B. TUAN      IR. HAMIM BIN SAMURI**

**KAWASAN            LEDANG**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN IR. HAMIM BIN SAMURI (LEDANG) minta  
MENTERI KERJA RAYA menyatakan bila Pusat Latihan JKR  
dirancang akan dibina bagi menggantikan IKRAM.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sememangnya mengambil maklum dan memberikan keutamaan yang tinggi bagi membina sebuah institut latihan khusus kepada pegawai dan kakitangan Jabatan Kerja Raya (JKR).

Ini bagi memastikan tahap kemahiran dan kompetensi sumber manusia di JKR dapat dipertingkatkan dan mengikuti kemajuan teknologi pembinaan semasa. Pembinaan sebuah institut latihan yang baru bagi menggantikan Institut Kerja Raya (IKRAM) yang diswastakan pada tahun 1997 sememangnya diakui amat penting bagi melahirkan tenaga profesional JKR yang berkualiti dan mapan. Sehubungan itu, pada masa kini Kementerian Kerja Raya sedang meneliti beberapa opsyen dan mekanisme pelaksanaan projek tersebut, termasuk meneliti beberapa Kertas Cadangan yang telah dikemukakan oleh pihak swasta. Dalam masa yang sama, kementerian ini akan berbincang dan berunding dengan Unit Perancang Ekonomi, jabatan Perdana Menteri bagi memastikan projek ini dipertimbangkan untuk pelaksanaan, selewat-lewatnya dalam Tempoh Separuh Kedua RMKe-10.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,  
MALAYSIA**

## **PERTANYAAN DARIPADA**

BUKAN LIS AN  
IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI [ LEDANG ]

IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI [ LEDANG ] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan bila Bank Rakyat akan di buka di Daerah Ledang.

**NO. SOALAN :<sup>19</sup>**

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Buat masa ini Bank Rakyat tidak bercadang untuk membuka cawangan di daerah Ledang memandangkan terdapat tiga cawangan sedia ada yang berada di dalam lingkungan 30km iaitu Jasin (15KM), Muar dan Segamat (30KM). Bagaimanapun sebagai alternatif, pihak Bank sedang mengkaji kesesuaian untuk mengadakan kerjasama dengan pihak koperasi untuk membuka Wakil Khidmat Koperasi di Tangkak, Johor.



**NO. SOALAN: 29**

**DEWAN RAKYAT PEMBER1TAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT  
PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUA BELAS (2011)**

**PERTANYAAN**

**BUKAN LISAN**

**DARIPADA**

**Y.B. IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI  
[LEDANG]**

**SOALAN :**

**Ir. Haji Hamim Bin Samuri [ Ledang ] minta PERDANA MENTERI menyatakan bila Tabung Haji boleh di buka di Daerah Ledang.**

**JAWAPAN : (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMILKHIRBIN HAJIBAHAROM (B),  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Sesungguhnya Lembaga Tabung Haji (*TH*) sentiasa berusaha bagi memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada para pendeposit serta umat Islam di negara ini. Dalam usaha memberi perkhidmatan berkualiti serta mudah dicapai oleh pendeposit di negara ini, *TH* telah melantik 12 agen kutipan yang terdiri daripada bank-bank serta Pos Malaysia.**

**Di Daerah Ledang, terdapat 5 agen kutipan iaitu:**

- i. **Pos Malaysia,**
- ii. **Bank Simpanan Nasional,**
- iii. **Maybank,**
- iv. **Public Bank,**
- v. **AmBank.**

**Para pendeposit *TH* di Daerah Ledang boleh membuat transaksi simpanan di kaunter agen-agen kutipan tersebut. Selain itu, Pendeposit di Daerah<sup>1</sup>**

Ledang juga boleh membuat simpanan melalui perbankan internet yang ditawarkan oleh:

- |      |             |
|------|-------------|
| i.   | Bank Islam, |
| ii.  | Maybank,    |
| iii. | CIMB,       |
| iv.  | RHB,        |
| v.   | Public Bank |
| vi.  | AmBank.     |

Bagi memantapkan lagi kualiti perkhidmatan kepada pelanggan, *TH* telah menjalankan kerjasama strategik dengan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (BKRM). Melalui kerjasama ini, semua urusan berkaitan *TH* boleh didapati di Kaunter- Kaunter BIMB dan BKRM seluruh negara iaitu:

- i. Transaksi Simpanan Tunai dan Cek,
- ii. Pengeluaran Tunai,
- iii. Pendaftaran Haji,
- iv. Pembukaan Akaun Baru
- v. Kemaskini Buku Akaun Simpanan

Selain itu, hasil kerjasama ini juga telah membolehkan pendeposit *TH* menggunakan kemudahan Mesin Juruwang Automatik (ATM) dan Mesin Deposit Tunai (CDM). Kemudahan mesin ATM dan CDM membolehkan pendeposit *TH* membuat simpanan dan pengeluaran pada bila-bila masa.

Disamping itu, kemudahan kaunter-kaunter BIMB dan BKRM serta Mesin ATM/CDM boleh didapati di Daerah Jasin, Daerah Muar dan Daerah Segamat.

Selain itu, pejabat *TH* Muar dan pejabat *TH* Jasin adalah di antara Pejabat *TH* yang memberi perkhidmatan kepada para pendeposit *TH* di Daerah Ledang. *TH* Muar terletak 35km dan *TH* Jasin terletak 20km dari Daerah Ledang.

Di dalam perancangan mengembangkan kerjasama strategik dengan pihak perbankan, TH akan mengkaji kemungkinan mempunyai rangkaian perkhidmatan kerjasama ini di Daerah Ledang dalam masa yang terdekat.

**Sekian, terima kasih.**

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

## **PERTANYAAN BUKAN LISAM**

DARIPADA PUAN CHONG ENG  
[ BUKIT MERTAJAM ]

## SOALAN:

Y.B. PUAN CHONG ENG [ BUKIT MERTAJAM ] minta PERDANA  
MENTERI

menyatakan statistik bagi rumah tangga berpendapatan bawah RM1.500 sebulan mengikut kaum, negeri serta sama ada merupakan ibu atau bapa tunggal dan apakah langkah Kerajaan bagi mengatasi isu ini.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah 2009, bilangan dan peratus isi rumah yang mempunyai pendapatan di bawah RM1,500 ialah 1.29 juta isi rumah atau 21.6% daripada 6.02 juta isi rumah. Sebanyak 77.9% merupakan isi rumah di kalangan Bumiputera, 14.7% isi rumah etnik Cina dan 6.7% isi rumah di kalangan etnik India. Negeri Sabah dianggarkan mempunyai bilangan isi

## NO.SOALAN : 31

rumah yang paling tinggi iaitu 14.0% daripada keseluruhan isi rumah negara diikuti dengan negeri Perak sebanyak 13.5% dan negeri Kedah sebanyak 11.8%. Daripada keseluruhan 1.29 juta isi rumah di seluruh negara, dianggarkan 236,406 atau 18.2% merupakan isi rumah yang diketuai oleh ibu tunggal manakala 63,041 atau 4.9% merupakan isi rumah yang diketuai oleh bapa tunggal.

Kerajaan sentiasa prihatin dan terus berusaha untuk meningkatkan tahap pendapatan dan kualiti hidup semua golongan rakyat termasuk di kalangan ibu dan bapa tunggal khususnya di kalangan isi rumah berpendapatan rendah. Antara program pembangunan yang dilaksanakan bagi membantu ibu tunggal termasuklah program peningkatan kemahiran dan pendapatan, program peningkatan kapasiti dan program pengurusan kediaman. Program-program lain yang memberi manfaat kepada ahli isi rumah seperti bantuan pendidikan kepada murid-murid sekolah dan program-program lain juga diberi keutamaan kepada ahli isi rumah yang diketuai oleh ibu-ibu tunggal. Kerajaan turut menyediakan geran sehingga RM5.000 di bawah Geran Teman 1AZAM untuk wanita yang berminat untuk memulakan perniagaan setelah mengikuti kursus latihan yang diadakan oleh Jabatan Pembangunan Wanita (JPW). Selain daripada itu, pelbagai program turut dilaksanakan oleh Kerajaan seperti program perniagaan kecil menerusi bantuan kredit mikro, khidmat nasihat dan latihan keusahawan, penyediaan premis perniagaan dan sebagainya. Kerajaan juga menyediakan peluang melalui program 1Azam seperti Azam Tani, Azam Niaga, Azam Kerja dan Azam Khidmat. Penekanan juga turut diberi kepada program pembangunan modal insan serta latihan kemahiran dalam bidang- bidang tertentu sebagai usaha untuk meningkatkan kapasiti dan *employability* kepada golongan ini. Di samping itu, Kerajaan juga melaksanakan program bantuan rumah khusus bagi kumpulan sasar miskin dan miskin tegar.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN**

**RAKYAT PERTANYAAN BUKAN LISAN**

**DARIPADA**

**PUAN CHONG ENG [ BUKIT MERTAJAM ]**

**TARIKH**

**SOALAN:**

Puan Chong Eng [ Bukit Mertajam ] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilangan pelajar universiti yang ditaja oleh JPA dan MARA mengikut pecahan negeri pelajar, kaum, gender, kursus dan negara universiti yang dihadiri.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di- Pertua,

Bilangan pelajar yang ditawarkan biasiswa JPA bagi pengajian di luar negara bagi tahun 2008-2010 mengikut kaum dan negeri adalah:

**NO.SOALAN : 31**

NEGERI	KAUM	PROGRAM IJAZAH LUAR NEGARA		
		2008	2009	2010
<b>Selangor</b>	Bumiputera	<b>253</b>	<b>171</b>	<b>158</b>
	Bukan Bumiputera	<b>178</b>	<b>134</b>	<b>136</b>
<b>Negeri Sembilan</b>	Bumiputera	<b>56</b>	<b>59</b>	<b>35</b>
	Bukan Bumiputera	<b>49</b>	<b>51</b>	<b>45</b>
<b>Melaka</b>	Bumiputera	<b>31</b>	<b>36</b>	<b>21</b>
	Bukan Bumiputera	<b>30</b>	<b>49</b>	<b>29</b>
<b>Johor</b>	Bumiputera	<b>124</b>	<b>138</b>	<b>105</b>

NEGERI	KAUM	PROGRAM IJAZAH LUAR NEGARA		
		2008	2009	2010
	Bukan Bumiputera	106	124	94
Pahang	Bumiputera	56	69	35
	Bukan Bumiputera	35	21	19
Terengganu	Bumiputera	76	95	74
	Bukan Bumiputera	5	11	5
Kelantan	Bumiputera	110	105	99
	Bukan Bumiputera	15	14	14
Perlis	Bumiputera	18	16	10
	Bukan Bumiputera	3	16	9
Kedah	Bumiputera	66	104	67
	Bukan Bumiputera	82	85	66
Pulau Pinang	Bumiputera	40	38	27
	Bukan Bumiputera	79	122	110
Perak	Bumiputera	77	68	53
	Bukan Bumiputera	111	95	103
Wilayah Persekutuan KL	Bumiputera	75	60	45
	Bukan Bumiputera	62	46	44
Wilayah Persekutuan Putrajaya	Bumiputera	8	11	9
	Bukan Bumiputera		1	
Wilayah Persekutuan Labuan	Bumiputera		5	3
	Bukan Bumiputera		1	
Sabah	Bumiputera	42	94	102

NEGERI	KAUM	PROGRAM IJAZAH LUAR NEGARA		
		2008	2009	2010
<b>Sarawak</b>	<b>Bukan Bumiputera</b>	24	11	7
	<b>Bumiputera</b>	68	107	128
	<b>Bukan Bumiputera</b>	121	143	98
	<b>JUMLAH</b>	<b>2,000</b>	<b>2,100</b>	<b>1,750</b>

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelajar-pelajar ini akan dihantar untuk mengikuti pengajian dalam bidang-bidang Kritikal, Profesional, Strategik dan Keutamaan yang ditetapkan oleh Kerajaan. Pelajar-pelajar yang terpilih ini perlu menjalani program persediaan di dalam negara sebelum mereka ditempatkan di universiti luar negara bagi mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Pertama. Pelajar-pelajar akan melanjutkan pengajian dalam pelbagai bidang di negara seperti berikut:

- United Kingdom**
- ii. **Ireland**
- iii. **Amerika Svarikat**
- iv. **Kanada, Australia**
- v. **New Zealand**
- vi. **Jepun**
- vii. **Korea Selatan**
- viii **Rusia**
- ix. **Jerman**
- X. **Perancis**
- xi. **Republik Czech**
- xii. **Poland**
- xiii **Mesir**
- xiv. **Jordan**
- xv. **India; dan**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelajar universiti yang ditaja oleh

**xvi. Indonesia.**

MARA adalah di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Sekian, terima kasih.

**NO. AUP :**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :                    BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA                        PUAN CHONG ENG [ BUKIT MERTAJAM ]**

**TARIKH                        :**

**RUJUKAN                        :      3477**

**SOALAN:**

**Puan Chong Eng [ Bukit Mertajam ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah wanita di penjara, temasuk umur, kaum, negeri, dan jenis kesalahan

Dimaklumkan statistik Jabatan Penjara pada 22 Februari 2011 menunjukkan terdapat seramai 2,472 penghuni wanita sedang ditahan atau menjalani hukuman di seluruh institusi penjara. Seramai 680 adalah warga Malaysia dan 1,792 warga asing. Kebanyakan (89%) dari mereka berumur di antara 21 hingga 50 tahun.

Penghuni wanita berkenaan terlibat dengan berbagai kesalahan iaitu 1,388 di bawah Akta Imigresen, 600 Akta Dadah Berbahaya, 258 Kanun Kesiksaan, 68 Peraturan Pendaftaran Negara, 2 Akta Senjatapi dan 156 lain-lain akta.

**NO AUM : 33**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA :** PUAN CHONG ENG [ BUKIT MERTAJAM ]

**TARIKH :**

**RUJUKAN** 3478

**SOALAN :**

Puan Chong Eng [ Bukit Mertajam ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan statistik homiside (pembunuhan) wanita pada tahun 2010 mengikut pecahan negeri, kaum dan umur serta hubungan mangsa dengan pemangsa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bukit Mertajam yang mengemukakan pertanyaan.

Bagi tahun 2010, jumlah kes pembunuhan (*homicide*) yang melibatkan wanita ialah sebanyak 88 kes.

Pecahan kes mengikut negeri-negeri adalah seperti berikut ;

Selangor (22 kes), Kuala Lumpur (11 kes), Sabah (11 kes), Johor (9 kes), Sarawak (8 kes), Perak (6 kes), Pulau Pinang (5 kes), Negeri Sembilan (4 kes), Kelantan (4 kes), Kedah (3 kes), Pahang (3 kes), Melaka (2 kes), manakala bagi Perlis dan Terengganu tiada kes yang dilaporkan.

Pecahan hubungan mangsa dengan pemangsa adalah seperti berikut;

Pemangsa yang belum dikenalpasti (40 kes), pemangsa yang tidak dikenalpasti (17 kes), kawan (12 kes), suami (9 kes), ibu kandung (2 kes), manakala lain-lain seperti bekas suami, bapa tiri, anak, abang kandung, bapa saudara, majikan, orang gaji dan pengasuh masing- masing satu (1) kes.

Pecahan mangsa mengikut bangsa adalah seperti berikut;

Melayu (21 kes), Cina (21 kes), Bumiputra (Sabah & Sarawak) (16 kes), pendatang asing Indonesia (13 kes), pendatang asing Myanmar (3 kes), belum dikenalpasti (3 kes), manakala Filipina, Vietnam, India masing-masing (1 kes).

Pecahan mangsa mengikut kaum pula adalah seperti berikut;

Umur di bawah 25 tahun (8 kes), 26-35 tahun (21 kes), 36-45 tahun (9 kes), 46 tahun ke atas (24 kes), manakala yang belum dikenalpasti (13 kes)

Sehingga kini, sebanyak 48 kes iaitu 54.4% kes telah berjaya diselesaikan oleh pihak poll's.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA**

**PUAN CHONG ENG [ BUKIT MERTAJAM ]**

**TARIKH**

**RUJUKAN**

**3479**

**SOALAN :**

**Puan Chong Eng [ Bukit Mertajam]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik kes rogol, liwat cabul kehormatan, “incest” dan keganasan rumah tangga pada tahun 2010 mengikut pecahan negeri serta kaum dan umur mangsa dan pemangsa. Sila nyatakan berapakah suspek yang telah didakwa di mahkamah dan berpakah antaranya

**NO AUM : 24**

yang disabitkan kesalahan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bukit Mertajam yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berikut adalah statistik dan pecahan seperti yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat:

**(i) Statistik Kes Seksual Mengikut Negeri bagi tahun 2010**

KONTINJEN	ROGOL	CABUL	LUAR TABU	S/MAH RAM
PERLIS	40	31	2	4
KEDAH	339	170	15	37
P.PINANG	150	150	16	11

<b>PERAK</b>	294	151	23	42
<b>SELANGOR</b>	639	429	57	61
<b>K.LUMPUR</b>	152	151	18	9
<b>N.SEMBILAN</b>	182	103	8	17
<b>MELAKA</b>	106	45	5	18
<b>JOHOR</b>	585	309	26	65
<b>PAHANG</b>	223	125	16	29
<b>TERENGGANU</b>	137	36	5	17
<b>KELANTAN</b>	307	111	9	43
<b>SABAH</b>	239	153	15	40
<b>SARAWAK</b>	202	90	3	20
<b>JUMLAH</b>	<b>3595</b>	<b>2054</b>	<b>218</b>	<b>413</b>

(ii) Statistik Kes Seksual Mengikut Kaum Mangsa bagi tahun 2010

<b>MANGSA KES</b>	<b>MELAYU</b>	<b>CINA</b>	<b>INDIA</b>	<b>LAIN-LAIN</b>
<b>ROGOL</b>	2752	233	145	465
<b>CABUL</b>	1408	253	126	267
<b>KEHORMATAN</b>				
<b>LUAR TABU</b>	168	20	18	12
<b>S/MAH RAM</b>	314	17	20	62
<b>JUMLAH</b>	<b>4642</b>	<b>523</b>	<b>309</b>	<b>795</b>

(iii) Statistik Kes Seksual Mengikut Kaum Suspek bagi tahun 2010

<b>SASPEK KES</b>	<b>MELAYU</b>	<b>CINA</b>	<b>INDIA</b>	<b>LAIN-LAIN</b>
<b>ROGOL</b>	3832	231	321	684
<b>CABUL</b>	1246	156	296	591
<b>KEHORMATAN</b>				
<b>LUAR TABU</b>	166	11	29	41
<b>S/MAH RAM</b>	338	19	19	69
<b>JUMLAH</b>	<b>5582</b>	<b>417</b>	<b>665</b>	<b>1385</b>

**(iv) Statistik Kes Rogol & Sumbang Mahram Mengikut Umur Mangsa bagi tahun 2010**

UMUR MANGSA	ROGOL	S/MAH RAM
Bawah 6 tahun	38	19
6-9 tahun	38	19
10- 12 tahun	138	48
13 -15 tahun	1563	163
16- 18 tahun	881	72
Atas 18 tahun	937	92
<b>JUMLAH</b>	<b>3595</b>	<b>413</b>

**(v) Statistik Kes Cabul Kehormatan & Luar Tabii Mengikut Umur Mangsa bagi tahun 2010**

UMUR MANGSA	CABUL KEHORMATAN	LUAR TABII
16 tahun ke bawah	707	117
16- 18 tahun	248	14
18 tahun ke atas	1099	80
Tidak diketahui	0	7
<b>JUMLAH</b>	<b>2054</b>	<b>218</b>

**(vi) Statistik Kes Seksual Mengikut Umur Suspek bagi tahun 2010**

UMUR SASPEK	ROGOL	CABUL	LUAR TABII	S/MAH RAM
Bawah 18 tahun	737	203	37	39
Atas 18 tahun	4331	2086	153	406
Tidak diketahui	0	0	57	0
<b>JUMLAH</b>	<b>5068</b>	<b>2289</b>	<b>247</b>	<b>445</b>
<b>(vii) Statistik Kes Rogol, Luar Tabii (Liwat), Cabul Ke hormatan dan (Sumbang Mahram) Dituduh bagi tahun 2010</b>				

KESALAHAN	TAHUN 2010		
	JUMLAH KES	TUDUH	J/HUKUM
ROGOL	3595	212	11
CABUL KEHORMATAN	2054	104	31
LUAR TABII (LIWAT)	218	6	0
INCEST (SUMBANG MAHRAM)	413	13	0

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN**

**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN                                  BUKAN LISAN**

**DARI PADA :                                  PUANFONG PO KUAN [ KOTA MELAKA ]**

**TARIKH**

**RUJUKAN    3480**

**SOALAN:**

Puan Fong Po Kuan [ Batu Gajah ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan pecahan kes bunuh diri dari tahun 2001-2011 dan nyatakan kes mengikut ratio populasi negeri.

**JAWAPAN**

*Tuan Yang Dipertua,*

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Batu Gajah yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Kementerian memandang serius dan sentiasa berusaha untuk mengekang gejala merbahaya ini dari menjadi *option* atau jalan mudah bagi segelintir

**NO. AUM : 35**

**masyarakat untuk menyelesaikan masalah. secara keseluruhannya sebanyak 4,118 kes bunuh diri dikategorikan sebagai kes mati mengejut (*sudden death report*) sejak tahun 2001 hingga 2010 daripada jumlah keseluruhan 28,250,500 orang rakyat Malaysia.**



Ini termasuk 365 kes pada 2001, 462 kes pada 2002, 458 kes pada 2003, 441 kes pada 2004, 457 kes pada 2005, 427 kes pada 2006, 389 kes pada 2007, 395 kes pada 2008, 354 kes pada 2009 dan 370 kes pada 2010.

Tuan Yang Dipertua,

Pecahan kes bunuh diri dari tahun 2001 hingga 2010 mengikut ratio populasi negeri di seluruh negara adalah seperti berikut:

NEGERI	2001		MHHM				2004		2005	
	JUMLAH KES BUNUH DIRI	JUMLAH PENDUDUK	JUMLAH KES BUNUH DIRI	JUMLAH PENDUDUK	JUMLAH KES BUNUH DIRI	JUMLAH PENDUDUK	JUMLAH <b>BHES</b> BUNUH DIRI	JUMLAH PENDUDUK	JUMLAH <b>Bip8B</b> BUNUH DIRI	JUMLAH PENDUDUK
PERLIS	1	212,000	3	215,800	2	219,400	3	222,700	5	226,000
KEDAH	24	1,711,800	13	1,746,300	17	1,779,500	19	1,811,800	19	1,842,600
P/PINANG	67	1,371,500	73	1,405,600	51	1,438,400	50	1,470,200	61	1,501,300
PERAK	95	2,140,200	64	2,183,200	77	2,224,500	95	2,263,200	117	2,300,700
KUALA LUMPUR	26	1,463,600	92	1,505,100	82	1,544,500	43	1,583,200	52	1,619,600
SELANGOR	35	4,315,800	97	4,420,200	86	4,525,500	73	4,632,400	69	4,737,300
N/SEM BILAN	8	887,600	13	905,600	7	923,100	16	939,900	8	956,100
MELAKA	19	665,400	13	680,200	10	695,200	12	709,500	5	723,100
JOHOR	40	2,850,500	43	2,919,900	61	2,987,900	76	3,053,400	54	3,117,300
KELANTAN	1	1,399,000	0	1,433,600	1	1,466,500	0	1,498,500	1	1,528,800
TERENGGANU	2	921,600	9	938,000	8	953,800	9	969,700	11	984,900
PAHANG	22	1,331,200	18	1,361,000	17	1,390,300	22	1,419,000	27	1,447,000
SABAH	16	2,722,500	12	2,831,200	22	2,940,400	15	3,052,300	15	3,165,700
SARAWAK	9	2,130,700	12	2,181,400	17	2,231,000	8	2,279,300	13	2,326,500
<b>JUMLAH</b>	<b>365</b>	<b>24,123,400</b>	<b>462</b>	<b>24,727,100</b>	<b>458</b>	<b>25,320,000</b>	<b>441</b>	<b>25,905,100</b>	<b>457</b>	<b>26,476,900</b>

NEGERI	2006		2007		2008		2009		2010	
	JUMLA BUNUH B g i l	JUMLAH PENDUDUK	JUMLAH BUNUH iiHii	JUMLAH PENDUDUK	JUMLAH KES BUNUH DIRI	JUMLAH PENDUDUK	JUMLAH KES BUNUH DIRI	JUMLAH PENDUDUK	JUMLAH KES BUNUH DIRI	JUMLAH PENDUDUK
PERLIS	3	228,000	2	231900	9	236,200	2	240700	4	240,100
KEDAH	19	1,882,000	14	1,918,700	23	1,958,100	18	2,000,000	30	1,966,900
P/PINANG	34	1,492,400	54	1,518,500	42	1,546,800	45	1,577,300	36	1,596,900
PERAK	88	2,283,000	87	2,314,600	79	2,351,300	36	2,393,300	70	2,460,800
KUALA LUMPUR	68	1,580,000	17	1,604,400	24	1,629,400	25	1,655,100	26	1,722,500
SELANGOR	53	4,850,200	67	4,961,500	72	5,071,000	68	5,179,700	52	5,102,700
N/SEMBILAN	29	961,800	13	978,200	15	995,600	20	1,013,900	30	1,011,700
MELAKA	8	725,300	9	738,800	17	753,500	17	769,300	10	771,500
JOHOR	49	3,170,500	53	3,240,900	47	3,312,400	53	3,385,200	47	3,305,900
KELANTAN	2	1,530,700	10	1,560,500	2	1,595,000	6	1,634,200	6	1,670,500
TERENGGANU	12	1,042,000	7	1,067,900	11	1,094,300	6	1,121,100	10	1,050,000
PAHANG	32	1,454,900	27	1,483,600	32	1,513,100	24	1,543,300	25	1,534,800
SABAH	15	3,081,900	11	3,149,900	6	3,219,200	15	3,290,000	10	3,309,700
SARAWAK	15	2,357,500	18	2,404,200	16	2,452,800	19	2,503,600	14	2,506,500
<b>JUMLAH</b>	<b>427</b>	<b>26,640,200</b>	<b>389</b>	<b>27,173,600</b>	<b>395</b>	<b>27,728,700</b>	<b>354</b>	<b>28,306,700</b>	<b>370</b>	<b>28,250,500</b>

**NO. SOALAN : 36**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN                            BUKAN LISAN

DARIPADA                            PUAN FONG PO KUAN

[ BATU GAJAH ]

**SOALAN**

Puan Fong Po Kuan [ Batu Gajah ] minta PERDANA MENTERI menyatakan mengapakah Y.A.B. Perdana Menteri enggan mengumumkan tarikh beliau akan memohon pembubaran Parlimen untuk mengelakkan spekulasi dan membolehkan pengundi luar negara, parti politik dan SPR membuat persiapan awal serta sejajar dengan amalan sebuah negara demokrasi.

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak merdeka 54 tahun yang lalu, Negara telah mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan.

Demokrasi Berparlimen bermaksud demokrasi yang berdasarkan kepada sistem, dasar dan undang-undang yang telah sekian lama digariskan, yang perlu kita ikut dan patuh, untuk memastikan demokrasi dan hak-

haknya dilaksanakan mengikut kehendak rakyat terbanyak (the majority), melalui keputusan suara mereka yang diwakilkan atau ‘Wakil Rakyat’ di dalam Parlimen.

Manakala Raja Berperlembagaan merujuk kepada sistem pemerintahan Beraja berasaskan kepada Perlembagaan Persekutuan, iaitu Undang-undang tertinggi Negara yang mana Raja secara tradisinya bertindak sebagai Ketua Negara di samping Perdana Menteri menjadi Ketua Kerajaan yang mewakili suara majoriti parti yang telah dipilih oleh rakyat menerusi pilihan raya.

Dalam hal ini, seperti yang telah diperuntukkan di dalam Perkara 39, 40 dan 55, Perlembagaan Persekutuan, selaku Raja dan Ketua Negara iaitu pemerintah tertinggi Negara maka kuasa eksekutif Persekutuan hendaklah terletak hak pada Yang di-Pertuan Agong (YDPA).

Walaupun tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang persekutuan dan peruntukan Jadual Kedua, yang mana kuasa ini boleh dijalankan oleh Baginda atau oleh Jemaah Menteri atau oleh mana-mana Menteri yang diberi kuasa oleh Jemaah Menteri, tetapi Parlimen boleh, melalui undang-undang, memberikan fungsi eksekutif kepada orang lain dan YDPA hendaklah bertindak mengikut nasihat Jemaah Menteri atau nasihat seseorang Menteri yang bertindak di bawah kuasa am Jemaah Menteri. Jika yang demikian YDPA dikehendaki bertindak mengikut nasihat, atas nasihat, atau selepas menimbangkan nasihat, Yang di-Pertuan Agong hendaklah menerima dan bertindak mengikut nasihat itu, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya oleh Perlembagaan ini.

**JAWAPAN:**

Namun, YDPA berhak, atas permintaan Baginda, untuk mendapat apa-apa maklumat berkenaan dengan pemerintahan Persekutuan yang boleh didapati oleh Jemaah Menteri dan boleh bertindak menurut budi bicara Baginda pada melaksanakan fungsi termasuklah dalam hal melantik Perdana Menteri dan membubarkan Parlimen.

Oleh yang demikian, walaupun Perdana Menteri boleh menasihati dan memohon tarikh pilihan raya daripada YDPA, baginda pada menjalankan fungsinya di bawah Perlembagaan ini atau undang-undang persekutuan berhak untuk tidak memperkenankan permintaan baai pembubaran Parlimen.

Sekian, terima kasih.



**W-.3/.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA**

**PUAN FONGPOKUAN [ BATU GAJAH ]**

**TARIKH**

**SOALAN:**

**Puan Fong Po Kuan [ Batu Gajah ] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan**

- a) berapa jumlah syarikat yang diberi kelulusan untuk menawarkan perkhidmatan/jualan produk melalui sms serta jenisnya.
- b) Apakah Kementerian menyedari caj yang tinggi dikenakan untuk sms itu walaupun tidak melangganinya atau menggunakan perkhidmatannya.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) memantau pemberian perkhidmatan kandungan SMS ini secara berterusan. Perkhidmatan kandungan SMS ini menawarkan pelbagai jenis perkhidmatan seperti nada dering, video, permainan Java, gambar paparan skrin, lawak jenaka dan juga berita semasa, antara yang lain.**

**Pemberi perkhidmatan SMS kandungan ini perlu mempunyai lesen Pemberi Perkhidmatan Aplikasi (Kelas). Setakat 31 Januari 2011, SKMM telah mendaftarkan**

225 syarikat sebagai pemegang lesen kelas bagi memberikan perkhidmatan pesanan atau dengan izin, *messaging services*.

SKMM tidak mengawalselia harga perkhidmatan di mana harga tersebut ditentukan oleh pasaran bagi mewujudkan daya saing di antara pemberi perkhidmatan. Walau bagaimana pun, pemberi perkhidmatan kandungan mudah alih perlu memberikan maklumat tentang perkhidmatan yang dibekalkan termasuk setiap harga yang bakal dikenakan dengan jelas dan terperinci. Pengguna perlu bertindak bijak dalam membuat setiap pembelian dan langganan perkhidmatan.

SKMM sentiasa memantau pemberian perkhidmatan kandungan mudah alih di mana perkhidmatan ini dikawal selia melalui:

- Kod Amalan Am Pengguna melalui Syarat Lesen;
- Standard Mandatori bagi Pemberian Perkhidmatan Kandungan Mudah Alih; dan
- Garis Panduan Industri bagi Perkhidmatan Kandungan Mudah Alih.

Bagi menangani isu mengenai pengguna yang menerima kandungan yang tidak dilanggan, SKMM telah meminta pemberi perkhidmatan selular supaya mewujudkan satu sistem yang dapat menyekat secara automatik kandungan- kandungan yang dihantar tanpa izin pengguna dan mengenakan caj.

Dalam siasatan awal berdasarkan log trasaksi pengguna yang mengadu tidak pernah melanggan, didapati terdapat permintaan oleh pengguna bagi langganan tersebut. Berdasarkan pemantauan SKMM, pengguna tidak memahani prinsip langganan dalam perkhidmatan kandungan mudah alih dan juga kata kekunci yang digunakan dalam perkhidmatan langganan kandungan. Pengguna juga tidak sedar telah melanggani perkhimatan ini kerana iklan-iklan yang mengelirukan.

Selain itu, pemberian telefon kepada pihak ketiga seperti anak-anak dan ahli

keluarga lain menyebabkan pengguna tidak sedar tentang langganan tersebut dan tiba-tiba dikejutkan oleh caj-caj asing di dalam bil mereka.

Oleh yang demikian, peranan pengguna amat penting dalam mengawal penggunaan telefon mereka dan juga mengambil maklum terma dan syarat serta caj-caj yang bakal dikenakan bagi setiap perkhidmatan yang dibeli atau dilanggan.

Sepanjang tahun 2010, 44 tindakan telah diambil terhadap Pembekal Kandungan Mudah Alih yang melakukan kesalahan termasuk tindakan kompaun dan penggantungan kod ringkas.

No	Tindakan	Jumlah
•	Kes yang dikompaun	1
•	Kes yang didakwa di mahkamah	1
•	Penggantungan kod ringkas	10
•	Penggantungan kata kekunci	32

RT 4/  
No.  
38

**Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. PUAN FONG PO KUAN**

[ BATU GAJAH ]

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Y.B. PUAN FONG PO KUAN [ BATU GAJAH ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah kedudukan masalah kekurangan guru di sekolah kebangsaan. Apakah polisi untuk menerima guru sandaran yang berpengalaman tetapi tidak dilanjutkan

**kontrak untuk mengisi kekosongan yang tidak diisi oleh graduan ijazah.**

**JAWAPAN  
JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,**

**Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk memastikan keperluan bekalan guru dapat dipenuhi bukan sahaja di Sekolah Kebangsaan tetapi di semua jenis sekolah sama ada di peringkat rendah ataupun menengah. KPM tidak menafikan terdapat kekurangan guru Bahasa Inggeris berlaku kerana pertambahan peruntukan waktu Bahasa Inggeris dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR).**

**Namun begitu, KPM beryakinan kekurangan guru di sekolah-sekolah dapat dipenuhi secara berperingkat menerusi pelbagai program latihan perguruan jangka pendek dan jangka panjang bagi membekalkan guru terlatih seperti Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP), Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI), Kursus Dalam Cuti serta menimbangg penyerapan guru GSTT ke jawatan tetap.**

**NO. AUM : 39**  
**NO. AUP :**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA PUAN FONG PO KUAN [ BATU GAJAH ]**

**TARIKH**

**RUJUKAN 3482**

**SOALAN:**

Puan Fong Po Kuan [ Batu Gajah ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan peraturan yang patut dipatuhi untuk menjalankan pemeriksaan kenderaan di atas jalan oleh pegawai PDRM termasuk situasi penguatkuasaan undang-undang trafik. Nyatakan langkah untuk mengelakkan salah guna kuasa dan amalan rasuah yang menjelaskan nama baik PDRM.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Batu Gajah yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peraturan yang patut dijalankan oleh pegawai PDRM semasa menjalankan pemeriksaan samada ke atas kenderaan yang bergerak atau semasa menjalankan sekatan jalan raya di mana kesalahan trafik dilakukan oleh pemandu adalah seperti berikut:

1. Memilih jalan yang lurus dan mempunyai bahu jalan yang luas supaya tidak menghalang perjalanan lalulintas. Di waktu malam, lokasi yang dipilih mestilah terang (kebiasaannya di lokasi yang mempunyai lampu jalan) yang mana tidak akan memberi peluang kepada saspek mengambil kesempatan melarikan diri atau bertindak balas.
2. Memasang ‘beacon light’ dan membunyikan siren sekali (shot burst) untuk memaklumkan kepada pemandu kenderaan yang hendak ditahan.
3. Menggunakan alat pembesar suara (jika ada) untuk mengarahkan kenderaan ke tepi dan berhenti.
4. Memandu di sebelah kenderaan yang hendak ditahan sambil menunjukkan isyarat tangan mengikut cara yang betul supaya pemandu memahami isyarat yang diberi untuk berhenti.

5. Apabila kenderaan yang ditahan telah berhenti, letakkan kenderaan PDRM dalam jarak lebih kurang 10 meter di belakang kenderaan yang hendak ditahan dengan kedudukan terkeluar ke kanan sedikit dari kenderaan yang ditahan (tidak selari di belakang kenderaan yang ditahan).
6. Membiarakan ‘beacon light’, lampu kecemasan (hazard light) dan brek tangan dipasang.
7. Lapor lokasi dan butir-butir kenderaan yang ditahan ke Bilik Gerakan Daerah atau Bilik Gerakan Trafik Bukit Aman.
8. Pemandu kenderaan PDRM mesti berada berdekatan kenderaan PDRM, menumpukan perhatian kepada kenderaan yang ditahan dan dalam keadaan siap sedia untuk bertindak sekiranya berlaku situasi yang tidak diingini. Manakala, anggota yang membuat pemeriksaan perlu berhati-hati dan berjalan ke sebelah kanan kenderaan yang ditahan sambil membawa buku saman. Anggota tersebut perlu berhenti di belakang sedikit di sebelah bahu kanan pemandu supaya dapat melihat sekiranya pemandu tersebut cuba bertindak balas dengan senjata berbahaya.
9. Anggota yang menahan perlu berkomunikasi secara berbudi bahasa dan tertib semasa berhadapan dengan pemandu yang ditahan iaitu
  - i) Memberi ucapan selamat kepada pemandu.
  - ii) Arahan pemandu mematikan enjin kenderaan dan

- meminta pemandu supaya membuka pintu.
- iii) Memaklumkan kesalahan yang dilakukan.
  - iv) Meminta dokumen pengenalan diri/ lesen memandu.
  - v) Meluarkan saman kenderaan (Pol 257) kepada pemandu (dalam tempoh 7 minit) dan
  - vi) Mengucapkan terima kasih.
10. Memberi bantuan kepada pemandu untuk masuk balik ke laluan trafik.
11. Pemeriksaan ke atas kenderaan yang ditahan hendaklah disaksikan oleh pemandu tersebut.
12. Sekiranya terdapat sebarang rampasan hendaklah dikeluarkan borang bongkar (*search list*).
13. Sekiranya kenderaan tersebut didapati melakukan sebarang kesalahan hendaklah dibawa ke balai polis dan membuat laporan polis.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak PDRM telah melaksanakan beberapa langkah untuk mengelakkan salah guna kuasa dan amalan rasuah yang menjaskan nama baik PDRM, antara langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:-

- Anggota perlu hadir taklimat yang diberi oleh Penyelia ketika masuk dan tamat tugas (*Roll Call*).
- Anggota yang keluar bertugas tidak dibenarkan membawa wang tunai melebihi RM30.00 dan dicatat dalam buku saku (pocket

book).

- Semasa menjalankan tugas, pegawai atau penyelia dikehendaki memerhati dan mengawal tingkah laku anggota semasa menahan kenderaan dan berurus dengan pemandu.
- Menghantar anggota yang disyaki bermasalah menghadiri sesi kaunseling.

**Sebarang salah laku hendaklah diambil tindakan tatatertib sehingga ke tindakan buang kerja.**

NO.AUP :

#### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :                  BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA                  PUAN TERESA KOK SUH SIM [ SEPUTEH ]**

**TARIKH**

**RUJUKAN                  3483**

**SOALAN:**

Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah pekerja asing yang berdaftar dengan Kerajaan yang bekerja di negeri Selangor, Johor, Pulau Pinang, Melaka dan Perak. Apakah anggaran pendatang asing yang tidak

**NO. AUM : 41**

berdaftar yang berada di setiap negeri tersebut.



**JAWAPAN:**

***Tuan Yang Di Pertua,***

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Seputeh yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, bilangan pekerja asing yang telah direkodkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia sehingga 31 Disember 2010 adalah seramai 1,817,871 orang. Pecahan pekerja asing yang bekerja di Negeri Selangor adalah seramai 76,520 orang, Johor seramai 196,091 orang, Pulau Pinang seramai 77,880 orang, Melaka sebanyak 52,578 orang dan Perak sebanyak 58,880 orang.

Bagi soalan berkaitan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di negeri tersebut, Jabatan Imigresen Malaysia tidak dapat mengemukakan statistik tersebut kerana PATI wujud dalam pelbagai keadaan. Pertambahan jumlah PATI yang semakin banyak adalah kerana kemasukan warga asing ke Malaysia melalui pintu masuk yang sah tetapi tinggal lebih masa.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN  
DARI PADA**

**BERTULIS Puan Teresa Kok  
Suh Sim**

**KAWASAN**

**Seputeh**

**TARikh**

**14 Mac 2011 (ISNIN)**  
**41**

**NO. SOALAN**

Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan 10 negara asing yang utama yang imbangan perdagangan yang memberi keuntungan kepada Malaysia dan 10 negara asing yang utama yang imbangan perdagangannya yang mendatangkan kerugian kepada Malaysia.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sepuluh rakan dagangan Malaysia yang mencatatkan lebihan dagangan (*trade surplus*) dengan izin, pada tahun 2010 adalah seperti berikut:

- (i) Singapura dengan nilai lebihan RM24.99 bilion (Eksport RM85.43 bilion, Import RM60.44 bilion);
- (ii) Hong Kong dengan nilai lebihan RM19.86 bilion (Eksport RM32.54 bilion, Import RM12.68 bilion);
- (iii) Netherlands dengan nilai lebihan RM16.82 bilion (Eksport RM20.22 bilion, Import RM3.40 bilion);
- (iv) Republik Rakyat China dengan nilai lebihan RM14.17 bilion (Eksport RM80.60 bilion, Import RM66.43 bilion);
- (v) Australia dengan nilai lebihan RM13.82 bilion (Eksport RM24.02 bilion, Import RM 10.20 bilion);
- (vi) India dengan nilai lebihan RM12.98 bilion (Eksport RM20.96 bilion, Import RM7.98 bilion);
- (vii) Pakistan dengan nilai lebihan RM7.04 bilion (Eksport

- RM7.52 billion, Import RM0.48 billion);
- (viii) Mexico dengan nilai lebihan RM4.73 bilion (Eksport RM5.59 bilion, Import RM0.86 bilion);
- (ix) Amerika Svarikat dengan nilai lebihan RM4.65 bilion (Eksport RM60.96 billion, Import RM56.31 bilion); dan
- (x) Emiriah Arab Bersatu (UAE) dengan nilai lebihan RM4.59 bilion (Eksport RM12.20 bilion, Import RM7.61 billion).

2. Lima barang eksport utama negara yang memberikan lebihan dagangan pada tahun 2010 adalah seperti berikut:

- (i) Produk Elektrikal dan Elektronik (Dengan nilai eksport RM249.80 bilion, 39.1% dari jumlah eksport Malaysia);
- (ii) Minvak Sawit (RM48.42 bilion, 7.6%);
- (iii) Produk Kimia dan Bahan Kimia (RM40.82 bilion, 6.4%);
- (iv) Gas Asli (RM38.10 billion, 6.0%); dan
- (v) Petroleum Mentah (RM31.03 bilion, 4.9%).

3. Jumlah eksport lima barang tersebut menvumbang kepada 64 peratus kepada jurnlah keseluruhan eksport Malaysia.

4. Manakala sepuluh rakan dagangan Malaysia yang mencatatkan defisit perdagangan (*trade deficit*) dengan izin, pada tahun 2010 adalah seperti berikut:

- (i) Indonesia dengan nilai defisit RM11.29 bilion (Eksport RM18.11 bilion, Import RM29.40 bilion);
- (ii) Korea Selatan dengan nilai defisit RM4.49 bilion (Eksport RM24.20 bilion, Import RM28.69 bilion);
- (iii) Jerman dengan nilai defisit RM4 bilion (Eksport RM17.35 bilion, Import RM21.34 bilion);
- (iv) Costa Rica dengan nilai defisit RM3.99 bilion (Eksport RM137.2 juta, Import RM4.13 bilion);
- (v) Taiwan dengan nilai defisit RM3.65 bilion (Eksport RM20.18 bilion, Import RM23.83 bilion);
- (vi) Arab Saudi dengan nilai defisit RM3.57 bilion (Eksport RM2.88 bilion, Import RM6.45 bilion);
- (vii) Ireland dengan nilai defisit RM2.91 bilion (Eksport

- RM626.2 juta, Import RM3.53 bilion);
- (Viii) Argentina dengan nilai defisit RM2.66 bilion  
(Eksport RM619.3 juta, Import RM3.28 bilion);
- (ix) Switzerland dengan nilai defisit RM2.51 bilion  
(Eksport RM849 juta, Import RM3.36 bilion); dan
- (x) Gabon dengan nilai defisit RM2.43 bilion (Eksport RM48.5 juta, Import RM2.48 bilion).

5. Jika dinilai dari aspek defisit dan lebihan, secara keseluruhannya, imbangan perdagangan pada tahun 2010 masih berpihak kepada Malaysia dengan nilai lebihan sebanyak RM110.23 bilion. Jumlah ini disumbangkan oleh sepuluh rakan dagangan dengan jumlah lebihan dagangan tertinggi pada tahun 2010 (seperti di para 1) yang berjumlah RM123.65 bilion. Ini menunjukkan, keupayaan dan kekuatan eksport Malaysia lebih tinggi berbanding import. Lebihan dagangan Malaysia pada Disember 2010 merupakan bulan yang ke-158 berturut-turut seiak November 1997.



6. Struktur dan kandungan perdagangan Malaysia lazimnya dipengaruhi oleh transformasi dalam struktur ekonomi Malaysia. Selaras dengan pendekatan ke arah industri berintensifkan modal dan nilai tambah yang tinggi, pekilang Malaysia memerlukan peralatan dan barang modal, bahan mentah serta barang perantara daripada sumber-sumber yang lebih luas dan kompetitif. Ini supaya eksport barang negara tetap berupaya bersaing di pasaran-pasaran antarabangsa yang berkepentingan kepada Malaysia.

7. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) melalui agensi-agensi di bawahnya telah menvusun strategi-strategi promosi eksport secara berterusan dengan menggalakkan para pekilang Malaysia untuk mempromosikan barang yang bernilai tinggi, merangsang khidmat promosi eksport. menambahbaikkan program-program pembangunan pengeksport, pendekatan inovatif dan kreatif dalam mempromosikan eksport Malaysia serta meningkatkan kerjasama dengan komuniti perniagaan

**SOALAN:42**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**antarabangsa.**

PERTANYAAN                    BUKAN LISAN  
DARIPADA                    PUAN TERESA KOK SUH SIM  
                                  [SEPUTEH]

SOALAN:

PUAN TERESA KOK SUH SIM [ SEPUTEH ] minta PERDANA MENTERI menyatakan peruntukan dan perbelanjaan sebenar yang diberi kepada Talent Corp. Sila nyatakan bilangan warga Malaysia yang pulang ke Malaysia atas usaha Talent Corp sejak tahun 2005 sehingga hari ini.

JAWAPAN:

Kerajaan Malaysia memahami keperluan untuk menarik, membangun dan mengekalkan modal insan berkemahiran tinggi untuk melaksanakan aktiviti kerja bertaraf dunia bagi mentransformasi ekonomi Malaysia kepada ekonomi berpendapatan tinggi. Sehubungan ini, Talent Corporation (TalentCorp) telah ditubuhkan dengan mandat untuk mencapai objektif tersebut.

TalentCorp yang telah ditubuhkan pada Januari 2011 telah menggariskan tiga pendekatan yang mendokong cita-cita Program Transformasi Ekonomi. Pertama, menganalisa isu-isu berkaitan dengan diaspora Malaysia dan mengenal pasti mekanisme yang boleh digunakan untuk mengoptimumkan kepakaran mereka walau di manapun mereka berada. Kedua, kaedah untuk memfasilitasi proses kemasukan pakar asing yang berkemahiran tinggi untuk bekerja dan tinggal di Malaysia serta menyumbang ke arah pembangunan negara. Ketiga, cara-cara untuk mengurangkan aliran keluar modal insan dari Malaysia.

Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM30 juta sebagai geran pelancaran bagi TalentCorp memulakan operasinya yang bermatlamatkan pembangunan modal insan bagi memenuhi keperluan sektor yang diberi keutamaan dan Bidang Ekonomi Utama

Negara. TalentCorp akan bekerjasama dengan semua pihak berkaitan, termasuk awam dan swasta dalam menyumbang ke arah usaha pewujudan modal insan berkepakaran yang diperlukan untuk memacu ekonomi negara ke arah pencapaian ekonomi berpendapatan tinggi.

**NO. AUP :**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [ SEPUTEH ]**

**TARIKH**

**RUJUKAN 3484**

**SOALAN:**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan penambahan dan penempatan ahli-ahli RELA sejak tahun 2008 sehingga hari ini. Sila nyatakan jumlah anggota RELA di setiap negeri dan ganjaran yang dibayar kepada setiap anggota setiap tahun.

Tuan yang Di Pertua,

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang berhormat Seputeh yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini bahawa sehingga 31 Disember 2010 sejumlah 2,593,263 orang telah mendaftar menjadi ahli RELA. Penambahan dari tahun 2008 hingga 2010 seperti berikut

2008	-	44,817 orang
2009	-	538,158 orang
2010	-	1,511,730 orang

Pada tahun 2008 anggota RELA berjumlah 543,375 dan sehingga 31 Disember 2010 telah meningkatsebanyak 477%. Jumlah keanggotaan RELA mengikut negeri sehingga 31Disember 2010 adalah seperti berikut:-

(i)	Negeri Selangor	-	480,721
(ii)	Negeri Perak	-	261,843

(iii)	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur -	154,96
(iv)	Nege Johor	153,77
(V)	Nege Kedah	99,668
(Vi)	Nege Perlis	29,093
(vii)	Nege Pulau Pinang	154,96
(viii)	Nege Kelantan	250,90
(ix)	Nege Terengganu	200,73
(x)	Nege Pahang	170,67
(xi)	Nege Sembilan	94,794
(xii)	Nege Melaka	89,534
(xiii)	Nege Sarawak	183,59
(xiv)	Nege Sabah	268,03
JUMLAH BESAR		- 2,593,263 orang.

Ahli-ahli RELA yang telah didaftarkan akan berkhidmat di tempat tinggal semasa mereka. Mereka akan diseliakan oleh Pegawai Rela Daerah dan Pengarah Rela Negeri masing-masing.

Bagi makluman Ahli - Ahli Yang Berhormat juga bahawa anggota-anggota RELA tidak dibayar ganjaran tahunan. Walaubagaimanapun anggota RELA yang bertugas seperti membantu mencegah jenayah bersama PDRM, mengawal Depot Tahanan Jabatan Imigresen, mengawal Rumah Perlindungan Anti Pemerdagangan Orang, Operasi Bersepadu dengan JIM, PDRM dan lain-lain agensi, menjaga dan mengawal Lapangan Terbang (STOL PORT) di Sabah dan Sarawak dan membantu Unit



Pencegahan Penyeludupan di kawasan sempadan dibayar elau bertugas dengan kadar RM 4.00 sejam.

Pihak kerajaan juga menyediakan Skim Insuran Perlindungan Kemalangan 24 jam kepada semua anggota. Pampasan akan diberikan kepada anggota sekiranya berlaku kemalangan samaada dalam bertugas atau pun diluar.

PERTANYAAN                  BUKAN LISAN  
DARIPADA                  PUAN TERESA KOK SUH SIM

**SOALAN:**

Y.B. Puan Teresa Kok Suh Sim minta PERDANA MENTERI menyatakan cadangan New Economic Model (NEM) yang telah diterima/guna pakai dan cadangan yang tidak diguna pakai oleh Kerajaan sehingga hari ini.

**JAWAPAN:**

Secara dasarnya, Kerajaan telah menerima prinsip-prinsip dalam Model Baru Ekonomi (MBE). Langkah-langkah dasar ini diperolehi berdasarkan siri perbincangan, rundingan dan Mesyuarat pihak NEAC dengan semua pihak-pihak yang berkepentingan dari pelbagai sektor kerajaan, perniagaan, pertubuhan buruh, NGO, pendidikan dan lain-lain. Semua pandangan pihak yang berkepentingan diambilkira dalam merangka Langkah-Langkah Dasar yang tertakluk dalam 8 Inisiatif Pembaharuan Strategik (IPS).

## **SOALAN NO: 44**

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

Cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh ahli NEAC telah diambilkira oleh Kerajaan dalam RMK-10, Bajet 2011 dan Program Transformasi Ekonomi (ETP).

Sebagai contoh dalam RMK-10 mengandungi aspirasi MBE yang berteraskan pendapatan tinggi, keterangkuman dan kemampan. Rancangan ini akan merencana pembangunan negara dan transformasi struktur utama yang diperlukan ekonomi berpendapatan tinggi serta hal tuju dasar.strategi dan program yang menjadikan negara Malaysia sebagai negara maju dan berpendapatan tinggi.

Dalam menjadikan Malaysia negara berpendapatan tinggi, usaha dilipatgandakan untuk menarik pelaburan, memacu inovasi dan produktiviti yang terletak kepada tenaga kerja yang berdaya saing dan inovatif di peringkat global. Melalui aspirasi MBE, Kerajaan komited untuk meningkatkan pendapatan isi rumah 40% terendah tanpa mengira kaum, latar belakang atau lokasi melalui pembinaan pendapatan, keupayaan, mengukuhkan jaringan keselamatan sosial.

Elemen MBE juga terdapat dalam Program Tansformasi Kerajaan (GTP) dan Program Tansformasi Ekonomi (PTE). Ini kerana fokus utama adalah untuk meningkatkan kualiti hidup Rakyat melalui pertumbuhan ekonomi yang tinggi, terangkum dan mampan.

Sejajar dengan MBE dan RMK-10, GTP adalah bertujuan menangani bidang utama yang menjadi keprihatin rakyat di samping menyokong transformasi Malaysia menjadi sebuah negara membangun dan berpendapatan tinggi selaras usaha mencapai Wawasan 2020. Selaras dengan elemen Keterangkuman dan Kemampanan, GTP bertekad untuk mentransformasikan penyampaian Kerajaan dengan lebih pantas, efektif dan cekap dengan tumpuan kepada pencapaian hasil yang jitu supaya dapat dirasai oleh segenap lapisan masyarakat selaras dengan ciri Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.

Pada 27 Mac 2011, YAB Perdana Menteri telah membentangkan hasil pencapaian pertama GTP dan beliau merumuskan bahawa pelaksanaan GTP telah mencapai sasaran yang ditetapkan. Petunjuk Prestasi Utama Negara (NKPIs) tidak sahaja mencapai sasaran malah melebihi sasaran.

Sebagai contoh NKRA Pembenterasan Jenayah telah mencapai sasarannya dengan penurunan Jenayah Indeks dan Jenayah Jalanan dimana jenayah jalanan yang dilaporkan pada tahun 2009 adalah sebanyak 38,030 kes telah menurun kepada 24,837 pada tahun 2010. Begitu juga dengan Jenayah Indeks yang dilaporkan pada tahun 2009, sebanyak 209,817 kes telah menurun kepada 177,520 kes pada tahun 2010. Hasil ini dicapai melalui inisiatif NKRA seperti

- a. Sebanyak 496 kamera litar tertutup (CCTV) dipasang diseluruh negara
- b. Sebanyak 2001 kes jenayah kekerasan tertunggak berjaya

diselesaikan

- c. Seramai 14,222 anggota polis dikerah meronda kawasan ‘hotspot’
- d. Kira-kira 5,000 anggota RELA dan Jabatan Pertahanan Awam (JPA3) dilatih menjadi sukarelawan polis.

Kejayaan menurunkan kadar kenayah ini akan memberi keyakinan kepada pelabur bahawa negara dalam keadaan sejahtera dan kondusif untuk pelaburan asing.



**NO.SOALAN : 45**  
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**PERTANYAAN BUKAN LISAN**

**DARIPADA** **TUAN CHONG CHIENG JEN**  
**[ BANDAR KUCHING ]**

**TARIKH**

**SOALAN**

**Tuan Chong Chieng Jen [ Bandar Kuching ] minta PERDANA MENTERI menyatakan peratusan pelbagai kaum perkhidmatan kakitangan Kerajaan sejak 1971 hingga 2010.**

**JAWAPAN**

**Kedudukan peratusan pelbagai kaum dalam Perkhidmatan Awam adalah yang dapat dipaparkan adalah mulai 2007 seperti berikut:**

<b>KAUM</b>	<b>2007</b>	<b>2008</b>	<b>2009</b>	<b>2010</b>
<b>Melayu</b>	<b>76.6%</b>	<b>78.2%</b>	<b>78.2%</b>	<b>78.5%</b>
<b>Bumiputera Lain</b>	<b>7.5%</b>	<b>7.7%</b>	<b>7.7%</b>	<b>8.7%</b>
<b>Cina</b>	<b>5.9%</b>	<b>6.2%</b>	<b>5.7%</b>	<b>6.0%</b>
<b>India</b>	<b>4.0%</b>	<b>4.1%</b>	<b>4.0%</b>	<b>4.0%</b>
<b>Lain-lain</b>	<b>1.0%</b>	<b>3.8%</b>	<b>3.3%</b>	<b>2.2%</b>

**Sekian, terima kasih.**

**NO.AUP :**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT**

**JAWAPAN**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA                  TUAN CHONG CHIENG JEN  
[ BANDAR KUCHING ]**

**TARIKH**

**RUJUKAN                  3485**

**SOALAN:**

**Tuan Chong Chieng Jen [ Bandar Kuching ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan siasatan yang telah dibuat atas Laporan Polis No. KOTASENTOSA/2549/09 di mana dua pegawai polis tersebut telah dituduh memukul pengadu Repot Polis tersebut tanpa alasan yang munasabah.  
Tuan Yang DiPertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bandar Kuching yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, berdasarkan siasatan dan semakan rekod, laporan polis Kota

## **JAWAPAN**

Sentosa seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat sebenarnya bukanlah laporan ke atas dua (2) pegawai polis yang dituduh telah memukul pengadu tanpa alasan yang munasabah. Laporan polis tersebut sebenarnya berhubung kes tindakan pihak bank menarik balik sebuah kenderaan jenis Perodua Kancil EX 850 bernombor pendaftaran QKU 2053 di Pasar Batu 7, Kuching, Sarawak. Oleh yang demikian, tidak timbul isu laporan polis tersebut dibuat terhadap pegawai polis yang memukul pengadu tanpa alasan.

PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	BUKAN LISAN
DARIPADA	TUAN CHONG CHIENG JEN
	[ BANDAR KUCHING ]

TUAN CHONG CHIENG JEN [ BANDAR KUCHING ] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI menyatakan apakah rasional Kerajaan untuk

## **NO. SOALAN : 36**

mengurangkan subsidi atas barangan harian sedangkan berterus dengan projek-projek mega dan pembelian senjata yang berbillion-billion ringgit.

### **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Rasional Kerajaan melaksanakan pelarasan semula subsidi adalah:

1. Mengurangkan jurang perbezaan harga runcit bagi barang bersubsidi di Malaysia berbanding negara-negara jiran. Dengan perbezaan harga yang kecil, ketirisan barang bersubsidi melalui aktiviti penyeludupan dapat dikurangkan;
2. Hasil penjimatan subsidi tersebut boleh disalurkan bagi pembangunan sektor-sektor yang lebih memerlukan seperti pelajaran, infrastruktur dan kesihatan; dan

Mendidik dan meningkatkan kesedaran rakyat mengenai keadaan sebenar situasi harga dan bekalan komoditi berkaitan. Ini kerana, harga barang kawalan sering tidak memberi gambaran harga dan keadaan sebenar tentang situasi bekalan serta kesan perubahan harga komoditi tersebut kepada rakyat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN                                  BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA                                      TUAN CHONG CHIENG**

**SOALAN                                        JEN N0.48**

**Tuan Chong Chieng Jen [ Bandar Kuching ] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan apakah peratusan pelbagai kaum yang sedang belajar dalam masing-masing program pengajian yang ditawarkan oleh Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) bagi program pengajian lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/ setaraf.**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, enrolmen pelajar IPTA termasuk KTAR pada tahun 2010 bagi lepasan SPM adalah seramai 61,079 orang. Daripada jumlah tersebut, 68.63% adalah pelajar Melayu, 25.55% pelajar Cina dan 5.82% pelajar India dan lain-lain.**

**NO. SOALAN : 49**  
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**BUKAN LISAN**

**DARIPADA**

**TUAN CHONG CHIENG JEN  
[ BANDAR KUCHING ]**

**TARIKH**

**SOALAN**

**Tuan Chong Chieng Jen [ Bandar Kuching ] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah peratusan pegawai Kerajaan Persekutuan di Kementerian masing-masing yang sedang berkhidmat di Sarawak adalah orang Sarawak dan berapa peratusan mereka yang bukan berasal dari Sarawak.**

**JAWAPAN:**

**Sehingga 1 April 2011, jumlah pegawai yang berkhidmat di Kementerian/ Jabatan Persekutuan di negeri Sarawak adalah seramai 59,815 orang. Daripada jumlah tersebut, 87.4% adalah terdiri dari kalangan Anak Negeri Sarawak manakala selebihnya bukan kelahiran Negeri Sarawak.**

**Pecahan peratusan mengikut kementerian adalah seperti berikut:**

KEMENTERIAN/JABATAN	Jumlah Pengisian di Sarawak	Anak Negeri Sarawak	Bukan Anak Negeri Sarawak
JABATAN PERDANA MENTERI	1,677	1,189 (70.9%)	488 (29.1%)
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN	179	120 (67.0%)	59 (33.0%)
KEMENTERIAN DALAM NEGERI	3,750	3,356 (89.5%)	394 (10.5%)

KEMENTERIAN/JABATAN	Jumlah Pengisian di Sarawak	Anak Negeri Sarawak	Bukan Anak Negeri Sarawak
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH	92	86 (93.5%)	6 (6.5%)
KEMENTERIAN KERJA RAYA	24	24 (100%)	0 (0%)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA	12,127	11,329 (93.4%)	798 (6.6%)
KEMENTERIAN KEWANGAN	472	363 (76.9%)	109 (23.1%)
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA	35,265	30,718 (87.1%)	4,547 (12.9%)
KEMENTERIAN PELANCONGAN MALAYSIA	18	17 (94.4%)	1 (5.6%)
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT	178	161 (90.4%)	17 (9.6%)
KEMENTERIAN PENERANGAN KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA	1,219	1,159 (95.1%)	60 (4.9%)
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI	777	437 (56.2%)	340 (43.8%)
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN	1,201	1,063 (88.5%)	138 (11.5%)
KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI	20	17 (85.0%)	3 (15.0%)
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN	198	156 (78.8%)	42 (21.2%)
KEMENTERIAN PERTAHANAN	60	48 (80.0%)	12 (20.0%)
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI	394	340 (86.3%)	54 (13.7%)
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN	751	723 (96.3%)	28 (3.7%)
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI	270	206 (76.3%)	64 (23.7%)
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR	506	418 (82.6%)	88 (17.4%)
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA	637	370 (58.1%)	267 (41.9%)
<b>JUMLAH</b>	<b>59,815</b>	<b>52,300 (87.4%)</b>	<b>7,515 (12.6%)</b>

Sumber: Pangkalan Data HRMIS

**Sekian, terima kasih.**

**NO. AUP :**

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** BUKAN JAWAB LISAN **NO. AUM : 50**  
**DARIPADA** DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN  
[SEPANGGAR]  
**TARIKH**  
**RUJUKAN** 3557

**SOALAN:**

**Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah tangkapan terhadap penganas dan penyeludup dari negara asing di Sabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pasukan Gerakan Am (PGA) adalah sebuah pasukan yang bertanggungjawab untuk mengawal keselamatan penduduk dan pelancong serta harta benda di pulau-pulau dan pesisiran pantai daripada sebarang ancaman militan termasuk penculik dalam dan luar negara serta lanun.

**JAWAPAN:**

PGA Briged Sabah sentiasa menjalankan operasi dan rondaan yang ketat sepanjang tahun di semua kawasan tanggungjawab mereka. Hasil daripada operasi tersebut pada tahun 2010 seramai dua (2) orang warga Indonesia dan dua puluh (20) orang warga Filipina telah ditangkap atas kesalahan menyeludup gula pasir, rokok, kayu belian, diesel dan petrol. Manakala pada tahun 2011 seorang warga Filipina telah di tangkap atas kesalahan menyeludup arak dan tawas.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak PDRM sentiasa peka dan memandang serius segala kejadian-kejadian jenayah yang berlaku di seluruh negara ini. Selain daripada itu, pihak PDRM sentiasa mengadakan operasi bersepadu yang melibatkan kerjasama antara agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Imigresen, RELA dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk menjelak, mengesan dan seterusnya menangkap penyeludup dan pengganas warga asing ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B.  
DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN

BUKAN LISAN

DARIPADA

DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN

[ SEPANGGAR]

SOALAN

Datuk Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan jumlah sebenar kos pembelian bangunan Hospital Queen Elizabeth II dan bilakah hospital ini dapat beroperasi sepenuhnya. Apa sebenarnya berlaku

pada bangunan itu baru-baru ini sehingga mengakibatkan **NO. SOALAN: 52**  
tergendala dan berapa jumlah kos untuk membaiki kerosakan tersebut.

Tuan Yang Dipertua,

Bangunan Hospital Queen Elizabeth II (sebelum ini adalah Sabah Medical Centre) dibeli oleh kerajaan dengan harga RM 280 juta pada September 2009. Pada masa ini kerja-kerja menaiktaraf sedang dijalankan. Disebabkan masalah *decanting* pesakit untuk memberi laluan kepada kerja pembinaan kerja-kerja menaiktaraf yang sepatutnya disiapkan pada 22 Februari 2011 dilanjutkan kepada 23 Mei 2011. Dengan mengambilkira masa yang diperlukan untuk mobilisasi dan melengkapi ruang tambahan ini dengan peralatan adalah dijangkakan hospital ini dapat beroperasi sepenuhnya pada awal Jun 2011.

Mengenai masalah yang berlaku pada 24 hingga 26 Januari 2011 yang lepas yang menyebabkan penangguhan 25 kes pembedahan elektif adalah masalah penutupan sementara salah sebuah dewan bedah (Dewan Bedah 3) bagi kerja-



kerja pembersihan dan menjalankan ujian ‘air sampling’ akibat tercemar oleh kebocoran paip sanitasi yang tersumbat. Walaubagaimanapun kerja-kerja penyambungan paip dan pembersihan telah selesai dan Dewan Bedah 3 tersebut telah beroperasi semula pada 27 Januari 2011. Dalam tempoh penutupan dewan bedah tersebut pembedahan kecemasan tidak terjejas kerana masih boleh ditampung oleh dewan bedah lain di hospital yang sama.

Kos bagi kerja pembaikan dan penyambungan semula paip yang tersumbat ditanggung sepenuhnya oleh kontraktor projek naiktaraf hospital berdasarkan pemerhatian bahawa sanitasi yang saluran tersumbat adalah disebabkan oleh bahan-bahan berkaitan pembinaan.

**NO. AUP :**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA                    DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN  
[ SEPANGGAR ]**

**TARIKH**

**RUJUKAN                    3543**

**SOALAN:**

**Datuk Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan tenaga buruh asing rakyat Indonesia dan**

Filipina bekerja di negara ini dan khasnya di Sabah dalam bidang pertanian, pembinaan dan perniagaan. Berapa jumlah levi yang telah dikutip oleh Kerajaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah pekerja asing rakyat Indonesia dan Filipina pemegang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang bekerja di negara ini bagi tahun 2010 ialah 828,147 orang. Khusus bagi negeri Sabah, jumlah pemegang PLKS bagi tempoh Mac 2010 hingga Disember 2010 adalah seramai 272,157 orang. Dari jumlah ini, seramai 232,165 orang adalah pekerja dari Indonesia, 39,983 orang warganegara Filipina, 2 orang Bangladesh dan 7 orang warganegara Cambodia.

Mengikut sektor pula, sektor pertanian di Sabah menggajikan seramai 64,325 orang pekerja asing di mana seramai 48,817 orang adalah warganegara Indonesia, dan 15,508 adalah warganegara Filipina.

Bagi sektor pembinaan, seramai 12,319 orang warganegara asing bekerja di sektor ini. Seramai 7,024 orang adalah pekerja dari Indonesia dan 3,670 pekerja dari Filipina.

Bagi bidang perniagaan, Jabatan Imigresen Sabah tiada statistik kerana tiada sebarang pas atau permit dikeluarkan oleh jabatan tersebut kepada warganegara asing untuk bekerja di sektor berkenaan.

Berhubung dengan levi, untuk tahun 2010, sebanyak RM 73,975,322 telah dikutip bagi pekerja asing yang bekerja di Sabah.

**SOALAN NO. 53**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA**

**DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN  
[SEPANGGAR]**

**SOALAN**

**DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN [SEPANGGAR]** Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah peruntukan khas bagi setiap Ahli Parlimen pada tahun 2008 hingga 2010 serta senarai projek- projek/bekalan yang diperuntukkan bagi kawasan Parlimen Sepanggar dalam tempoh masa yang sama.

**JAWAPAN**

Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri disediakan kepada kawasan Parlimen dan bukan kepada YB Ahli Parlimen di kawasan berkenaan. Kuantum kadar peruntukan ini adalah berdasarkan keputusan YAB Perdana Menteri yang berlandaskan kepada keperluan, keutamaan dan kemampuan kewangan Kerajaan.

Bagi tahun 2008, sebanyak RM2.0 juta diperuntukkan bagi kawasan Parlimen Sepanggar manakala bagi tahun 2009 dan 2010 peruntukan yang disediakan adalah masing-masing sebanyak RM1.0 juta.

Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri untuk kawasan Parlimen Sepanggar disalurkan bagi tempoh 2008 hingga 2010 lalu telah dibelanjakan bagi melaksana pelbagai program/projek seperti berikut:

- i. Pembinaan atau naik taraf jalan dan jambatan;
  - ii. Pembinaan atau naik taraf masjid dan surau dan lain-lain projek fizikal;
  - iii. Perbekalan peralatan pembinaan seperti atap zink, papan lapis dan sebagainya;
  - iv. Perbekalan barang dan peralatan seperti komputer riba, enjin sangkut, gergaji berantai (*chain-saw*), peralatan muzik dan sebagainya;
  - v. Sumbangan kepada orang miskin;
  - vi. Sumbangan kepada pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan (NGO), Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan sekolah ; dan
  - vii. Penganjuran kursus latihan, program komuniti dan sebagainya.

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN BUKAN LISAN**  
**DARIPADA TUAN FONG KUI LUN**  
**[ BUKIT BINTANG ]**

TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan masalah kekurangan

## **NO. SOALAN : 36**

bekalan minyak masak dari segi punca dan langkah memulihkan bekalan setelah Kabinet membuat keputusan tidak menaikkan harga jualannya.

### **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Masalah kekurangan bekalan minyak masak yang berlaku baru-baru ini adalah disebabkan oleh :

1. Spekulasi yang mengatakan kemungkinan harga minyak masak akan naik berikutan kenaikan harga minyak mentah (CPO) di pasaran global yang mencecah sehingga RM3,800 per tan metrik;
2. Pembelian panik oleh pengguna dan peniaga kecil di beberapa kawasan dan pasaraya-pasaraya tempatan; dan
3. Kekurangan di beberapa peruncit yang tidak membuat pesanan serta berlakunya pembelian dalam kuantiti yang banyak untuk sambutan perayaan serta persiapan masyarakat untuk mengadakan majlis perkahwinan.

Walau bagaimanapun, pada masa ini bekalan minyak masak telah beransur pulih dan stabil.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi mengatasi masalah gangguan bekalan minyak masak baru-baru ini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dengan kerjasama Kementerian Perusahaan Perlادangan dan Komoditi (KPPK), Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia telah mengambil langkah-langkah berikut:

1. Membuat penyelarasan kuota bulanan dengan menarik sebahagian kuota bulan berikutnya untuk dilambakkan ke bulan-bulan tertentu. Pada bulan Januari 2011, KPDKKK dengan bantuan KPPK telah menarik kuota minyak masak bulan Februari 2011 sebanyak 24% atau 17,065 tan metrik untuk dilambakkan pada bulan Januari. Ini bermakna bekalan minyak masak pada bulan Januari di pasaran berjumlah 87,388 tan;
2. Memantau operasi pengedaran kilang penapis minyak masak dan syarikat pembungkus semula minyak masak bagi menyelia penerimaan/ pengedaran/ penjualan bagi memastikan bekalan sampai kepada pengguna;
3. Tindakan penguatkuasaan oleh KPDKKK, MPOB dan Kastam yang akan berkerjasama bagi mengawal keadaan ketirisan terutamanya di sempadan. Kementerian telah menempatkan pegawai penguatkuasa di *Customs, Immigration and Quarantine* (CIO) di pintu-pintu sempadan negara bagi mengelakkan aktiviti penyeludupan berlaku; dan

Mewujudkan dan menggerakkan Pasukan Petugas Khas membanteras penyelewengan minyak masak bersubsidi. Pasukan ini dianggotai oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK), Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (KDRM).

Menjalankan audit dan pemantauan setiap bulan ke atas aktiviti kilang penapis dan syarikat pembungkus bagi memstikan bekalan minyak masak sampai kepada pengguna.

**PEMBERITAHU  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN                  BUKAN LISAN**

**DARIPADA                  YB. TUAN FONG KUI LUN  
[BUKIT BINTANG]**

**RUJUKAN                  14 [PR-000- T41432]**

**SOALAN**

Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan masalah kekurangan papan tanda pejalan kaki untuk kegunaan pelancong-pelancong asing di sekitar Kuala Lumpur yang menimbulkan kesukaran mencari arah tuju dan apakah usaha

**untuk mengatasinya.**

**SOALAN NO: 55**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang, kebanyakkan pelancong asing yang datang ke bandar raya Kuala Lumpur menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh agen pelancongan yang menyediakan kemudahan bas - bas persiaran serta pemandu pelancong. Oleh yang demikian, masalah bagi mendapatkan arah lokasi tumpuan pelancong tidak timbul.

Walau bagaimanapun, terdapat sebahagian pelancong yang tidak menggunakan khidmat agen pelancongan atau pelancong yang tidak bersama dengan kumpulan besar yang diatur oleh agen yang memerlukan pandu arah ke lokasi- lokasi pelancongan utama seperti KLCC, Bukit Bintang, Menara Kuala Lumpur, Bukit Nanas dan Kampong Bharu. Sehubungan itu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah memasang 24 buah papantanda arah pelancong dengan menggunakan dua bahasa, iaitu Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab dilokasi- lokasi strategik di bandar raya Kuala Lumpur.

Selain itu, DBKL turut akan menambah bilangan papan-papan tanda yang diperlukan dari semasa ke semasa disamping memperbaiki papan-papan tanda lama yang telah rosak.



**SOALAN NO.: 56**

DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN BUKAN LISAN

PERTANYAAN                    BUKAN LISAN

DARIPADA                    :        TUANFONG KUI LUN  
                                    [BUKIT BINTANG]

**SOALAN**

Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan projek tebatan banjir seluruh negara dari segi pencapaiannya dan kelemahannya berikutan ancaman banjir yang kerap berlaku dari tahun ke tahun yang memusnahkan harta benda.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak satu ratus enam puluh tiga (163) projek tebatan banjir telah dilaksanakan sepanjang tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) yang lalu. Daripada jumlah ini, satu ratus lima puluh tujuh (157) projek telah disiapkan manakala baki enam (6) projek akan disambung pelaksanaannya dalam RMKe-10.

Projek-projek ini telah mengurangkan kekerapan dan keseriusan kejadian banjir di kawasan-kawasan terlibat dan ianya telah memberi manfaat kepada lebih dua (2) juta penduduk di kawasan yang mudah banjir.

Sekian, terima kasih.

**NO. AUP :**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**NO. AUM : 57**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ]**

**TARIKH**

**RUJUKAN 3486**

**SOALAN:**

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan masalah dan isu pendatang asing seperti pelarian Myanmar dan lain-lain yang menimbulkan fenomena baru di Kuala Lumpur dan bagaimana cara Kerajaan menanganinya.



**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang yang mengemukakan pertanyaan.

Menurut statistik yang dikeluarkan oleh UNHCR seramai 92,165 orang telah diberikan kad UNHCR.

Daripada jumlah tersebut seramai 84,753 orang iaitu sebanyak 91.95 peratus merupakan pelarian dari Myanmar. Walaupun Malaysia bukan merupakan *signatory body* kepada *United Nations Convention Relating to the Status of Refugees*, atas dasar perikemanusiaan, Malaysia akan memberi peluang kepada pemegang kad tersebut untuk tinggal sementara waktu di Malaysia sementara menunggu mereka ditempatkan ke negara ketiga.

Kerajaan sentiasa berhubung dengan pejabat UNHCR bagi memastikan pejabat tersebut memantau supaya mereka yang didaftarkan oleh UNHCR tidak mengganggu kehidupan rakyat Malaysia. Agensi-agensi penguatkuasa terus memastikan mereka dilindungi di bawah UNHCR mematuhi undang-undang negara dan tidak terlibat dalam aktiviti yang bertentangan dengan undang-undang di Malaysia. Sekiranya mereka melanggar undang-undang akan ditangkap dan diusir.

Bagi penghantaran pulang pelarian ini ke mana-mana negara ketiga, kos penghantaran akan ditanggung oleh *International Organization of Migration* (IOM).

**SOALAN NO.: 58**  
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :**                   **BUKAN LISAN**

**DARIPADATUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ]**

**SOALAN**

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan peluang-peluang yang bakal dinikmati oleh para peniaga berikutnya pembukaan KLIFD.

**CADANGAN JAWAPAN:**

1. Satu komponen penting bagi menjayakan inisiatif *Greater KL*, KLIFD dilihat bakal menjadi “magnet” untuk menarik nama-nama besar antarabangsa ke Kuala Lumpur merangkumi beberapa sektor seperti perkhidmatan, perbankan dan kewangan. Ini sekaligus akan mencetus aktiviti ekonomi baru dan membuka peluang-peluang pekerjaan bagi rakyat Malaysia dari setiap strata ekonomi.
2. Kesan positif yang dibawa oleh KLIFD bukan sahaja kepada syarikat-syarikat yang beroperasi di hub kewangan antarabangsa itu tetapi ia juga akan membuka peluang-peluang ekonomi baru dan mempertingkatkan daya maju perniagaan-perniagaan di kawasan sekitarnya. Selari dengan aspirasi KLIFD untuk menjadi hab kewangan antarabangsa yang mengekalkan ciri-ciri kebudayaan dan sifat tempatan, ia dilihat bakal menjadi ruang untuk para peniaga yang terbaik merangkumi pelbagai latar belakang untuk menjalankan perniagaan mereka di situ.



3. Selain daripada premis pejabat, ruang premis perniagaan dan rekreasi juga disediakan untuk memenuhi keperluan harian bagi para profesional yang bekerja di KLIFD. Sebahagian daripada pembangunan KLIFD juga telah diperuntukkan untuk pembangunan kediaman dan pusat pembelajaran, yang akan mempunyai ruang-ruang sampingan untuk para peniaga kecil dan sederhana beroperasi. Peluang untuk para peniaga akan terhasil melalui aktiviti perniagaan di kawasan tersebut, sepetimana yang dilihat di sekitar pembangunan Putrajaya dan Kuala Lumpur City Center.

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. DATUK IR HAJI IDRIS BIN HAJI HARON  
[ TANGGA BATU ]

#### JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

#### PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. DATUK IR HAJI IDRIS BIN HAJI HARON [ TANGGA BATU ] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dalam menangani isu salah guna bahasa dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu sejajar dengan konsep Satu Malaysia

#### JAWAPAN

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah mengambil tindakan untuk melakukan pemantauan terhadap penggunaan bahasa kebangsaan melalui program dan projek yang lebih intensif. Mana-mana pihak yang tidak mencapai tahap dan mutu penggunaan bahasa yang ditetapkan akan diberikan surat teguran untuk membetulkan salah guna bahasa yang berkenaan. DBP telah menyediakan pelbagai bahan rujukan seperti kamus, istilah dan buku pedoman dan panduan bahasa yang dapat membantu semua pihak berurusan dalam bahasa kebangsaan dengan betul. Selain itu, orang ramai juga boleh mendapatkan khidmat nasihat bahasa daripada DBP melalui Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM) di laman web DBP ([www.dbp.gov.my](http://www.dbp.gov.my)). talian telefon dan

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

faksimile. Bagi memastikan penggunaan bahasa kebangsaan yang betul digunakan di sektor awam dan swasta, DBP mengendalikan Kursus bahasa Melayu dan penulisan dokumen yang diadakan pada setiap tahun. Untuk membantu usaha ini, pihak DBP juga telah melatih dan melantik Munsyi Dewan dan Pegawai Bahasa di jabatan dan agensi-agensi Kerajaan.



Sebagai galakan, DBP memberikan penghargaan dan pengiktirafan dengan menyediakan anugerah dan hadiah galakan untuk mereka yang menggunakan bahasa kebangsaan dengan baik dan betul. Keberkesanan usaha ini dinilai melalui kajian yang dilaksanakan oleh DBP dari semasa ke semasa. Hasil kajian ini dimanfaatkan oleh DBP untuk merancang program dan projek susulan yang lebih berkesan.

DBP juga terus meningkatkan hubungan dan kerjasama (sinergi) dengan pihak Kerajaan Negeri melalui jawatankuasa yang ditubuhkan pada peringkat negeri, seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Putrajaya, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah dan lain-lain.

Terbaru, Kementerian Pelajaran telah menubuhkan Jawatankuasa Pelaksanaan Bahasa Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri. Tugas dan tanggungjawab jawatankuasa ini adalah untuk memastikan agar taraf bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan terus terpelihara dan memantau penggunaan bahasa kebangsaan di semua jabatan dan agensi kerajaan serta sektor yang berimpak tinggi.

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. DATUK IR HAJI IDRIS BIN HAJI HARON

[ TANGGA BATU ]

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

Y.B. DATUK IR HAJI IDRIS BIN HAJI HARON [ TANGGA BATU ] minta Menteri Pelajaran menyatakan :-

(a) berapa buah sekolah yang telah diiktiraf sebagai Sekolah Kluster Kecemerlangan;

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

dan

- (b) sejauh manakah sekolah-sekolah kluster tersebut telah mencapai kejayaan dalam niche areas yang telah ditetapkan dan adakah sekolah kluster masih relevan setelah adanya Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT).

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- a) Jumlah Sekolah Kluster Kecemerlangan yang telah diiktiraf adalah seperti berikut:

i)	Fasa 1-30 buah sekolah (diiktiraf pada	30 Mac 2007)
ii)	Fasa 2-30 buah sekolah (diiktiraf pada	1 April 2008); dan
iii)	Fasa 3-60 buah sekolah (diiktiraf pada	9 April 2009).

Jumlah keseluruhan 120 buah sekolah telah diiktiraf sebagai SKK untuk Fasa 1, 2 dan 3. Jumlah terkini untuk SKK ialah 94 buah setelah 16 buah SKK telah diiktiraf sebagai Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) Kohort 1 (9 diiktiraf pada 25 Januari 2010) dan 10 buah SKK telah diiktiraf sebagai SBT Kohort 2 (diiktiraf pada 17 Februari 2011). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, 30 buah sekolah masih dalam proses untuk diiktiraf sebagai Sekolah Kluster Kecemerlangan Fasa 4 pada tahun 2011.

- (b) Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) dan Sekolah Kluster Kecemerlangan mempunyai peranan dan matlamat yang berbeza.

SKK bertujuan meningkatkan kecemerlangan sekolah dalam bidang kbeitaraan masing-masing. Manakala SBT merupakan sekolah yang paling cemerlang antara sekolah-sekolah yang cemerlang dalam semua aspek termasuk akademik, kurikulum, pengantarabangsaan serta mempunyai etos dan identiti sendiri.

Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK) masih relevan kerana ia berasaskan kelompok

atau tahap A, B, dan C ialah sekolah yang cemerlang dalam kelompoknya yang dapat melahirkan murid yang holistik dalam aspek akademik kurikulum mempunyai kebitaraan (*niche area*). Berdasarkan elemen (kebitaran - *niche area*) inilah sekolah ini berupaya membangunkan modal insancemerlang minda kelas pertama yang dapat bersaing pada peringkat global seterusnya menjadi *show case* (contoh teladan) pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Pencapaian bagi SKK terdiri daripada tiga tahap sekolah iaitu :

TAHAP A : Sekolah cemerlang yang boleh menjadi model (*showcase*) dan mampu bersaing pada peringkat antarabangsa;

TAHAP B : Sekolah cemerlang yang boleh menjadi model dan mampu bersaing pada peringkat kebangsaan, seterusnya hingga ke peringkat antarabangsa; dan

TAHAP C : Sekolah yang berpotensi mencapai kecemerlangan hingga ke peringkat kebangsaan.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**                    **BUKAN JAWAB LISAN**

**DARI PADA**                    **DATUK IR HAJI IDRIS BIN HAJI HARON  
(TANGGA BATU)**

**SOALAN**                    **61**

**Datuk Ir. Haji Idris Bin Haji Haron (Tangga Batu)** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah prosedur yang diambil dalam ujian kelayakan untuk memilih pemandu bas bagi mengurangkan kecelakaan jalanraya yang semakin berleluasa melibatkan pengangkutan awam.

Tuan Yang Dipertua,

Permohonan untuk mendapatkan Lesen Kenderaan Perkhidmatan Awam (*Public Service Vehicles-PSV*) kelas E bagi membolehkan seseorang pemandu memandu bas hendaklah memenuhi kriteria-kriteria seperti berikut:

- (i) warganegara Malaysia atau Penduduk Tetap;
- (ii) berumur tidak kurang 21 tahun;
- (iii) telah memegang kelas D tidak kurang dari 1 tahun;
- (iv) memiliki Lesen Memandu Kompeten (CDL) kelas E;
- (v) lulus pemeriksaan kesihatan oleh Pegawai Perubatan;
- (vi) mengikuti kursus teori selama 7 jam dan latihan amali selama

## **JAWAPAN**

8 jam; dan

- (vii) menduduki dan lulus ujian teori dan ujian amali.

Pada masa ini Kerajaan tidak menetapkan syarat khas terhadap pengusaha bas untuk memilih pemandu syarikat mereka. Walau bagaimanapun, melalui penguatkuasaan penggunaan Kod Amalan Keselamatan dan Kesihatan (SHE), adalah menjadi tanggungjawab pengusaha bas untuk memastikan pemandu yang diambil bekerja merupakan pemandu yang berdisiplin dan kompeten berdasarkan rekod kesalahan lalu lintas yang dilakukan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT  
PERTAMA, PENGGAL KE-4, PARLIMEN KE-12**

**PERTANYAAN**

**BUKANJAWABLISAN (BERTULIS)**

**SOALAN NO. 62. M/S. 40**

Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [ Maran ] minta MENTERI BELIA DAN SUKAN menyatakan sekitar tahun enam puluhan (60') hingga lapan puluhan (80') Kerajaan meletakkan Kebudayaan, Belia dan Sukan di bawah satu Kementerian. Ketika ini Kebudayaan diletakkan di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan. Melihatkan pengurusan kegiatan belia tidak seimbang dengan kegiatan sukan untuk negara, adakah Kerajaan bercadang untuk mengasingkan BELIA di bawah satu kementerian manakala

SUKAN di bawah satu kementerian yang lain.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian sentiasa memberi perhatian dan penekanan terhadap program-program pembangunan belia dan sukan. Di mana 59% daripada jumlah peruntukan tahun 2011 Kementerian telah diagihkan untuk tujuan pembangunan belia, manakala 41% pula bagi melaksanakan program- program pembangunan sukan massa. Selain itu, Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Belia (JKPB) Siri 2 Bilangan 2/2010 yang dipengerusikan oleh YAB. Timbalan Perdana Menteri telah bersetuju supaya struktur sedia ada di Kementerian Belia dan Sukan perlu dibuat penambahbaikan dari segi penjenamaan semula dan struktur tenaga kerja (perjawatan). Ia sebagai usaha Kerajaan untuk memantapkan lagi pembangunan belia di peringkat akar umbi, selaras dengan visi dan misi Kementerian. Sehubungan itu, perkara ini sedang dalam tindakan dan pihak Kementerian tiada perancangan untuk mengasingkan BELIA di bawah satu kementerian manakala SUKAN di bawah satu kementerian yang lain.



<b>PERTANYAAN</b>	<b><u>PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT</u></b>
<b>DARIPADA</b>	<b>BUKAN JAWAB LISAN</b>
<b>SOALAN</b>	<b>DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB N0.63</b>

**Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [ Maran ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan perkembangan pusat pusat pengajian tinggi baik IPTA mahupun IPTS dinegara ini dilihat membanggakan dalam usaha melahirkan graduan graduan bertaraf dunia. Namun tidak terdapat IPTA khusus dibidang professional "KEDOKTORAN" selain daripada IPTS "MAHSA". Adakah Kerajaan bercadang untuk membina sebuah IPTA khusus dibidang pengajian perubatan bagi melahirkan graduan perubatan yang diperlukan oleh negara.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, Kementerian tidak bercadang untuk menubuhkan IPTA khusus dalam bidang perubatan memandangkan telah terdapat sebelas (11) buah IPTA yang menawarkan kursus perubatan. Tiga daripada sebebas buah IPTA tersebut telah mempunyai hospital pengajar sendiri iaitu Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM), Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) dan Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM).

**Walaupun pada masa ini, Kementerian tidak bercadang menubuhkan IPTA khusus dalam bidang perubatan, Kementerian sentiasa berusaha memperluaskan akses bagi program pengajian perubatan dengan menambah bilangan tempat yang ditawarkan di IPTA dari semasa ke semasa. Enrolmen pelajar perubatan di IPTA pada tahun 2010 telah meningkat kepada seramai 10,272 orang berbanding 9,687 orang pada tahun 2009. Kementerian percaya bahawa kursus perubatan yang ditawarkan di IPTA mampu melahirkan graduan perubatan yang diperlukan oleh negara dan fokus Kementerian pada masa ini adalah memperkasakan IPTA sedia ada.**

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN BUKAN LISAN PERTANYAAN:

BUKAN LISAN

DARIPADA :DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD MUTALIB  
[MARAN]

SOALAN

Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [ Maran ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan Timbalan Perdana Menteri dalam kenyataan media baru baru ini ada mengulas keadaan banjir di Negeri Johor, Negeri Sembilan dan lainnya serta pihak Kerajaan telah memperuntukkan RM 1 billion bagi tujuan kerja-kerja pembaikan sungai-sungai untuk mengurangkan risiko banjir di masa depan. Jelaskan secara terperinci nama sungai-sungai yang terlibat dengan peruntukan disediakan serta berapakah jumlah peruntukan yang disediakan bagi tujuan yang sama kepada Negeri Pahang.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah diberi peruntukan berjumlah RM 2,458.8 juta dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) *Rolling Plan* Pertama bagi melaksanakan program

## **SOALAN NO: 65**

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

pengurusan banjir dan sungai. Dari jumlah tersebut, sebanyak RM 799.8 juta adalah untuk bayaran balik projek secara 'deferred payment' yang telah disiapkan pada RMKe-9 yang lalu. Manakala baki RM 1,659 juta untuk melaksanakan program pengurusan banjir dan sungai bagi seluruh negara.

Bagi Negeri Pahang, lima (5) program akan dilaksanakan dengan peruntukan sebanyak RM 158.8 juta iaitu, Rancangan Tebatan Banjir Bandar Pekan, Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kuantan, Pemuliharaan Muara Sungai Pahang, Pembangunan Lembangan Sungai Pahang dan Pembersihan dan Rawatan Air Sungai Galing.

Sekian, terima kasih.

**PERTANYAAN**

**BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA**

**DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD.  
MUTTALIB [ MARAN ]**

**SOALAN**

Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [ Maran ] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan kegiatan pertubuhan sukarela NGO (Belia) di negara ini didapati tidak menyerlah berbanding sukan dengan liputan yang meluas oleh media cetak dan elektronik. Apakah jabatan penyiaran dengan rangkaian RTMnya bercadang menyediakan slot slot khas terhadap kegiatan yang dilakukan oleh pertubuhan sukarela (NGO) memandangkan ianya merupakan keperluan semasa dimana peranan NGO mampu menyediakan bakal kepimpinan pelapis kepada negara.

**SOALAN NO: 66**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

RTM sentiasa memberi ruang dan membuat liputan kegiatan pertubuhan sukarela belia dari semasa ke semasa dan disiarkan dalam pelbagai program berita dan ehwal semasa di radio dan televisyen. Perkara yang diberi keutamaan untuk liputan ialah aktiviti yang dianjurkan oleh sesuatu pertubuhan sukarela itu yang memberi manfaat kepada rakyat terutamanya golongan belia.

**SOALAN NO: 65**

Bahagian Berita Ehwal Semasa akan menerbitkan program berita khusus kepada belia yang akan bersiaran melalui saluran TV1 di ASTRO 180.

Aktiviti yang dilaksanakan oleh pertubuhan sukarela selalunya disiarkan melalui rancangan berikut:

- a) Selamat Pagi Malaysia
- b) Hello On Two (B. Inggeris)
- c) Vasantham (B.Tamil)
- d) What Say You (B. Mandarin)

Selain itu, Slot Galeri Nasional (Mandarin) yang bersiaran Isnin hingga Jumaat (12.20 tengah hari 12.30 tengah hari) juga menyatakan liputan aktiviti-aktiviti pertubuhan sukarela NGO (Belia) di negara ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN**  
**PEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD.**  
**MUTTALIB [ MARAN ]**

**NO. SOALAN [66] PR-000-T41472**

**SOALAN** Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib  
[Maran] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan Kerajaan Malaysia yang diwakili YAB Perdana Menteri dalam rundingan bersama Kerajaan Singapura tahun sudah, telah mengambil keputusan bersetuju agar tanah milik Keretapi Tanah Melayu di Republik berkenaan dimajukan untuk pembangunan ekonomi bagi kepentingan dua buah negara. Dengan perjanjian tersebut, apakah Kerajaan sedar identiti nama "Melayu" secara jelas telah hilang di mata dunia.



## **JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih Yang Berhormat Maran di atas soalan yang dikemukakan.

2. Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysia dan Singapura telah bersetuju untuk melaksanakan POA yang telah ditandatangani pada tahun 1990. Pelaksanaan POA membolehkan tanah-tanah di Tanjong Pagar, Kranji dan Woodlands dan tiga keping tanah tambahan di Bukit Timah dibangunkan secara komersial oleh syarikat usaha sama M+S Pte. Ltd. di mana ekuiti Malaysia sebanyak 60% dipegang oleh Khazanah Nasional Berhad dan ekuiti Singapura sebanyak 40% dipegang oleh *Temasek Holdings Private Limited*. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, menurut **1918 Singapore Railway Transfer Ordinance**, tanah-tanah tersebut hanya boleh digunakan untuk tujuan perkeretapihan sahaja. Dengan persetujuan yang dicapai berhubung pelaksanaan POA ini, **Keretapi Tanah Melayu Berhad** akan tetap beroperasi ke *Woodlands Train Checkpoint* (WTCP) di Singapura mulai 1 Julai 2011.

**JAWAPAN:**

Sekian, terima kasih.

**NO. AUP :**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID  
[ KUALA KRAU ]**

**TARIKH**

**RUJUKAN 3487**

**SOALAN:**

**Dato' Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said [ Kuala Krau ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kemalangan jalan raya di seluruh negara bagi tahun 2010 dan nyatakan bilangan kematian disebabkan kemalangan jalan raya bagi tempoh berkenaan serta nyatakan langkah-langkah Kerajaan bagi mengatasinya.

**JAWAPAN**  
Tuan Yang DiPertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kuala Krau yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, jumlah kemalangan jalan raya di seluruh negara pada tahun 2010 adalah sebanyak 414,421 kes manakala jumlah kematian yang dicatatkan dalam tempoh tersebut adalah sebanyak 6,872 orang.

Tuan Yang DiPertua,

Bagi mengurangkan kadar kemalangan jalan raya, pihak polis bersama-sama dengan agensi kerajaan yang lain seperti Jabatan Pengangkutan Jalan dan Jabatan Keselamatan Jalan Raya telah melaksanakan langkah-langkah seperti berikut:-

- i) Kempen-kempen keselamatan jalan raya dan penguatkuasaan secara berterusan;
- ii) melancarkan Ops Sikap di musim-musim perayaan utama;
- iii) mengadakan operasi bersepadu secara berkala;
- iv) kehadiran secara fizikal polis-polis trafik; dan
- v) kawalan lalulintas semasa kesesakan dan musim-musim perayaan.



**NO. SOALAN: 68**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B.**

**DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**  
**PERTANYAAN** **BUKAN LISAN**  
**DARIPADA** **DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI**  
MOHAMED SAID KUALA KRAU ]

**SOALAN**

Dato' Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said [ Kuala Krau ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan status cadangan Kerajaan untuk memperkenalkan Skim Penjagaan Kesihatan Nasional ICare dan apakah kebaikan yang dapat diperoleh rakyat daripada skim ini.

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia sedang giat membangunkan *blueprint ICare for 1 Malaysia* dalam tempoh 2 tahun ini untuk tujuan transformasi sistem kesihatan Negara. Bagi pelaksanaan tersebut, 10 Kumpulan Kerja Teknikal telah dibentuk dan diketuai oleh pegawai kanan Kementerian Kesihatan yang pakar dalam bidang masing-masing. Oleh kerana perancangan sistem kesihatan akan memberi implikasi kepada semua, proses perancangan *ICare* turut melibatkan pelbagai agensi kerajaan, pihak swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), persatuan pengamal perubatan industri dan sebagainya dalam proses pembangunan *blueprint* ini. Di samping itu, pihak Kementerian Kesihatan juga sedang dalam proses menjalankan beberapa kajian untuk mendapatkan data



terkini bagi bukti bagi membentuk dan menyokong pembangunan *blueprint* tersebut. Implementasi menyeluruh sistem *1 Care* akan memberi banyak kebaikan kepada rakyat Malaysia. Dengan Skim Penjagaan Kesihatan Nasional ini, kualiti perkhidmatan kesihatan negara dapat dipertingkatkan. Rakyat akan mendapat perkhidmatan kesihatan primer yang lebih rapat apabila berdaftar dengan doktor keluarga yang menjaga keperluan kesihatan penduduk untuk jangkapanjang. Penekanan diberi kepada keselamatan pesakit, menjamin kecapaian atau akses semua rakyat kepada perkhidmatan kesihatan (*universal coverage*) dan penggunaan sumber atau resos kesihatan di kedua-dua sektor swasta dan awam dengan cara optima dan efisien.

*ICare* juga melibatkan mekanisma pembiayaan perkhidmatan kesihatan yang bersesuaian dan lebih terurus. Justeru, *ICare* akan melindungi rakyat dengan insuran kesihatan sosial yang komprehensif untuk *benefits package* yang jelas dan telus. Pada masa yang sama, kos rawatan tidak akan melambung sehingga di luar kemampuan rakyat dan rakyat tidak akan mengalami kemudaratan kewangan yang besar (*catastrophic health spending*) apabila jatuh sakit. Penekanan juga diberi kepada tanggungjawab individu, keluarga, komuniti dan sektor korporat agar memainkan peranan dalam perkongsian kos perkhidmatan kesihatan, peningkatan dan penjagaan tahap kesihatan sendiri dan populasi. Golongan yang tidak berkemampuan dan kurang berasas baik akan terus dilindungi melalui pembiayaan kerajaan.

**NO. AUM : 69  
NO. AUP :**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :      BERTULIS**

**DARI PADA                  DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID  
[ KUALA KRAU ]**

**TARIKH**

**RUJUKAN :                  3488**

**SOALAN:**

**Dato' Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said [ Kuala Krau ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan punca server bagi memproses pasport antarabangsa di Jabatan Imigresen selalu rosak khususnya di Kuala Terengganu, Johor Bahru, Subang, Kuala Lumpur dan Kuantan serta nyatakan langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi masalah ini.**



**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Kuala Krau yang mengemukakan pertanyaan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terkini Jabatan Imigresen Malaysia sedang dalam proses menaik taraf dan pembangunan semula sistem imigresen yang melibatkan ibu pejabat serta semua cawangan imigresen di seluruh negara. Proses menaik taraf ini masih berterusan dan implikasinya adalah sistem penyampaian di kebanyakan pejabat pengeluar pasport sering terjejas berikutan daripada gangguan kepada sistem pengkomputeran jabatan dan sistem pencetakan pasport. Keadaan ini telah menyebabkan berlaku kesesakan di pejabat-pejabat utama seperti di Pejabat Imigresen Pusat Bandar Damansara, Subang Jaya dan di Johor Bahru kerana pasport tidak dapat dikeluarkan dalam tempoh 1 jam seperti mana yang dijanjikan kepada pelanggan.

Sebagai langkah proaktif terhadap permasalahan tersebut, pihak Jabatan sedang melaksanakan beberapa inisiatif seperti berikut:

- (i) 16 buah pejabat pengeluar pasport dibuka pada hari Sabtu dan Ahad yang beroperasi dari jam 8 pagi sehingga 1 petang;
- (ii) sentiasa menambah pejabat pengeluar pasport yang baru di lokasi-lokasi yang strategik;

- (iii) memproses permohonan pasport secara *offline* apabila berlaku gangguan kepada sistem pengkomputeran. Kaedah ini sedikit sebanyak dapat membantu menggerakkan aktiviti pemprosesan pasport walaupun proses pengesahan penyerahan pasport kepada pemohon tidak boleh dilakukan (secara *online* dengan Jabatan Pendaftaran Negara melalui verifikasi biometrik). Walau bagaimanapun, pemohon akan dihubungi untuk mengambil pasport apabila sistem kembali pulih; dan
- (iv) menambah bilangan kiosk permohonan pasport mengikut kesesuaian terutama sekali di pejabat yang dikenal pasti menerima banyak permohonan setiap hari seperti di Pusat Bandar Damansara dan Johor Bahru.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN**

**DARIPADA**                   **BERTULIS**                   **DATO\* HAJI ISMAIL**  
**BIN HAJI**

**KAWASAN**                   **MOHAMED SAID**  
**KUALA KRAU**

**NO. SOALAN**                   **70**

**Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sejauh manakah pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) memberi tumpuan kepada inovasi, kreativiti dan perkhidmatan yang memerlukan kepakaran kerja yang lebih tinggi.

**Jawapan**

Tuan Yang Dipertua,

Pelbagai dasar, strategi dan inisiatif yang diperkenalkan oleh Kerajaan dalam menyokong pembangunan PKS yang menveluruh dan berdava saing di Malaysia adalah disokong oleh pelbagai dasar dan inisiatif yang diperkenalkan oleh Kerajaan.

Pembangunan PKS berasaskan pengetahuan (K-SME) turut disokong melalui penyediaan akses kepada pembelaan, meningkatkan keupayaan penelidikan dan inovasi serta latihan kemahiran yang berterusan. Perkara ini sememangnya amat dititikberatkan memandangkan pembangunan K-SME memainkan peranan penting sebagai pemangkin pada pembentukan inovasi di kalangan syarikat di Malaysia.

Di bawah Rancangan Malaysia KeSepuluh (RMK-10), beberapa strategi telah dikenalpasti bagi membangunkan PKS sebagai jentera pertumbuhan berteraskan inovasi. Antara inisiatif yang diperkenalkan oleh Kerajaan bagi sepanjang tempoh RMK-10 adalah:

- i. Mengurangkan kos kawal selia yang ditanggung PKS;
- ii. Membina keupayaan dan kebolehan PKS;
- iii. Menyokong budaya keusahawanan;
- iv. Mengukuh sistem sokongan PKS; dan
- v. Meningkatkan akses kepada pembelaan.

Buat masa ini, antara aktiviti yang telah dilaksanakan bagi menggalakkan inovasi, kreativiti serta perkhidmatan kepakaran di kalangan PKS ialah:

- i. 1-Innovation Certification For Enterprise Rating & Transformation (1-InnoCERT) Programme

- Program ini membantu PKS mengenalpasti dan mengiktiraf PKS yang berinovasi, serta menggalakkan usahawan-usahawan untuk menceburi bidang berteknologi tinggi dan industri berdasarkan inovasi. Sehingga kini, sebanyak 66 buah syarikat telah diiktiraf sebagai syarikat yang bertaraf 1-InnoCERT.

#### **ii. SME Innovation Award**

- Anugerah ini yang diperkenalkan pada 2010 bertujuan mengiktiraf syarikat PKS yang paling berinovasi di kalangan syarikat-syarikat yang telah berjaya memperolehi pensijilan 1-InnoCERT ini. Pemenang setiap kategori memenangi RM 200.000, manakala pemenang utama telah memenangi RM1 iuta.

#### **iii. Program Technology Roadmap**

- Kajiselidik Technology Roadmap yang telah dilaksanakan oleh pelbagai Agensi Kerajaan yang diperkuuhkan lagi dengan mengenalpasti jurang bagi maklumat teknologi. Ketika ini, lima (5) Technology Roadmap telah dikenalpasti dan didedahkan kepada PKS menerusi seminar. Technology Roadmap tersebut adalah :

- i. Technology Map untuk sektor Electrical & Elektronik;

- ii. *Technology Map* untuk sektor Bioteknologi;
- iii. *Technology Map* untuk sektor ICT;
- iv. *Technology Map* untuk sektor Getah & Produk Berasaskan Getah; dan
- v. *Technology Map* untuk sektor Plastik

iv. **Promosi Produk & Perkhidmatan PKS di Hypermarket**

- MITI juga melalui SME Corp. Malaysia telah menganjurkan Karnival Hebat SME yang dengan kerjasama AEON Co. (M) Bhd bagi memberi peluang kepada PKS untuk mempelajari kaedah mempromosi produk di hypermaket. Selain itu juga, aktiviti ini bertujuan untuk mempromosikan produk-

produk PKS yang berpotensi untuk di pasarkan di rangkaian hypermarket. Sejumlah 16 PKS dari sektor Makanan & Minuman, Farmasutikal dan sektor Tekstil telah menyertai aktiviti ini. Nilai iualan yang dicapai bagi aktiviti ini adalah sebanyak RM 59,855.50.

Kerajaan juga melalui Malaysian Science and Technology Information Centre (MASTIC) telah membangunkan satu pangkalan data yang memuatkan 1,773 hasil penvelidikan yang telah dikenalpasti untuk dikomersilkan. Data ini boleh diperolehi melalui [www.smeCorp.gov.my](http://www.smeCorp.gov.my) di bawah tajuk “TECHMART” dan “Reseacher Profile”. Hasil penyelidikan ini boleh digunakan oleh PKS tempatan untuk memajukan perniagaan.

Kerajaan akan meneruskan usaha membangunkan PKS yang berinovasi sebagai salah satu penekanan utama dalam agenda pembangunan PKS sebagai sumber pertumbuhan ekonomi yang memberansangkan dan menveluruh selari dengan matlamat Model Baru Ekonomi (MBE).



NO. SOALAN : 71

DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT  
PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUA BELAS (2011)

PERTANYAAN :            BUKAN LISAN  
DARI PAD A            Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED  
                          SAID [ KUALA KRAU ]

SOALAN

Dato' Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said [ Kuala Krau ] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah projek utama yang telah dibangunkan oleh Perpaduan Wakaf Nasional Berhad kepada tanah wakaf seluruh negara, apakah halangan utama bagi memajukan tanah-tanah wakaf ini dan jumlah kes pencerobohan tanah wakaf di seluruh negara.

JAWAPAN :            (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL  
                          KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN  
                          PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa Kerajaan tidak pernah menubuhkan entiti bernama Perpaduan Wakaf Nasional Berhad. Pada masa ini, terdapat dua (2) agensi utama di peringkat Persekutuan yang

bertanggungjawab membangunkan hartaanah wakaf di negara ini iaitu Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Jabatan Perdana Menteri serta Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) yang ditubuhkan oleh JAWHAR pada 23 Julai 2008 di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258].

Sekian, terima kasih.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN BUKAN LISAN PERTANYAAN BUKAN  
LISAN  
DARIPADA : TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON  
[ IPOH BARAT ]

SOALAN

Tuan Kulasegaran a/l Murugeson minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan:-

- (a) sejauh manakah ianya benar bahawa pemburuan haiwan adalah masalah yang serius dan kenapakah pemantauan penguatkuasaan undang-undang oleh jabatan amat lemah; dan
- (b) Apakah jenis haiwan liar yang menghadapi kepupusan serta . apakah langkah yang diambil untuk melindungi jenis haiwan itu.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini pemburuan haiwan secara haram di negara ini adalah terkawal. Pemburuan hidupan liar secara haram merupakan isu global yang dihadapi oleh kebanyakan negara terutama yang mempunyai sumber biodiversiti yang tinggi . Oleh kerana terdapat permintaan yang tinggi di pasaran gelap tempatan ataupun peringkat antarabangsa, pemburuan hidupan liar secara haram dijangka akan terus berlaku dari semasa ke semasa.

Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) memandang serius pemburuan hidupan liar secara haram. Jabatan PERHILITAN telah dan akan meneruskan usaha pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan aktiviti pemburuan hidupan liar ini terkawal. Dalam tempoh 5 tahun (2005 - 2010), hasil daripada tindakan proaktif Jabatan menjalankan penguatkuasaan, sebanyak 348 kes pemburuan haram telah berjaya dikesan. Pihak Jabatan telah mengambil tindakan sewajarnya terhadap pesalah-pesalah jenayah hidupan liar in?

SOALAN NO.: 72

Dalam hubungan ini, Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716] diharap dapat membantu mengurangkan aktiviti pemburuan hidupan liar dengan adanya peruntukan hukuman yang lebih tinggi. Hukuman yang berat ini diharapkan akan menjadi suatu bentuk *deterrent* kepada mana-mana orang yang terlibat dalam aktiviti seumpama ini.

Namun begitu, usaha untuk mengatasi isu ini memerlukan komitmen dan kerjasama dari semua pihak sama ada orang awam, Badan Bukan Kerajaan dan juga agensi penguat kuasa seperti Angkatan Tentera Malaysia , Polis Diraja Malaysia dan Kastam Diraja Malaysia.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut *World Conservation Union* (IUCN) *Red List* 2008, terdapat beberapa spesies hidupan liar di Semenanjung Malaysia yang mengalami ancaman kepupusan . Spesies tersebut adalah:

- i. 46 spesies mamalia,
- ii. 26 spesies burung,
- iii. 18 spesies reptilia, dan
- iv. 6 spesies amfibia.

Senarai terperinci hidupan liar yang mengalami ancaman kepupusan adalah seperti Lampiran 1 hingga Lampiran 4.

Walaupun dikategorikan sebagai spesies hidupan liar yang diancam kepupusan, namun dalam tempoh 40 tahun pihak Jabatan PERHILITAN mengawasinya, belum ada berlaku kepupusan apa-apa spesies hidupan liar. Malahan dalam tempoh tersebut, hasil daripada usaha Jabatan beberapa spesies hidupan liar telah dilepaskan semula ke habitat asal bagi menambah populasi liarnya. Usaha ini akan berterusan dengan program pelepasan hidupan liar akan dilakukan ke habitat yang telah dikenal pasti akan dikekalkan.

Bagi melindungi spesies tersebut daripada terus diancam kepupusan , pihak Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan PERHILITAN telah menjalankan pelbagai usaha. Antaranya:

- i. Melaksanakan program pembiakan hidupan liar dalam kurungan di sepuluh Pusat Konservasi Hidupan Liar (PKHL) di seluruh negara. Program ini bertujuan untuk memastikan populasi hidupan liar tersebut berkekalan;
- ii. Mempertingkat usaha penguatkuasaan bagi memastikan hidupan liar terus diperlindungi dan tidak dieksplotasi melalui:
  - a) pemantapan Unit Jenayah Hidupan Liar ( *Wildlife Crime Unit*);

- b) penguatkuasaan undang-undang yang lebih berkesan menggunakan Akta baru yang lebih mantap , Akta Pemuliharaan Hidupan Liar, Akta 716; dan
  - c) pengukuhan jaringan kerjasama antara agensi penguatkuasaan lain seperti Angkatan Tentera Malaysia , Polis Diraja Malaysia , Kastam Diraja Malaysia , Unit Pencegah Penyeludupan dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia.
- iii. Mempertingkat program kesedaran awam di kalangan masyarakat umum agar bersama-sama menjaga biodiversiti negara.

Sekian, terima kasih.

Lampiran 1

Senarai Spesies Mamalia Yang Diancam Kepupusan Di Semenanjung  
Malaysia

Bil.	Nama Tempatan	Nama Saintifik
1.	Badak Kerbau	<i>Dicerorhinus sumatrensis</i>
2	Kambing Gurun	<i>Capricornis sumatraensis</i>
3	Gajah	<i>Elephas maximus</i>
4	Badak Cipan	<i>Tapirus indicus</i>
5	Seladang	<i>Bos gaurus hubbacki</i>
6	Beruang	<i>Helarctos malayanus</i>
7	Harimau Dahan	<i>Neofelis nebulosa</i>
8	Serigala	<i>Cuon alpinus</i>
9	Kucing Ikan	<i>Prionailurus viverrinus</i>
10	Kucing Hutan	<i>Prionailurus planiceps</i>
11	Kucing Dahan	<i>Pardofelis marmorata</i>
12	Binturong	<i>Arctictis binturong</i>
13	Tenggiling	<i>Manis javanica</i>
14	Rusa Sambar	<i>Rusa unicolor</i>
15	Babi Bodoh	<i>Sus barbatus</i>
16	Kongkang	<i>Nycticebus caucang</i>

17	Siamang	<i>Smphalangus syndactylus</i>
18	Berok Kentoi	<i>Macaca arctoides</i>
19	Berok	<i>Macaca nemestrina</i>
20	Ungka Tangan Putih	<i>Hylobates lar</i>
21	Ungka Tangan Hitam	<i>Hylobates agilis</i>
22	Memerang Hidung Berbulu	<i>Lutra sumatrana</i>
23	Memerang Kecil	<i>Amlonyx cinerea</i>
24	Memerang Licin	<i>Lutragale perspicillata</i>
25	Musang Memerang	<i>Cynogale bennettii</i>
26	Musang Belang	<i>Hemigalus derbyanus</i>
27	Musang Titik Besar	<i>Viverra megaspila</i>
28	Tupai Terbang Berjambang	<i>Petinomys genibarbis</i>
29	Tupai Terbang Dada Putih	<i>Petinomys setosus</i>
30	Tupai Terbang Kecil	<i>Petinomys vordermanni</i>
31	Tikus Duri Hitam Pudar	<i>Maxomys rajah</i>
32	Tikus Bangkung	<i>Maxomys whiteheadi</i>
33	Tikus Akar	<i>Niviventer cremoriventer</i>
34	Cencurut Air	<i>Chimarrogale phaeura</i>
35	Tikus Monyet	<i>Hapalomys longicaudatus</i>
36	Tupai Terbang Kotor	<i>Pteromyscus pulverulentus</i>
37	Kelawar Johor	<i>Tadarida johorensis</i>
38	Kelawar Hidung Bulu Merah	<i>Murina rozendaali</i>
39	Kelawar Hidung Bulu Emas	<i>Murina aenea</i>
40	Kelawar Petang Palsu	<i>Hesperoptenus tomesi</i>
41	Kelawar Benom	<i>Pipistrellus sociatatis</i>
42	Cecadu	<i>Megaerops wetmorei</i>
43	Kelawar Ladam Bulat Singapura	<i>Hipposideros ridleyi</i>
44	Kelawar Ladam Bulat Biasa	<i>Hipposideros bicolor</i>
45	Kelawar Ladam Tiada Berekor	<i>Coelops robinsoni</i>



### Lampiran 3

#### Senarai Spesies Reptilia Yang Diancam Kepupusan Di Semenanjung Malaysia

Bil.	Nama Tempatan	Nama Saintifik
1	Botak Leher Hitam	<i>Ciconia stormi</i>
2	Hereng Tongkeng Puteh	<i>Gyps bengalensis</i>
3	Kedidi Kaki Hijau Berbintik	<i>Tringa guttifer</i>
4	Simbang Pulau Christmas	<i>Fregata andrewsi</i>
5	Camar Cina Berjambul	<i>Sterna bernsteini</i>
6	Undan Paruh Titik	<i>Pelecanus philippensis</i>
7	Botak Upah	<i>Mycteria cinerea</i>
8	Botak Kecil	<i>Leptoptilos javanicus</i>
9	Lang Bintik	<i>Aquila clanga</i>
10	Helang Tengkuk Kuning	<i>Aquila heliaca</i>
11	Lang Selat	<i>Spizaetus nanus</i>
12	Siul Bertam	<i>Melanoperdix nigra</i>
13	Merah Mata	<i>Lophura erythrophthalma</i>
14	Kuang Cermin	<i>Polyplectron inopinatum</i>
15	Merak Pongsu	<i>Polyplectron malacense</i>
16	Kuang Raya	<i>Argusianus argus</i>
17	Pedendang	<i>Heliopais personata</i>
18	Kedidi Paruh Sudu	<i>Calidris pygmeus</i>
19	Punai Bakok	<i>Treron capellei</i>
20	But-but Jari Pendek	<i>Centropus rectunguis</i>
21	Hantu Putih	<i>Otus sagittatus</i>
22	Pekaka Bukit	<i>Alcedo euryzona</i>
23	Enggang Belantara	<i>Aceros subruficollis</i>
24	Barau-barau	<i>Pycnonotus zeylanicus</i>
25	Murai Kepala Merah	<i>Luscinia ruficeps</i>
26	Murai Tiong Batu	<i>Myophonus robinsoni</i>

## Lampiran 2

### Senarai Spesies Avifauna Yang Diancam Kepupusan Di Semenanjung Malaysia

Bil.	Nama Tempatan	Nama Saintifik
1	Labi-labi Biasa	<i>Amyda cartilaginea</i>
2	Labi-labi Bintang	<i>Chitra chitra</i>
3	Labi-labi Melayu	<i>Dogania subplana</i>
4	Labi-labi Raksasa	<i>Pelochelys cantorii</i>
5	Labi-labi China	<i>Pelodiscus sinensis</i>
6	Tuntung Sungai	<i>Batagur baska</i>
7	Tuntung Semangka	<i>Callagur borneensis</i>
8	Kura-kura Katup	<i>Cuora amboinensis</i>
9	Kura-kura Besar	<i>Heosemys grandis</i>
10	Kura-kura Berduri	<i>Heosemys spinosa</i>
11	Kura-kura Tokong	<i>Heosemys annandalii</i>
12	Kura-kura Pemakan Siput	<i>Malayemys subtrijuga</i>
13	Kura-kura Punggung Datar	<i>Notochelys platynota</i>
14	Baning Dayak	<i>Orlitia borneensis</i>
15	Kura-kura Pipi Putih	<i>Siebenrockiella crassicollis</i>
16	Baning Mas	<i>Indotestudo elongata</i>
17	Baning Bukit	<i>Manouria impressa</i>
18	Baning Perang	<i>Manouria emys emys</i>

Bil.	Nama Tempatan	Nama Saintifik
1	<i>Penang Stream Toad</i>	<i>Ansonia penangensis</i>
2	<i>Pulau Tioman Slender Toad</i>	<i>Ansonia tiomanica</i>
3	<i>Bufo kumquat</i>	<i>Ingerophrynus kumquat</i>
4	<i>Tanahrata Wartfrog</i>	<i>Limnonectes nitidus</i>
5	<i>Kajang Slender Utter Frog</i>	<i>Leptolalax kajangensis</i>
6	<i>Lowland Grainy Frog</i>	<i>Kalophryalus palmatissimus</i>

RT 71

No. 73

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN PEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON  
[ IPOH BARAT ]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON [ IPOH BARAT ] minta Menteri Pelajaran menyatakan :-

- (a) Jumlah novel-novel yang diterima oleh panel yang dilantik oleh Kementerian Pelajaran dalam masa 2 tahun ini sebelum ianya diiktiraf bagi penggunaan di Tingkatan 5; dan
- (b) Senaraikan nama ahli-ahli panel yang terdapat dalam panel penilaian tersebut.

JAWAPAN

- (a) dan (b)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menerima sebanyak 667 buah novel yang dicadangkan sebagai teks Komponen Sastera dalam Pendidikan Bahasa Melayu (Komsas) bagi kegunaan Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5. Namun begitu, ke semua novel tersebut perlu melalui proses pemilihan dan penyaringan yang ketat sebelum dipilih sebagai teks Komponen Sastera dalam Matapelajaran Bahasa Malaysia. Novel- novel tersebut akan dinilai oleh enam (6) jawatankuasa di peringkat Kementerian, yang ahli-ahlinya terdiri daripada pakar-pakar dalam pelbagai disiplin ilmu. Ini adalah untuk memastikan Interlok memenuhi kriteria yang ditetapkan iaitu karya asal yang ditulis dalam bahasa Melayu, menepati Kurikulum Bahasa Malaysia, mendukung nilai-nilai murni, menimbulkan kesan nasionalisme yang kuat dan mewujudkan suasana harmoni dalam masyarakat. Selain itu, keutamaan adalah kepada hasil karya Sasterawan Negara, pemenang anugerah S.E.A. Write Award dan pemenang hadiah Sayembara Sastera.

RT 8/

No.74

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON  
[ IPOH BARAT ]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON [ IPOH BARAT ] minta Menteri Pelajaran menyatakan :-

- (a) jumlah wang yang dibelanjakan mengikut kadar bulanan / tahunan pada setiap pelajar mengikut komposisi sekolah Kebangsaan, Cina dan Tamil; dan
- (b) nyatakan jumlah kepadatan pelajar disekolah masing-masing.

JAWAPAN

Untuk maklumah Ahli Yang Berhormat,

- a) Kadar peruntukan belanja mengurus bagi setiap murid di sekolah Kerajaan mahupun sekolah bantuan kerajaan adalah sama.

b) Jumlah kepadatan murid negikut negeri adalah seperti berikut:

NEGERI	BIL SEKOLAH	JUM MURID OPTIMUM	JUMLAH ENROLMEN	PERBEZAAN
JOHOR	1130	672000	657293	14707
KEDAH	712	458745	414793	43952
KELANTAN	577	468545	377291	91254
MELAKA	307	195510	165744	29766
N. SEMBILAN	461	271180	211217	59963
P. PINANG	395	292075	276711	15364
PAHANG	722	451605	297004	154601

NEGERI	BIL SEKOLAH	JUM MURID OPTIMUM	JUMLAH ENROLMEN	PERBEZAAN
PERAK	1088	564795	482165	82630
PERLIS	101	73850	51885	21965
SABAH	1277	533645	496795	36850
SARAWAK	1445	593565	502046	91519
SELANGOR	903	756840	930396	-173556
TERENGGANU	484	372190	261327	110863
W. PERSEKUTUAN	341	302260	283198	19062
JUMLAH	9943	6006805	5407865	598940

\* Pengiraan optimum murid berdasarkan 1 Bilik darjah = 35 org murid

SOALAN NO : 75

#### PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAPAN BUKAN LISAN  
 DARIPADA Y.B. TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON  
 [IPOH BARAT]

SOALAN:

Y.B. Tuan Kulasegaran a/l Murugeson [Ipoh Barat] minta PERDANA  
 MENTERI

- a) Jumlah catuan pendapatan isi rumah yang digunakan untuk perbelanjaan makanan di Malaysia; dan
- b) Adakah Kerajaan sedar bahawa kadar inflasi menyebabkan kesulitan kewangan pada golongan berpendapatan rendah.

#### CADANGAN JAWAPAN

- (a) Pada tahun 2010, perbelanjaan purata isi rumah di Malaysia ialah

sebanyak RM2.190 sebulan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM677 atau 30.9% dibelanjakan untuk keperluan makanan dan minuman bukan alkohol. Daripada RM677 pula, sebanyak 14.5% untuk ikan dan makanan laut, diikuti oleh daging 9.5%, roti dan bijirin lain 7.9%, beras 7.0%, sayuran 7.0% dan susu, keju dan telur 5.6%. Walau bagaimanapun, isi rumah di Malaysia membelanjakan RM233 sebulan atau 34.5% untuk makanan di luar rumah.

- (b) Kerajaan sentiasa mengambil langkah proaktif untuk meminimumkan tekanan inflasi kepada rakyat dengan melaksanakan pelbagai program yang memberi faedah kepada rakyat khususnya golongan berpendapatan rendah. Antara langkah yang dilaksanakan termasuklah:
- i. Mengekal harga runcit petrol terutamanya RON95 agar tidak memberi implikasi besar kepada kadar inflasi walaupun terpaksa menambah RM4 bilion kepada peruntukan RM10 bilion yang disediakan dalam Bajet 2011;
  - ii. Meningkatkan penguatkuasaan pemantauan harga barang keperluan asas yang digunakan oleh isi rumah seperti tepung gandum, gula, minyak masak, petrol, diesel, gas, roti dan ayam supaya harga stabil dan berpatutan;
  - iii. Menjalankan pemeriksaan secara fizikal di premis perniagaan bagi menentukan tiada pengeluar atau peniaga yang

mengambil kesempatan mengaut keuntungan berlebihan serta kegiatan menyorok barang. Ini termasuklah perbincangan dengan para pengeluar, pemborong dan peruncit bagi mendapatkan komitmen mereka untuk tidak menaikkan harga;

- iv. Tidak menaikkan kadar tol bagi tempoh 5 tahun di empat lebuhraya milik Plus Expressway Berhad;
- v. Pemberian subsidi elektrik kepada rakyat miskin bagi menampung bil bulanan yang tidak melebihi RM20 sebulan. Sejak tahun 1997, Kerajaan juga tidak menaikkan tarif elektrik bagi pengguna domestik di bawah 200/kWh sebulan dan kenaikan minimal jika penggunaan melebihi 200/kWh sebulan, dan
- vi. Program penjelasan kepada rakyat mengenai perbelanjaan berhemat.

NO AUM : 76

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	BUKAN JAWAB LISAN
DARIPADA	TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON (IPOH BARAT)
TARIKH	
RUJUKAN	3489

SOALAN :

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson ( Ipoh Barat ) minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan

- (a) Kenapakah kematian dalam pusat tahanan khususnya di lokap menjadi satu siri rangkaian di Malaysia; dan
- (b) Sila kemukakan statistik 10 tahun kematian di lokap serta jalan penyelesaian yang diimplimetasikan bagi mengelakkan ianya berulang.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Ipoh Barat yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dakwaan Ahli Yang Berhormat bagi menjawab soalan (a), kematian dalam lokap bukannya satu siri rangkaian di Malaysia seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat. Ingin saya maklumkan di sini bahawa sebahagian besar daripada kematian orang tahanan adalah berpunca daripada masalah kesihatan dan pergaduhan sesama banduan.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi menjawab soalan (b), Kementerian sentiasa komited dalam membendung situasi ini dari berleluasa. Antara perkara yang telah dilakukan adalah seperti

- (i) Menyiasat semua kejadian tersebut bagi proses inkues di bawah undang-undang yang diperuntukkan seperti Kanun Tatacara Jenayah;
- (ii) Kebanyakkan lokap-lokap polis terutamanya di daerah-daerah besar telah dipasang dengan CCTV bagi membantu pengawal seliaan tahanan; dan

(iii) Komplikasi kesihatan semasa berada dalam lokap polis diberi perhati khusus dan dirujuk ke hospital untuk mendapatkan rawatan.

Tuan Yang Dipertua,

Statistik kes kematian di dalam lokap bagi tempoh 2000 hingga Februari 2011 adalah seperti berikut



**STATISTIK TAHANAN MATIDALAM LOKAP DAN JAGAAN POLIS YANG TELAH DI  
NFA/KUS DAN INKUES SEDANG DIJALANKAN PAD A TAHUN 2000-2011  
(FEBRUARI)**

BICARA		INKUES		TIADA TIN DAK AN LANJUT	SELESAI INKUES	DI TANGAN MAJISTRE T	DALAM SIASATAN
A/D	HUKUM	BUKA	TUDUH				
0	0	<b>0</b>	<b>0</b>				<b>0</b>
		<u>0</u>	<u>0</u>	<b>11</b>		<b>0</b>	<b>2</b>
		<u>0</u>	<u>0</u>	<b>12</b>	<u>0</u>		<b>0</b>
-0	0	<u>0</u>	<u>0</u>	<b>16</b>	<u>0</u>		<b>0</b>
		<u>0</u>	<u>0</u>	<b>13</b>	<u>0</u>	<b>7</b>	<b>0</b>
		<u>0</u>	<u>0</u>		<u>0</u>		<b>1</b>
		<u>0</u>	<u>0</u>		<u>0</u>		<b>0</b>
-0	0	<u>0</u>	<u>0</u>		<u>0</u>		
		<u>0</u>	<u>0</u>		<u>0</u>		
-0	0	<u>0</u>	<u>0</u>		<u>0</u>		
		<u>0</u>	<u>0</u>		<u>0</u>		
-0	<b>0</b>	<u>0</u>	<u>0</u>		<u>0</u>		
	0	<u>0</u>	<u>0</u>	<b>0</b>	<u>0</u>		
0	0	<u>0</u>	<u>0</u>	<b>0</b>	<u>0</u>	<b>0</b>	<b>0</b>
0	<b>0</b>	<u>0</u>	<u>0</u>	<b>0</b>	<u>0</u>	<u>0</u>	
		<u>0</u>	<u>0</u>	<b>85</b>	<u>0</u>	<b>32</b>	<b>29</b>
		<u>0</u>	<u>0</u>		<u>0</u>		

**SOALAN NO**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN PEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :      BERTULIS**

**DARIPADA            Y.B. DATUK RAIME BIN UNGGI**

**KAWASAN            TENOM**

**SOALAN:**

**Y.B. DATUK RAIME BIN UNGGI (TENOM) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan tindakan atau perancangan Kementerian dalam pembangunan dan infrastruktur seperti jalan raya dan jambatan untuk Kawasan Tenom pada tahun 2010 hingga kini.**

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sememangnya mengambil maklum tentang keperluan untuk menaik taraf rangkaian Jalan Persekutuan sedia ada, termasuk pembinaan cerun-cerun di kawasan Parlimen Tenom, Sabah. Dalam RMKe-10 ini, Kerajaan telah meluluskan projek pembinaan cerun-cerun di sepanjang Jalan Persekutuan 500, iaitu dari Penampang-Tambunan-Keningau-Tenor (fasa 3), melibatkan anggaran kos sebanyak RM17 juta. Pada masa kini projek berkenaan sedang dalam peringkat reka bentuk dan dijangka akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mulai tahun 2012.

Dalam masa yang sama juga, kementerian ini turut merancang untuk menaik taraf Jalan Persekutuan sedia ada di Tenom, khususnya berhampiran kawasan bandar. Ia merupakan kesinambungan dari pelaksanaan projek-projek naik taraf Jalan Negeri yang sedang dan telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Sabah, antaranya seperti Projek Menaik Taraf Jalan Kemabong - Kg. Rundum (fasa 1), Jalan Kemabong - Kg. Gumisi, Jalan Pintas Pejabat Daerah dan Jalan Akses ke Hotel Perkasa, Tenom. Sehubungan itu, cadangan projek menaik taraf Jalan Persekutuan berhampiran bandar Tenom ini dijangka akan dilaksanakan dalam Tempoh Separuh Kedua, RMKe-10, tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan Unit Perancang Ekonomi,

Jabatan Perdana Menteri.

Sekian. Terima kasih.

RT 9/  
No.78

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. DATUK RAIME BIN UNGGI

[TENOM]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. DATUK RAIME BIN UNGGI [ TENOM ] minta Menteri Pelajaran menyatakan tindakan atau perancangan pihak Kementerian dalam menangani masalah sekolah- sekolah yang sering dilanda bencana banjir khususnya di Kawasan Parlimen Tenom.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) melalui Jabatan Pelajaran Negeri Sabah telah mengambil beberapa langkah dalam menangani masalah sekolah-sekolah yang sering dilanda banjir khususnya di kawasan Parlimen Tenom. Antara pendekatan yang diambil adalah seperti berikut:

- i. Naik taraf sistem perparitan di kawasan sekolah;
- ii. Bina tembok penghadang banjir dengan sistem pam air;
- iii. Bina bangunan bertiang; dan
- iv. Pindah sekolah ke tapak baru.

KPM mendapati faktor utama banjir adalah disebabkan oleh lokasi kawasan berkenaan yang berada di paras yang rendah. Justeru, cadangan tapak sekolah baru akan dicari sebagai menggantikan sekolah yang terlibat dengan banjir dan dicadangkan untuk dimasukkan di dalam *2<sup>nd</sup> Rolling Plan RMKe-10*.

SIDANG DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA,  
PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KEDUA BELAS  
(2011)

PERTANYAAN  
DARIPADA BERTULIS DATUK RAIME BIN  
UNGGI [ TENOM ]  
TARIKH  
SOALAN 79

minta MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI menyatakan mengapa Kerajaan masih gagal memasang sistem amaran banjir sedangkan negara ini kebiasaannya menghadapi banjir pada hujung tahun dan awal tahun.

## JAWAPAN :

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam pengurusan bencana banjir, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) mengoperasikan Sistem Ramalan dan Amaran Awal Cuaca Buruk selama 24 jam sehari secara berterusan sepanjang tahun, bagi memantau keadaan cuaca agar amaran awal cuaca buruk termasuk yang boleh mendarangkan banjir dapat dikeluarkan bertepatan dengan masa dan keadaan. Manakala maklumat dan amaran banjir dikeluarkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE). Sistem amaran awal cuaca di JMM dibangunkan dengan menggunakan teknologi daripada

negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Australia, Jerman dan United Kingdom dan juga mengandungi hasil penyelidikan dari JMM sendiri.

Untuk memantapkan lagi sistem amaran awal banjir, JPS kini sedang membangunkan satu sistem ramalan banjir, berdasarkan model atmosfera dan Radar-Satelit yang berkeupayaan meramalkan kawasan yang akan dibanjiri akibat daripada limpahan sungai tiga hari lebih awal. Sistem ini sedang dibangunkan untuk lembangan-lembangan sungai yang selalu mengalami banjir monsun yang teruk iaitu Sg. Pahang, Sg. Kelantan dan Sg.Johor dan dijangka beroperasi pada pertengahan tahun 2011. Di samping itu, JPS juga sedang membangunkan Sistem Bersepadu Ramalan Banjir dan Pengawasan Sungai untuk Lembangan Sg. Klang (Lembah Klang) dan Sg.Muda (Kedah/Pulau Pinang) yang juga dijangka akan beroperasi pada pertengahan tahun 2011. Di bawah RMKe-10 dalam *First Rolling Plan* (2011-2012), JPS akan membangunkan tiga lagi model ramalan banjir menggunakan model atmosfera dan Radar-Satelit untuk lembangan-lembangan Sungai Sarawak di Sarawak, Sungai Padas di Sabah dan Sungai Muar di Johor.

Untuk negeri Sabah dan Sarawak, sistem amaran awal banjir perlu diperkuuhkan lagi dengan penambahan rangkaian stesen pemantauan hujan dan paras sungai serta model-model ramalan banjir untuk lembangan-lembangan sungai di negeri-negeri tersebut. Pada masa ini, JPS Sarawak mempunyai dua sistem amaran siren di Sarawak iaitu di Kuching (Siniawan dan Tebakang) serta 142 stesen telemetri hidrologi di seluruh Sarawak. Manakala di Sabah, JPS Sabah mempunyai 95 sistem amaran siren yang terletak di kawasan-kawasan pekan, 12 stesen telemetri hidrologi yang terletak di Sg. Padas dan Kinabatangan serta 83 stesen hujan di seluruh negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keadaan cuaca di seluruh dunia turut dipengaruhi oleh fenomena perubahan iklim dan pemanasan global yang berlaku pada masa ini. Fenomena ini telah menyebabkan berlakunya cuaca ekstrem yang tidak dapat dielakkan oleh kebanyakan negara misalnya banjir besar di Australia dan Sri Lanka, musim sejuk yang melampau di Eropah dan Amerika Syarikat pada 2010 serta banjir semasa musim tengkujuh di negara kita. Walaupun perubahan iklim telah menyebabkan ramalan cuaca menjadi lebih kompleks, JMM dan JPS sedang berusaha untuk meningkatkan lagi sistem amaran awal di jabatan masing-masing. MOSTI dan agensinya iaitu JMM dan Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM) bersama Majlis Keselamatan Negara (MKN), JPS dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) telah bersetuju melaksanakan dua strategi baru bagi mempertingkatkan lagi keupayaan sistem amaran awal hujan lebat yang boleh menyebabkan banjir seperti berikut:

- I. Mewujudkan Kumpulan Kerja Teknikal bagi mempertingkatkan dan menintegrasikan lagi keupayaan sistem amaran awal hujan lebat dan banjir yang sedia ada di JMM dan JPS; dan
- II. Mewujudkan Kumpulan Kerja Hebahan/Pendidikan bagi meningkatkan lagi keberkesanan penyebaran maklumat dan kegunaan amaran awal hujan lebat dan banjir kepada agensi-agensi kerajaan pusat, badan-badan bukan kerajaan, media massa, cetak



dan elektronik, dan komuniti. Ini termasuk menggunakan media sosial internet seperti *facebook*.

JMM dengan kerjasama MKN dan agensi-agensi pengurusan bencana yang lain akan terus menggiatkan lagi kempen kesedaran awam berkaitan cuaca ekstrem yang boleh mendatangkan banjir terutamanya di daerah- daerah yang berisiko tinggi.

NOSOALAN: 80

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK RAIME BIN UNGGI [ TENOM ]

SOALAN :

DATUK RAIME BIN UNGGI [ TENOM ] minta PERDANA MENTERI menyatakan tahap penilaian terhadap rasuah selepas Kerajaan melaksanakan langkah memuatkan pesalah rasuah menerusi pangkalan data di laman web Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sejak dilancarkan pada Februari 2010 lalu.

NOSOALAN: 80

JAWAPAN: YB PATO' SERI MOHAMED NAZR1 BIN ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Mewujudkan Pangkalan Data Pesalah Rasuah merupakan salah satu daripada inisiatif NKRA Memerangi Rasuah di bawah Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) kerana Kerajaan memandang kesalahan rasuah sebagai suatu kesalahan yang berat dan ini menjelaskan bahawa Kerajaan adalah komited dalam mentransformasikan pentadbiran Kerajaan. Pendedahan terhadap kewujudan pangkalan data ini masih di peringkat permulaan tetapi maklum balas mendapati inisiatif ini diterima baik oleh sektor swasta dan orang awam.

Berdasarkan penilaian yang telah dilakukan oleh Transparency International iaitu Barometer Rasuah Global (Global Corruption Barometer) pada tahun 2009 menunjukkan hanya 28% responden merasakan tindakan Kerajaan memerangi rasuah adalah efektif. Penilaian Barometer Rasuah Global (Global Corruption Barometer) yang dilakukan pada tahun 2010 iaitu setelah pelaksanaan Pangkalan Data Pesalah Rasuah mendapati telah berlaku peningkatan hampir sekali ganda kepada 48% responden yang

NOSOALAN: 80

mengatakan bahawa usaha kerajaan dalam memerangi rasuah adalah efektif. Pada masa yang sama, peratusan responden yang merasakan tahap rasuah di Malaysia semakin berkurang meningkat daripada 14%

kepada 19% iaitu melepas purata global. Peratusan responden yang memberi/membayar rasuah semenjak 12 bulan yang lepas juga hanya sebanyak 9% iaitu sama dengan Singapura dan Jepun. Peratusan ini jauh lebih rendah daripada purata global iaitu 25%.

Sehingga sekarang, terdapat 330 rekod pesalah di dalam Pangkalan data tersebut. Dengan adanya Pangkalan Data Pesalah rasuah ini, akan timbul perasaan takut di kalangan orang awam lebih-lebih lagi penjawat awam untuk terlibat dengan perbuatan rasuah kerana sekiranya disabitkan dengan kesalahan, maklumat diri serta gambar mereka akan dipaparkan di laman web Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia yang dapat diakses oleh semua orang selama tempoh tiga (3) tahun. Ini akan menyebabkan mana-mana orang akan berfikir banyak kali untuk terlibat dengan gejala rasuah kerana sekiranya disabitkan, bukan mereka sahaja yang akan mendapat malu, malahan keluarga mereka juga akan mendapat tempias. Sekian, terima kasih

M\$|8/

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB L1SAN

DEWAN RAKYAT BUKAN JAWAB LISAN

PERTANYAAN

DATUK RAIME BIN UNGGI [ TENOM ]

DARIPADA NO.

[81] PR-000-T42269

SOALAN

Datuk Raime Bin Unggi [Tenom] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan apakah Kerajaan akan mewajibkan setiap rakyat Malaysia yang belajar dan bekerja di luar negara mengikut tempoh tertentu berdaftar di Kedutaan Besar dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia.

SOALAN



JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih Yang Berhormat Datuk Raime Bin Unggi di atas soalan yang dikemukakan.

2. Setiap rakyat Malaysia yang menetap atau berhasrat untuk menetap di luar negara telah diperingatkan melalui notis yang terkandung di bahagian belakang Pasport Antarabangsa Malaysia untuk mendaftarkan nama dan alamatnya semasa berada di luar negara di Pejabat Perwakilan Malaysia berhampiran. Pada masa ini, Kerajaan tidak mewajibkan rakyat Malaysia yang menetap di luar negara untuk berdaftar di Pejabat Perwakilan Malaysia. Ini adalah kerana langkah mewajibkan pendaftaran tersebut akan mengundang masalah dari segi penguatkuasaan.
3. Namun begitu, peringatan yang ditetapkan bagi pendaftaran rakyat Malaysia di luar negara memerlukan kerjasama setiap warganegara Malaysia yang menetap atau berhasrat untuk menetap di luar negara untuk mendaftar di Pejabat Perwakilan Malaysia bagi memudahkan Pejabat Perwakilan Malaysia bersiap siaga sekiranya berlaku sebarang kemungkinan. Dalam memudahkan urusan pendaftaran rakyat Malaysia yang menetap di luar negara, urusan pendaftaran kini boleh dilakukan secara atas talian (online) melalui laman sesawang Kementerian Luar Negeri iaitu [www.kln.gov.mv](http://www.kln.gov.mv).

Sekian, terima kasih.



NO. AUM : 82

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN :            BUKAN JAWAB LISAN  
DARIPADA                TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB  
                            [ KUBANG KERIAN ]

TARIKH

RUJUKAN                3490

**SOALAN:**

Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [ Kubang Kerian ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapakah jumlah lesen senjata api yang dimiliki oleh orang awam di negara ini. Nyatakan mengikut kaum dan apakah dasar Kementerian terhadap permohonan memiliki senjata api pada masa akan datang.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kubang Kerian yang telah mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, senjata api merupakan peralatan yang dikawal memandangkan

kegunaannya yang boleh mengancam keselamatan nyawa seseorang sekiranya tidak dilatih secukupnya.

Tuan Yang Dipertua,

Sehingga bulan Februari 2011, Kementerian telah mengeluarkan sebanyak 59,434 lesen iaitu jenis Shotgun sebanyak 48,823, Rifle sebanyak 2,343, Revolver 1,461, Pistol 3,125, dan lain-lain senjata seperti pistol pelepas, senapang pelali, *stungun*, *speargun*, penembak paku dan sebagainya adalah sebanyak 3,682.

Tuan Yang Dipertua,

Dari jumlah senjata yang saya nyatakan itu, sebanyak 37,732 dimiliki oleh keturunan Melayu, 16,421 berketurunan Cina, 980 orang berketurunan India dan 4,301 oleh lain-lain keturunan.

Setiap permohonan, samada untuk membeli baru atau memindah milik, akan diberi pertimbangan berdasarkan *kebolehan, kemampuan dan keupayaan dari aspek fizikal, mental,*

*kedudukan kewangan serta ekonomi individu yang memohon  
senjata api tersebut but*

**NO. SOALAN: 83**

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEDUA BELAS (2011)**

---

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA Y.B. TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB  
[ KUBANG KERIAN ]

**SOALAN :**

Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [ Kubang Kerian ] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah dasar kementerian terhadap sekolah- sekolah agama rakyat di negara ini. Berapakah jumlah bantuan yang diberikan oleh pihak Kerajaan dan nyatakan bentuk-bentuk bantuan tersebut.

**JAWAPAN:** (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI  
JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI  
JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Sesungguhnya Kerajaan amat perihatin terhadap kemajuan Sekolah- sekolah Agama Rakyat, walaupun ia di bawah bidang kuasa pihak berkuasa agama negeri. Kerajaan, melalui Lembaga Penyelarasan Pendidikan Islam (LEPAI) yang diurussetiakan oleh JAKIM berpera nan menyelaras dari beberapa aspek, khususnya kurikulum dan pengiktirafan.

Pada masa ini, dasar kerajaan khususnya melalui JAKIM dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) terhadap Sekolah- sekolah Agama Rakyat (SAR) ialah mendaftarkan SAR sebaqai Sekolah Aqama Bantuan Keraiaan (SABK). Selain memantau perjalanan SAR melalui bantuan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri, JAKIM juga memantau kelas KAFA di SAR yang melaksanakannya.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, dalam pembentangan bajet 2011 pada 15 Oktober 2010 lalu telah diumumkan peruntukan sebanyak RM95 juta untuk membantu Sekolah Agama Rakyat (SAR) melalui Kementerian Pelajaran Malaysia. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM93 juta telah pun disampaikan kepada Bahagian Pendidikan Islam, KPM melalui waran untuk diagih-agihkan mengikut kategori-kategori yang ditetapkan.

Bantuan ini diberi berdasarkan kepada isu-isu dan permasalahan atau keperluan pendidikan di SAR meliputi aspek kelengkapan prasarana, pengurusan sekolah, gaji guru serta kemudahan-kemudahan pendidikan yang lain seperti bahan bacaan dan rujukan, teknologi pendidikan, bahan bantu mengajar dan sebagainya. Justru, bagi memudahkan pengurusan pengagihan bantuan tersebut, bantuan diberi mengikut kategori berikut:

- a) Bantuan Perkapita
  - (Bantuan Emolumen Tambahan Gaji Guru 70% dan Bantuan Pengurusan 30%).
- b) Bantuan Pembinaan danPembelaian Kecil
- c) Bantuan Kursus, dan
- d) Bantuan Perpustakaan.

Oleh yang demikian, menerusi dasar dan bantuan yang disediakan, Kerajaan berharap keadaan , mutu pengajaran dan pembelajaran di SAR dapat diperbaiki dan ditingkatkan.

Sekian, terima kasih.

NO.AUM : 84

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN :            BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA                TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB  
                              [ KUBANG KERIAN ]

TARIKH

RUJUKAN                3554

SOALAN:

Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [ Kubang Kerian ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah sikap Kerajaan terhadap isu pengambilan pembantu rumah, pekerja binaan dan perladangan warga Indonesia yang masih tidak selesai. Setakat ini apakah perkembangan perundingan antara Kerajaan Malaysia dan Indonesia.

JAWAPAN:

*Tuan Yang Di-Pertua,*

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Kubang Kerian di atas pertanyaan yang dikemukakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Malaysia dan Indonesia masih dalam proses rundingan memuktamadkan Perjanjian Persefahaman (Moll) Di Antara Kerajaan Malaysia Dan Republik Indonesia Mengenai Pengambilan Dan Penempatan Pembantu Rumah Asing (PRA) Indonesia.

Buat masa ini, kedua-dua negara telah bersetuju dengan pemberian satu hari cuti dalam masa seminggu, gaji berdasarkan kehendak pasaran dan kebenaran terhadap Pembantu Rumah Asing (PRA) Indonesia untuk memegang sendiri pasport mereka.

Dalam masa yang sama, Kementerian Dalam Negeri telah mewujudkan Jawatankuasa Bersama Malaysia - Indonesia Mengenai Tenaga Kerja Indonesia (TKI) sebagai mekanisme bagi melindungi pekerja asing dari Indonesia termasuk PRA tersebut. Jawatankuasa ini turut dianggotai oleh wakil daripada Kedutaan Besar Republik Indonesia di Kuala Lumpur khusus bagi menangani dan membincangkan masalah yang berkaitan dengan PRA Indonesia. Setakat ini, sebanyak enam (6) mesyuarat telah diadakan dan

sebanyak 176 kes yang melibatkan PRA Indonesia berjaya diselesaikan. Jawatankuasa Kerja Bersama ini akan meneruskan mesyuarat secara berkala bagi menangani isu-isu berkenaan.

Dalam hal ini, Kerajaan sentiasa mengambil kira kepentingan rakyat dan negara dalam memeterai sebarang memorandum persefahaman dengan mana-mana negara termasuklah Republik Indonesia berkaitan dengan pengambilan pekerja asing untuk berkhidmat di dalam sektor perkhidmatan, pembinaan mahupun perladangan. Apa jua keputusan yang dibuat haruslah berbentuk “menang-menang” dan tidak akan merugikan rakyat dan negara di kemudian hari.



PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT. MALAYSIA

PERTANYAAN DARIPADA KAWASAN	BERTULIS	TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB KUBANG KERIAN
NO. SOALAN	85	

TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan berapa jumlah Pelaburan Langsung Asing (FDI) bagi tahun 2010. Apakah langkah-langkah yang diambil bagi memastikan negara akan terus mampu bersaing dengan negara-negara jiran seperti Indonesia dan Vietnam.

Tuan Yang DiPertua,

Pada tahun 2010, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) telah meluluskan pelaburan di dalam sektor perkilangan berjumlah RM47.2 bilion yang melibatkan sebanyak 910 projek, berbanding 766 projek dengan pelaburan bernilai RM32.6 billion

pada tahun 2009. Daripada jumlah tersebut, sejumlah 428 proiek melibatkan pelaburan asing berjumlah RM29.1 bilion (61.7%). Sumber pelaburan asing tertinggi adalah Amerika Svakirat (RM11.7 bilion), Jepun (RM4.0 bilion), Hong Kong (RM2.8 bilion), Singapura (RM2.2 bilion) dan Jerman (RM1.9 bilion).

Kevakinan pelabur asing juga diteruskan dengan projek-projek yang diluluskan pada bulan Januari 2011 di mana sebanyak 67 proiek bernilai RM4.6 bilion telah diluluskan oleh pihak MIDA.

Laporan Global Investment Trends Monitor, dengan izin, yang dikeluarkan oleh Persidangan Perdagangan dan Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNCTAD), telah melaporkan bahawa Malaysia telah mencatatkan kenaikan FDI sebanyak 409.7 peratus iaitu sebanyak US\$7.0 bilion pada tahun 2010 berbanding US\$1.4 bilion pada tahun sebelumnya. Peratusan kenaikan tersebut merupakan yang tertinggi dicatatkan di dalam rantau ini. Negara-negara jiran seperti Indonesia dan Thailand telah merekodkan peratusan kenaikan yang rendah iaitu 162.7 peratus dan 14.2 peratus masing-masing.

Tuan Yang DiPertua,

Malaysia kini menggalakkan kemasukan pelaburan di dalam bidang-

bidang pertumbuhan baru dan teknologi baru muncul yang bernilai ditambah tinggi, berteknologi tinggi, berintensif pengetahuan dan kemahiran. Peningkatan pelaburan asing ini juga disebabkan oleh penambahbaikan dalam ekonomi negara-negara pengeksport modal. Antara faktor-faktor yang menqalakkan pelaburan asing ke negara adalah seperti berikut:-

- (i) keadaan politik yang stabil;
- (ii) polisi pelaburan yang jelas dan liberal;
- (iii) kos pelaburan yang kompetitif;
- (iv) insentif kerajaan yang menarik;
- (v) terletak di lokasi yang strategik;
- (Vi) mempunyai tenaga kerja yang produktif;
- (vii) perlindungan IP, sekuriti data dan maklumat peribadi; dan
- (viii) kehidupan yang berkualiti seperti pendidikan dan perumahan.

Bagi memastikan Malaysia kekal berdaya saing, pelbagai langkah proaktif bagi merancakkan kemasukan FDI telah dilaksanakan termasuk:

memperkenalkan program bagi memacu pertumbuhan ekonomi negara termasuk Program Transformasi Keraiaan (GTP), Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) dan Program Transformasi Ekonomi

(ETP) yang mengandungi sistem pemantauan pertumbuhan ekonomi yang kukuh;

memperkenalkan 12 bidang ekonomi utama negara (NKEA) yang diiangka akan menarik pelaburan yang tinggi ke Malaysia;

menialankan aktiviti promosi penggalakan pelaburan dan perdagangan yang lebih agresif bagi menarik lebih banyak pelaburan tempatan dan asing;

menubuhkan Jawatankuasa Pelaburan yang dipengerusikan bersama oleh Menteri MITI dan Ketua Pegawai Eksekutif PEMANDU bagi memastikan koordinasi yang lebih baik di antara semua agensi Kerajaan dan swasta berkaitan bidang pelaburan bagi mencapai sasaran yang ditetapkan di bawah ETP; dan

menjadikan MIDA sebagai agensi penggalakan pelaburan utama bagi sektor perkilangan dan perkhidmatan. MIDA juga telah dikorporatkan dan diberi kuasa untuk membuat keputusan secara “real time” ketika berunding dengan para pelabur yang berpotensi.

**No: 86**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

SOALAN                          BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA :                    TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB (KUBANG KERIAN)

SOALAN                          86

Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub (Kubang Kerian) minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan adakah kewajaran penggunaan bas dua tingkat digunakan sebagai pengangkutan awam di Negara ini. Adakah ada satu kajian serius dibuat penggunaan bas jenis ini bersesuaian dengan rupa bumi dan keadaan jalanraya di Negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Sehingga kini, belum ada kajian khusus dilakukan terhadap tahap keselamatan bas ekspres dua tingkat. Walau bagaimanapun, Kerajaan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) mengawal pembinaan sesebuah kenderaan perdagangan melalui proses kelulusan pelan teknikal kenderaan yang mana setiap kenderaan perdagangan hendaklah mematuhi Kaedah-kaedah Kenderaan Bermotor (Pembinaan dan Penggunaan) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987.

Semasa kelulusan sesuatu pelan teknikal kenderaan, faktor utama yang dititikberatkan dalam rekabentuk bas dua tingkat ini adalah faktor kestabilan dan ketinggian keseluruhan kenderaan tersebut. Di dalam Kaedah 38 - Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Pembinaan

dan Penggunaan) 1959 telah menggariskan bahawa panduan ujian kestabilan sesebuah bas adalah dengan menggunakan platform pada sudut kecondongan 28 darjah bagi memastikan bas tersebut tidak terbalik. Kaedah 36 - Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Pembinaan dan Penggunaan) 1959 pula menggariskan bahawa ketinggian kenderaan dua tingkat tidak boleh melebihi 15 kaki. Bas dua tingkat yang hendak dilesenkan perlu mematuhi kedua-dua spesifikasi ini bagi memastikan rekabentuk bas tersebut selamat dan sesuai digunakan di jalan raya.

Berdasarkan peruntukan dan kawalselia sedia ada oleh JPJ, Kerajaan berpendapat bahawa bas dua tingkat masih wajar digunakan sebagai pengangkutan awam.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH YB. DATO' SRI  
LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	BUKAN LISAN
DARI PAD A :	TUAN TENG BOON SOON [TEBRAU]
SOALAN	

Tuan Teng Boon Soon [ Tebrau ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan adakah Kementerian sedar Klinik Pesakit Luar baharu di hadapan Hospital Sultan Ismail di Taman Mount Austin di kawasan Parlimen Tebrau dinamakan Klinik Johor Jaya akan terus mengelirukan rakyat tempatan. Adakah Kementerian bercadang menamakan klinik ini sebagai Klinik Mount Austin.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman YB, Klinik Kesihatan Johor Jaya telahpun dinamakan semula sebagai Klinik Kesihatan Sultan Ismail. Pihak Jabatan Kesihatan Negeri Johor telah pun dimaklumkan tentang pertukaran nama tersebut dan klinik kesihatan ini telahpun beroperasi di atas nama Klinik Kesihatan Sultan Ismail pada 1 Februari 2011.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

**NO. SOALAN : 88**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN	BUKAN LISAN
DARIPADA	TUAN TENG BOON SOON
	[TEBRAU]

TUAN TENG BOON SOON [ TEBRAU ] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan bagaimana Kementerian memantau dan memastikan pengusaha-pengusaha pasar raya tidak menyeleweng, bertentangan dengan kepentingan pengguna, setiap kali mengadakan Penjualan Murah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian secara konsisten menjalankan pemantauan dan pemeriksaan untuk menentukan kesahihan sesuatu juaian murah yang diadakan bagi memastikan pengusaha-pengusaha pasar raya tidak menyeleweng dan bertentangan dengan kepentingan pengguna.

2. Kementerian melaksanakan kaedah pemeriksaan di bawah Peraturan-Peraturan Perihal Dagangan (Harga Juaian Murah) 1997 yang secara khususnya, mewajibkan peniaga-peniaga yang hendak menganjurkan juaian murah supaya mengemukakan notis bertulis kepada Kementerian ini 14 hari sebelum juaian murah diadakan.

Peraturan-Peraturan Perihal Dagangan (Harga Jualan Murah) (Pindaan) 2010 memperuntukkan bahawa peniaga perlu menyenaraikan senarai barang serta harga

sebelum dan selepas penawaran dengan harga jualan murah. Penerimaan notis dan senarai harga barang tersebut dijadikan asas untuk Kementerian ini menjalankan pemeriksaan sebelum dan semasa sesuatu jualan murah diadakan. Selain daripada aspek harga, pemeriksaan juga ditumpukan kepada pembekalan barang-barang selaras dengan tanggungjawab peniaga menentukan barang-barang yang dijual itu mempunyai kualiti boleh dagang, sesuai serta layak untuk tujuannya, dengan izin "fitness for purpose" dan diberikan waranti atau jaminan.

3. Kementerian terus memberi perhatian dalam penyelewengan jualan murah dengan mempertingkatkan penguatkuasaan dan tindakan tegas akan dikenakan terhadap mereka yang terlibat. Dari Januari 2010 hingga 31 Januari 2011, Kementerian telah mengambil 275 tindakan kes melibatkan penyitaan barang-barang bernilai kira-kira RM834,667.00 bagi berbagai kesalahan yang dilakukan berkaitan jualan murah. Antara kesalahan utama yang dikesan ialah mengadakan jualan murah tanpa menyerahkan notis kepada Kementerian dan penyelewengan harga. Dalam pada itu, Kementerian juga mengalu-alukan maklumat-maklumat spesifik daripada orang ramai tentang penyelewengan jualan murah.

NO. AUM : 89

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA** TUAN TENG BOON SOON [ TEBRAU ]

**TARIKH**

## SOALAN:

Tuan Teng Boon Soon [ Tebrau ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan kekerapan tindakan penguatkuasaan secara besar-besaran terhadap pendatang haram dan bilangan pendatang haram yang telah dihantar balik ke Negara asal dalam lima tahun yang lalu.

## JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Tebrau yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) melaksanakan operasi penguatkuasaan secara berterusan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir warganegara asing yang melanggar peruntukan Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963. Dari tahun 2006 sehingga tahun 2010 sebanyak 32,079 operasi yang mempunyai sasaran-sasaran tertentu telah dijalankan oleh Jabatan. Manakala operasi penguatkuasaan secara besar-besaran dilaksanakan pada masa-masa tertentu sahaja, dan bergantung kepada beberapa faktor seperti keperluan operasi, kesediaan anggota dan kesediaan ruang dalam depot untuk menahan PATI.

Jabatan Imigresen Malaysia telah mengusir seramai 248,966 warganegara asing atas pelbagai kesalahan dari negara ini dari tempoh tahun 2006 hingga tahun 2010.



NO. AUM : 90

NO. AUP :

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA TUAN TENG BOON SOON [ TEBRAU ]

TARIKH

RUJUKAN 3544

SOALAN:

Tuan Teng Boon Soon [ Tebrau ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan Negara-negara yang telah menandatangani perjanjian Pengecualian FDI merupakan salah satu pertimbangan utama dalam menawarkan Pengecualian Visa kepada Negara asing.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Tebrau yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *Foreign Direct Investment* (FDI) merujuk kepada penglibatan jangka panjang oleh wakil dari sesebuah

negara ke sesebuah negara yang lain. Kebiasaannya FDI melibatkan bidang pentadbiran, usahasama, pemindahan teknologi dan juga kepakaran.

Justeru itu, pemberian pengecualian visa kepada negara asing tidak semestinya bergantung kepada FDI. Ini kerana kemasukan pakar - pakar asing ke Malaysia adalah tertakluk kepada syarat kemasukan mengikut negara asal masing - masing. Walau bagaimanapun, Malaysia telah sedia mempunyai kemudahan pas yang bersesuaian bagi kategori pakar - pakar untuk masuk dan berada di Malaysia untuk tempoh masa yang panjang.. .

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengecualian visa kepada negara asing hanya diberi atas dasar timbal balas (*reciprocal*) di antara kedua - dua buah negara. Pemberian pengecualian visa juga bergantung kepada memorandum persefahaman (MoU) yang telah dipersetujui oleh Malaysia dan negara terbabit.

RT  
11/  
No.  
91

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. TUAN TENG BOON SOON

[TEBRAU]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. TUAN TENG BOON SOON [ TEBRAU ] minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapa ramai guru ditawarkan jawatan Guru Penolong Kanan DGA 32 telah menolak tawaran dan apakah langkah rangsangan telah dan akan diambil untuk menggalakkan guru menyandang jawatan ini.

## JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mendapati antara sebab terdapat guru menolak penempatan ke jawatan Guru Penolong Kanan Gred DGA32 disebabkan oleh kumpulan yang ditawarkan itu dalam kalangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepasan Diploma (PPPLD) Gred DGA32 *Time-Based* secara Khas Untuk Penyandang (KUP) untuk menyandang jawatan Gred DGA32 secara hakiki. Walau bagaimanapun, antara langkah yang telah dilaksanakan oleh KPM bagi memastikan jawatan Guru Penolong Kanan Gred DGA32 dapat diisi, adalah:

- i) Mengambil kira tempoh pengalaman menyandang jawatan Guru Penolong Kanan Gred DGA32 sebagai salah satu unsur penilaian bagi urusan pemangkuan/kenaikan pangkat dari PPPLD Gred DGA32 ke Gred DGA34; dan
- ii) Memberi peluang kepada PPPLD Gred DGA29 dipertimbangkan dalam urusan pemangkuan ke Gred DGA32 bagi mengisi jawatan Guru Penolong Kanan.

SOALAN NO. 92

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN BUKAN LISAN

DARIPADA YB DATO\* DR. ABDULLAH BIN MD. ZIN

[BESUT]

TARIKH 8 MAC 2011 (SELASA)

SOALAN

Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin [Besut] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan kejayaan penyampaian bantuan kemasyarakatan program "1 Azam" yang telah dijalankan berdasarkan e- Kasih kerana terdapat banyak aduan senarai bantuan turut diagihkan kepada golongan yang berkemampuan.

## JAWAPAN

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sentiasa komited dalam merealisasikan sasaran Bidang Keberhasilan Utama Negara Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah. Pelbagai inisiatif telah dijalankan dalam usaha mendekati rakyat berpendapatan rendah dan menghayati kehidupan mereka yang penuh dengan cabaran. Program Kemasyarakatan 1AZAM melalui Program Gempur NKRA telah diperkenalkan dan dilaksanakan pada bulan November dan Disember 2010 di seluruh negara. Program penyampaian bantuan kemasyarakatan ini melibatkan pengagihan bakul makanan, uniform sekolah dan tilam dan bantal yang telah berjaya diedarkan.

Senarai nama penerima bakul makanan dan tilam bantal adalah berdasarkan senarai daripada sistem eKasih di bawah Unit Penyelaras Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri yang telah dikunci sehingga Disember 2009 dan telah disahkan

f';;;,'..V. v,-.- ' / ■' >T. ...'\*< k v - , - r . ?

oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Manakala senarai penerima bagi set uniform sekolah adalah berdasarkan murid yang berdaftar di bawah Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAMP) yang diberikan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

**SOALAN NO: 93**

**PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN  
DARIPADA

SOALAN

BERTULIS

DATO' DR. ABDULLAH BIN MD. ZIN (BESUT)

DATO' DR. ABDULLAH BIN MD. ZIN minta  
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS  
TANI menyatakan bilakah program 'SUBUR'  
akan dapat dilaksanakan oleh pihak Kementerian  
setelah ianya tertangguh begitu lama tidak dapat  
dilaksanakan, kerana ianya boleh menjasaskan  
reputasi Kementerian ini.

JAWAPAN

Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI  
ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,  
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Pelaksanaan semula Program Subsidi Beras Untuk Rakyat (SUBUR) akan menggunakan pakai dua senarai utama iaitu melalui senarai e-Kasih dan senarai yang dikemukakan Majlis Pembangunan Pertanian Parlimen (MPPP). Melalui senarai e-Kasih di bawah Unit Penyelarasaran Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (UPP, JPM) jumlah penerima yang telah dikenal pasti sehingga 2 Januari 2011 adalah lebih kurang 231,755 ketua isi rumah manakala senarai pemohon yang telah diterima melalui 222 urus setia MPPP sehingga 8 November 2010 adalah berjumlah 524,765 orang. Walau bagaimanapun, daripada jumlah ini seramai 73,654 pemohon dikesan telahpun tersenarai dalam

sistem e-Kasih. Ini menjadikan jumlah pemohon melalui urus setia MPPP sebanyak 451,111 orang.

Selain daripada itu, jumlah sebenar penerima belum dapat dimuktamadkan kerana didapati terdapat pemohon menghantar permohonan lebih daripada satu kali dan juga terdapat ahli keluarga yang lain seperti isteri atau anak yang turut menghantar permohonan yang sama (dikesan melalui penggunaan alamat rumah yang sama). Perlu difahami bahawa pemberian bantuan ini adalah melalui ketua keluarga dan bukannya secara individu. Keadaan ini menyebabkan senarai penerima bantuan SUBUR tidak dapat dimuktamadkan dalam masa yang singkat.



**NO. SOALAN : 94**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B. DATO'  
SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN

BUKAN LISAN

DARIPADA :

DATO' DR. ABDULLAH BIN MD. ZIN

[BESUT]

SOALAN

Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin [ Besut ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil pihak Kementerian bagi menangani isu kekurangan doktor di Hospital Daerah Besut.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai usaha telah dan sedang diambil oleh kerajaan untuk menambah bilangan Pegawai Perubatan/Doktor dalam negara termasuklah di Hospital Besut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Hospital Besut adalah merupakan hospital tanpa pakar dengan 140 buah katil pesakit dalam. Kadar Penggunaan Katil atau *Bed Occupancy Rate* (BOR) bagi Hospital Besut pada tahun 2010 ialah 60% peratus. Pada masa ini, kedudukan perjawatan bagi Pegawai Perubatan/Doktor di Hospital Besut sehingga 15 Februari 2011 adalah 39 jawatan. Bilangan pengisian adalah sebanyak 15 orang dengan peratus pengisian 38.5 peratus.

Antara langkah terkini yang telah dan sedang diambil bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan di Hospital Besut adalah dengan membuat pengisian secara

pengagihan semula Pegawai Perubatan/Doktor mengikut keperluan setempat. Pada masa ini, terdapat dua buah hospital di negeri Terengganu yang juga merupakan hospital latihan Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) iaitu Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu dan Hospital Kemaman. Sehingga 15 Februari 2011 terdapat seramai 167 PPS di Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu dan seramai 16 orang PPS di Hospital Kemaman. PPS yang telah menamatkan latihan siswazah ini akan ditempatkan di fasiliti-fasiliti kesihatan KKM di seluruh negara termasuklah Hospital Besut.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATO' DR. ABDULLAH BIN MD. ZIN

[BESUT]

TARIKH 8 MAC 2011 (SELASA)

## SOALAN

YB Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin [Besut] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,

**SOALAN NO. 95**

KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah kes pembuangan bayi yang semakin berleluasa.



JAWAPAN :

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memandang serius akan kejadian pembuangan bayi yang berlaku di seluruh negara. Tindakan membunag bayi dan mencederakan kanak-kanak merupakan satu perlakuan yang tidak bertanggungjawab dan tidak berperikemanusiaan serta merupakan satu masalah sosial yang memerlukan keprihatinan segenap lapisan masyarakat.

Dalam menangani gejala ini, Kementerian melalui agensi-agensi di bawahnya melaksanakan pelbagai pendekatan termasuklah memberi perlindungan, penjagaan dan pemulihan, melaksanakan program advokasi dan menjalankan kempen-kempen kesedaran.

Berhubung dengan pendekatan pertama iaitu memberikan perlindungan, pemeliharaan dan pemulihan, Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- a) Menyediakan sebanyak empat buah Taman Seri Puteri kepada kanak-kanak perempuan berumur di bawah 18 tahun yang hamil atau melahirkan bayi luar nikah dan sebuah Pusat Jagaan Sinar Kasih bagi wanita hamil luar nikah yang berusia 18 tahun ke atas yang memerlukan perlindungan dan penjagaan segera. Pendekatan ini dapat mengurangkan risiko berlakunya kes-kes pembuangan bayi oleh ibu muda yang mengandung luar nikah;
- b) Menyediakan 55 buah institusi kebajikan, 104 buah Pejabat Kebajikan Masyarakat

Daerah dan lima puluh lima 56 buah Klinik Nur Sejahtera di bawah seliaan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) di seluruh negara yang bersedia menerima bayi-bayi yang tidak diingini akibat hamil luar nikah;

- c) Menyediakan geran kepada lapan buah Pertubuhan Sukarela Kebajikan bagi penyediaan pusat perlindungan ibu-ibu muda yang memerlukan perlindungan, pemeliharaan dan pemulihan; dan
- d) Menjalankan kerjasama dengan Pertubuhan Kebajikan dan Pengurusan Anak-anak Yatim Kuala Lumpur atau 'OrphanCARE' dengan menyediakan Pusat Jagaan Bayi Yang Tidak Diingini atau, dengan izin, '*Baby Hatch*'. Penubuhan pusat ini adalah untuk memberi perlindungan kepada bayi yang dibuang atau tidak diingini sebelum diserahkan kepada keluarga angkat. Kerjasama yang dijalankan ini meliputi aspek perlindungan sementara, penempatan di dalam program penjagaan dan pengangkatan.

Melalui pendekatan kedua iaitu pelaksanaan program-program advokasi, Kementerian melalui JKM dan LPPKN:

- a) Menyediakan perkhidmatan kaunseling di peringkat negeri dan daerah sebagai salah satu usaha untuk memberi bimbingan dan khidmat nasihat kepada mereka yang masih di peringkat awal terdedah kepada bahaya moral;
- b) Melaksanakan bengkel interaktif melibatkan keluarga dan kanak-kanak bagi meningkatkan kesedaran mereka tentang tanggungjawab dan peranan terhadap

penjagaan kanak-kanak selaras dengan keperluan Akta Kanak-kanak 2001;

- c) Melaksanakan program pencegahan melalui penglibatan ahli masyarakat setempat dalam organisasi akar umbi melalui Jawatankuasa Kebajikan Kanak-kanak Daerah (JKKD);
- d) Menganjurkan kursus kemahiran keibubapaan seperti SmartStart dan Modul Kasih. Selain itu, Program Parenting@Work juga telah diperkenalkan di mana pendekatan diambil untuk memberikan kursus ini di tempat kerja bagi memudahkan ibu bapa menghadiri kursus berkenaan; dan
- e) Mewujudkan Pusat Remaja kafe@TEEN yang menyediakan khidmat kaunseling dan kesihatan bagi membantu remaja mengatasi masalah fizikal, mental dan sosial remaja.

Pendekatan ketiga yang diguna pakai oleh Kementerian iaitu menjalankan kempen-kempen secara berterusan sebagai usaha meningkatkan kesedaran masyarakat Malaysia mengenai kepentingan melindungi dan memelihara kanak-kanak. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan termasuklah :

- a) Melaksanakan kempen “KAMI PRIHATIN” dengan kerjasama akhbar Utusan Malaysia, Astro dan Persatuan Karyawan. Kempen ini merupakan satu permulaan dan diharap menjadi pendorong kepada sektor korporat, anggota masyarakat dan ibu bapa

meningkatkan kesedaran terhadap masalah ini supaya isu pembuangan dan penderaan kanak-kanak dapat dibendung sepenuhnya; dan

- b) Mewujudkan perkhidmatan Talian NUR 15999 sejak 5 Disember 2007 bagi membolehkan orang awam membuat sebarang aduan termasuk kes perlindungan kepada bayi yang tidak diingini untuk disalurkan kepada pihak yang berwajib. Remaja dan wanita yang mengandung luar nikah juga boleh mendapatkan khidmat nasihat, kaunseling melalui Talian NUR 15999 bagi mengelakkan mereka daripada terjebak dengan perbuatan membuang bayi. Talian ini beroperasi 24 jam sehari sepanjang tahun.

Tanggungjawab menangani gejala ini bukan hanya terletak di bahu Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat semata-mata. Sebaliknya ia memerlukan kerjasama dan komitmen padu dari pelbagai agensi Kerajaan seperti Jabatan Agama Islam dan Kementerian Kesihatan Malaysia, badan-badan bukan kerajaan seperti Persatuan Perancang Keluarga Malaysia, pihak swasta dan segenap anggota masyarakat dalam usaha membendung gejala ini.

NO. AUM : 96

NO.AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN  
DARIPADA DATO' DR. ABDULLAH BIN MD. ZIN [BESUT]  
TARIKH  
RUJUKAN 3555  
SOALAN:

Dato' Dr. Abdullah Bin Md. Zin [Besut] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan statistik kes-kes jenayah yang membabitkan pelajar sekolah rendah dan menengah.



## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Besut yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, buat masa kini pihak PDRM tidak membuat pecahan kes Juvana kepada pelajar sekolah menengah atau sekolah rendah. Mengikut statistik yang diperolehi iaitu dari tahun 2008 hingga 2010 jumlah kes Juvana yang dilaporkan adalah sebanyak 5115 kes pada tahun 2008, 5173 kes pada tahun 2009 dan 987 kes pada tahun 2010.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian dengan kerjasama PDRM telah merangka beberapa pendekatan bagi mengatasi masalah Jenayah Juvana khususnya di kalangan pelajar, antaranya ialah:-

### **I. Sebelum pelajar terlibat dalam ienayah:**

- i. Mengadakan ceramah berkaitan jenis-jenis Jenayah Juvana dan hukuman yang dikenakan terhadap pesalah;
- ii. Pameran di sekolah-sekolah mengenai bahaya penglibatan dalam kegiatan jenayah;
- iii. Mengadakan aktiviti Kurikulum seperti Kadet Polis;
- iv. Menubuhkan Kelab Pencegahan Jenayah di sekolah; dan
- v. Melantik seorang pegawai polis sebagai Pegawai Perhubungan

Sekolah di setiap sekolah.

**II. Semasa pelajar terlibat dalam ienavah:**

- i. Menjalankan operasi di tempat-tempat hiburan dan kawasan penagihan dadah; dan
- ii. Mengesan laporan-laporan orang hilang yang melibatkan pelajar sekolah dan para juvana.

**III. Selepas pelajar terlibat dalam ienavah:**

- i. Memberi kaunseling kepada pelajar-pelajar yang terlibat supaya tidak mengulangi perbuatan mereka;
- ii. Memberikan tempoh berkelakuan baik selepas keluar dari tempat pemulihan; dan
- iii. Bekerjasama dengan ahli keluarga dan pihak sekolah dalam memerhatikan kegiatan pelajar-pelajar yang terlibat dalam kes Juvana.



**SOALAN NO.: 97**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN BUKAN LISAN**

**PERTANYAAN :** BUKAN LISAN  
**DARIPADA :** DATUK AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID  
[ PENGERANG ]

**SOALAN**

Datuk Azalina binti Dato' Othman Said [Pengerang] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan

- (a) persoalan 'biodiversity' berkenaan kajian impak ekologi ke atas pencemaran yang berlaku di persisiran pantai Johor akibat tumpahan minyak, pembuangan "sludge" dan bahan cemaran lain dari kapal-kapal dagang yang menggunakan laluan Laut Cina Selatan; dan
- (b) apakah terdapat sebarang kajian awal yang telah dilakukan bagi mendapatkan data impak bagi membolehkan Pengerang untuk menyediakan langkah-langkah awal untuk menampung pencemaran seandainya berlaku tumpahan minyak yang serius.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang DiPertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Jabatan Alam Sekitar (JAS) belum pernah menjalankan kajian khusus mengenai impak ekologi ke atas pencemaran yang berlaku di persisiran pantai Johor akibat tumpahan minyak, pembuangan 'sludge' dan bahan cemar lain dari kapal-kapal dagang. Walau bagaimanapun, beberapa tindakan susulan telah diambil oleh pihak JAS seperti menubuhkan JAS Cawangan Pengerang yang bertujuan untuk mengawal dan memantau pencemaran marin yang berlaku di persisiran pantai Pengerang dan perairan Johor. Pihak JAS Cawangan Pengerang dengan kerjasama Agensi Pengawalkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Wilayah Selatan telah mempertingkatkan rondaan laut bagi mengesan aktiviti dan kejadian pencemaran laut di Perairan Johor. Rondaan darat juga turut dijalankan di sepanjang persisiran pantai Pengerang untuk memastikan tiada pencemaran minyak di kawasan pantai. Di samping itu, rondaan udara bersama Unit Udara Polis

dijalankan bagi memantau sebarang kejadian tumpahan minyak dari skop yang lebih luas supaya tindakan kawalan dapat dilaksanakan dengan segera sebelum buangan minyak tersebut terdampar di pantai. Melalui aktiviti-aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan ini, kes-kes minyak yang terdampar di kawasan pantai Pengerang dan sekitarnya telah berjaya dikurangkan dari 9 aduan pencemaran minyak di pantai pada 2009 kepada 4 pada 2010.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Alam Sekitar (JAS) belum ada menjalankan sebarang kajian awal untuk mendapatkan data impak pencemaran minyak di kawasan Perairan Pengerang. Walau bagaimanapun, pihak JAS telah lama menjalankan pengawasan marin di kawasan Pengerang dan mempunyai data-data kualiti air marin kawasan tersebut. Data-data ini dianalisis dan digunakan untuk menyediakan langkah-langkah awal dan menyusun strategi-strategi yang berkesan untuk menampung pencemaran tumpahan minyak. Terdapat lima belas (15) buah stesen pengawasan kualiti air marin di kawasan Pengerang iaitu Tanjung Buai, Kuala Sungai Johor, Jeti Tanjong Belungkor, Pulau Belungkor, Pasir Gogok, Pulau Tekong (2 stesen), Tanjung Sepang, Tanjung Pengelih(2 stesen), Jeti Pularek, Tanjung Merak, Pantai Tanjung Setapa, Tanjung Penyusup dan Pantai Desaru.

Di samping itu, telah disediakan Rancangan Kontingensi Kebangsaan Kawalan Tumphan Minyak dan juga Pelan Tindakan Pembersihan Pantai Akibat Tumpahan Minyak Negeri Johor.

Sekian, terima kasih.

SOALAN : NO. 98

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

BERTULIS

DARIPADA

DATUK AZALINA BINTI DATO'  
OTHMAN SAID  
[PENGERANG]

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan sejauh

manakah usaha dan perancangan yang dijalankan dalam mewujudkan insentif yang bersandarkan kepada 'teknologi hijau' untuk kedamaian / kegunaan harian.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan telah menyediakan pelbagai insentif untuk meningkatkan pembangunan teknologi hijau. Antara kemudahan insentif ini ialah Skim Pembiayaan Teknologi Hijau atau *Green Technology Financing Scheme* (GTFS) sebanyak RM1.5 bilion yang telah mula dilaksanakan pada Januari 2010. Insentif ini merupakan galakan daripada kerajaan kepada syarikat pengeluar dan pengguna teknologi hijau dalam 4 sektor utama iaitu Sektor Tenaga, Sektor Air dan Pengurusan Sisa, Sektor Pengangkutan dan juga Sektor Bangunan. Skim ini melibatkan pinjaman mudah yang mana Kerajaan memberi subsidi tanggungan 2% kadarfaedah setahun dan jaminan Kerajaan sebanyak 60% daripada jumlah pembiayaan yang diluluskan.

Setakat 31 Mac 2011, insentif yang disediakan bagi pembangunan projek-projek teknologi hijau ini telah dinikmati oleh 17 buah

syarikat dengan anggaran projek teknologi hijau berjumlah RM 266.47 juta. Projek-projek teknologi hijau ini diharap dapat menjana ekonomi negara dengan pembangunan yang mapan.

Selain itu, insentif galakan juga diberi untuk meningkatkan dan menggalakkan penggunaan teknologi hijau dalam industri pembinaan dan perumahan di negara ini.

Satu indeks penarafan ke atas bangunan mesra alam dikenali sebagai *Green Building*

*Index (GBI)* telah dibangunkan oleh Pertubuhan Arkitek Malaysia dan *Association of Consulting Engineers Malaysia* yang bertujuan menggalakkan aplikasi teknologi hijau dan struktur bangunan mapan dalam industri pembinaan di Malaysia.

Insentif galakan yang diberi bagi meningkatkan dan menggalakkan penggunaan teknologi hijau dalam industri pembinaan dan perumahan di negara ini adalah:-

i) pengecualian cukai pendapatan yang bersamaan dengan perbelanjaan modal tambahan bagi memperolehi sijil GBI akan diberikan kepada pemilik bangunan jika mereka memperoleh sijil GBI dalam tempoh bermula 24 Oktober 2009 sehingga 31 Disember 2014; dan

ii) pembeli yang membuat pembelian bangunan dan rumah kediaman yang memperoleh sijil GBI daripada pemaju harta tanah dalam tempoh bermula 24 Oktober 2009 sehingga 31 Disember 2014 akan diberikan pengecualian duti setem ke atas surat cara pindah milik. Nilai pengecualian adalah bersamaan dengan perbelanjaan modal tambahan bagi memperolehi sijil GBI.

Kerajaan juga memberikan insentif kepada syarikat-syarikat yang terlibat di dalam sumber tenaga yang boleh diperbaharui dan penjimatan tenaga (kecekapan tenaga) di mana elemen tenaga adalah salah satu tonggak di dalam Dasar Teknologi Hijau Negara. Berikut adalah senarai insentif-insentif yang disediakan oleh Kerajaan:-

1. Syarikat yang memberi perkhidmatan penjimatan tenaga

- (i) Taraf Perintis dengan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100% ke atas pendapatan statutori selama 10 tahun; atau
- (ii) Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal yang

layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun. Elaun dibenarkan ditolak

sehingga 100% daripada pendapatan statutory bagi setiap tahun taksiran;

dan

- (iii) Pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas peralatan penjimatan tenaga yang tidak dikeluarkan dalam negara dan pengecualian cukai jualan ke atas peralatan yang dibeli daripada pengeluar tempatan.

2. Syarikat yang melakukan perbelanjaan modal bagi tujuan penjimatan tenaga untuk kegunaan sendiri

- (i) Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun. Elaun dibenarkan ditolak sehingga 100% daripada pendapatan statutory bagi setiap tahun taksiran; dan
- (ii) Pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas peralatan penjimatan tenaga yang tidak dikeluarkan dalam negara dan pengecualian cukai jualan ke atas peralatan yang dibeli daripada pengeluar tempatan.

3. Syarikat yang mengimport peralatan *Energy Efficiency* (EE) atau membelinya daripada pengeluar tempatan untuk kegunaan pihak ketiga

- (i) pengecualian duti import dan cukai jualan diberi ke atas peralatan EE seperti high efficiency motors and insulation materials kepada pengimport termasuk agen yang diiktiraf yang diluluskan oleh Suruhanjaya Tenaga; dan
- (ii) pengecualian cukai jualan diberi ke atas pembelian barang pengguna EE seperti peti sejuk, alat penyaman udara, lampu, kipas angin dan televisyen

yang dikeluarkan oleh pengeluar tempatan.

Galakan insentif 1 dan 2 yang dinyatakan di atas adalah berkuat kuasa bagi permohonan yang diterima oleh Kementerian Kewangan mulai 30 Ogos 2008 hingga 31 Disember 2015. Bagi galakan insentif 3 pula berkuat kuasa mulai 30 Ogos 2008 hingga 31 Disember 2012.

#### Insentif Bagi Penggunaan Sumber Tenaga Boleh Baharu

1. Syarikat yang menjana tenaga daripada sumber yang boleh diperbaharui
  - (i) Taraf Perintis dengan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100% ke atas pendapatan statutori selama 10 tahun; atau
  - (ii) Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun. Elaun dibenarkan ditolak sehingga 100% daripada pendapatan statutori bagi setiap tahun taksiran; dan
  - (iii) Pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas peralatan yang digunakan untuk menjana tenaga daripada sumber yang boleh diperbaharui yang tidak dikeluarkan dalam negara dan pengecualian cukai jualan ke atas peralatan yang dikeluarkan dalam negara.

Syarikat lain dalam kumpulan yang sama diberi galakan Taraf Perintis atau Elaun Cukai Pelaburan seperti di atas walaupun salah satu daripada syarikat dalam kumpulan tersebut telah mendapat galakan cukai.

2. Syarikat yang menjana tenaga daripada sumber yang boleh diperbaharui untuk kegunaan sendiri

- (i) Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun. Elaun dibenarkan ditolak sehingga 100% daripada pendapatan statutori bagi setiap tahun taksiran;
  - (ii) Syarikat bukan menjana tenaga yang mengimport atau memperoleh peralatan menjana tenaga dari sumber yang boleh diperbaharui untuk kegunaan pihak ketiga seperti pemaju perumahan atau pemilik bangunan tidak diberi galakan cukai.
3. Syarikat yang mengimport peralatan sistem solar fotovoltaik untuk kegunaan pihak ketiga atau membeli peralatan sistem pemanasan solar daripada pengeluar tempatan
- (i) pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas peralatan sistem solar fotovoltaik untuk kegunaan pihak ketiga diberi kepada pengimport termasuk penyedia perkhidmatan fotovoltaik yang diluluskan oleh Suruhanjaya Tenaga; dan
  - (ii) pengecualian cukai jualan diberi ke atas pembelian peralatan sistem pemanasan solar daripada pengeluar tempatan.
- Galakan insentif 1 dan 2 yang dinyatakan di atas adalah berkuat kuasa bagi permohonan yang diterima oleh Kementerian Kewangan mulai 30 Ogos 2008 hingga 31 Disember 2015. Bagi galakan insentif 3 pula berkuat kuasa mulai 30 Ogos 2008 hingga 31 Disember 2012.
- Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,
- Selain daripada sektor bangunan yang mendapat insentif, sektor pengangkutan juga

turut menerima insentif iaitu kenderaan motorsikal dan kereta hybrid dikecualikan cukai. Pengenalan insentif cukai bagi pengimportan kereta *hybrid* di bawah Bajet 2009 adalah bertujuan untuk mewujud dan meningkatkan permintaan kereta *hybrid* dalam negara. Peningkatan permintaan ini akan membolehkan kereta *hybrid* berdaya saing dan mempunyai kelebihan untuk syarikat pengeluar dan pemasang kereta menjalankan aktiviti pemasangan di dalam negara. Ini selaras dengan hasrat Kerajaan di bawah Dasar Automotif Nasional bagi mempromosi Malaysia sebagai pusat dan hab serantau dalam bidang-bidang khusus.

Bagi sektor pengurusan sisa dan air, insentif bagi aktiviti kitar semula sisa disediakan menerusi Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Syarikat yang menjalankan aktiviti kitar semula sisa yang mempunyai nilai tambah tinggi dan menggunakan teknologi tinggi, layak mendapat Taraf Perintis atau Elaun Cukai Pelaburan. Aktiviti-aktiviti ini yang termasuk kitar semula sisa pertanian atau produk sampingan pertanian, kitar semula kimia dan papan panel atau produk berdasarkan kayu dibancuh semula, layak mendapat:

- i) Taraf Perintis dengan pengecualian cukai sebanyak 70% (100% bagi kawasan-kawasan digalakkan) daripada pendapatan berkanun untuk tempoh lima tahun. Elaun modal tidak diserap dan kerugian terkumpul yang ditanggung semasa tempoh perintis boleh dibawa ke hadapan dan ditolak daripada pendapatan pasca perintis syarikat berkenaan; atau
- ii) Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 60% (100% di kawasan-kawasan yang digalakkan) ke atas perbelanjaan modal layak yang dikeluarkan dalam tempoh lima

tahun. Elaun ini boleh ditimbal balik dengan 70% (100% di kawasan- kawasan yang digalakkan) pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran. Sebarang elaun yang tidak digunakan boleh dibawa ke tahun-tahun berikutnya sehingga digunakan sepenuhnya.

Melalui insentif-insentif seperti yang ditawarkan di atas, Kerajaan berharap agar pelbagai industri akan lebih membangun dan cenderung ke arah mengaplikasikan teknologi hijau di masa hadapan.

■k-k-k-kick-k-k-k-kie'k-k-kick'k'kickie'k'k'k-k'k'kic-kickic'kifk-kickick'k'k-kick-krk-k-k-kick'k'k-kick  
NO. SOALAN: 99

DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT  
PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUA BELAS  
(2011) \_\_\_\_\_

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID  
(PENGERANG)

SOALAN :

Datuk Azalina binti Dato' Othman Said (Pengerang) minta PERDANA MENTERI menyatakan perancangan dan langkah- langkah yang telah diambil dalam menguatkuasakan system pensijilan halal di Malaysia serta sejauh manakah keberkesanan syarikat-syarikat yang telah dilantik memainkan peranan untuk memantau selepas sesuatu sijil halal itu dikeluarkan.

JAWAPAN : (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI

JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menguatkuasakan sistem pensijilan halal di Malaysia, Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mengambil langkah-langkah berikut:

- i. Melaksanakan pensijilan halal bersama antara JAKIM dengan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN)/ Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) yang melibatkan perkongsian berikut:
  - a) penggunaan standard, prosedur, sijil dan logo yang sama;
  - b) semua MAIN/JAIN adalah pengurus berautoriti dalam pensijilan halal di negeri masing-masing;
  - c) JAKIM berperanan sebagai pembekal sistem, standard, pensijilan dan pemantauan, manakala Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) adalah agensi yang bertanggungjawab menjalankan penguatkuasaan undang-undang mengikut Akta Perihal Dagangan (APD) 1972;
  - d) semua permohonan sijil halal dibuat melalui sistem e-halal dan diproses oleh negeri masing-masing;
  - e) kadar yuran adalah seragam bagi semua negeri;
  - f) pengauditan akan dilakukan di peringkat negeri oleh pegawai JAIN dan dibantu oleh pegawai JAKIM;
  - g) Panel Pengesahan Halal di peringkat negeri akan bertanggungjawab membuat keputusan pensijilan bagi negeri berkenaan;

- h) sijil akan dikeluarkan oleh JAKIM dan ditandatangani oleh Ketua Pengarah JAKIM yang mewakili Kerajaan Malaysia
  - i) Logo Halal Malaysia telah didaftarkan oleh JAKIM di bawah Akta Cap Dagangan 1976 atas nama Kerajaan Malaysia;
  - j) pemantauan adalah di bawah tanggungjawab JAKIM dengan dibantu oleh JAIN;
  - k) penguatkuasaan akan dibuat menggunakan Akta Perihal Dagangan 1972 di bawah KPDNKK dan Enakmen Jenayah Syariah Negeri jika berkaitan; dan
  - l) Pegawai JAKIM dan JAIN akan dilantik sebagai Penolong Pegawai Perihal Dagangan bagi menjalankan kuasa di bawah peruntukan APD 1972

Melalui pelaksanaan pensijilan halal bersama ini, pasaran produk tempatan akan lebih meluas kerana Sijil Pengesahan Halal Malaysia boleh digunakan untuk tujuan eksport ke luar negara.

- ii) Meluluskan bajet berjumlah RM27.5 juta bagi pembinaan makmal analisis Institut Halal Malaysia. Makmal ini akan menjalankan analisa saintifik ke atas sampel makanan, minuman dan barang gunaan berdasarkan lemak dan minyak, alkohol serta haiwan.

Mengenai pemantauan, Kerajaan tidak pernah melantik mana-mana

syarikat untuk menjalankan pemantauan. Sebaliknya tanggungjawab tersebut dilaksanakan oleh pihak yang berautoriti iaitu JAKIM dan MAIN/JAIN menggunakan undang-undang yang berkuatkuasa di negara ini seperti Akta Perihal Dagangan 1972, Perintah Perihal Dagangan (Penggunaan Perbahasaan Halal) 1975, Enakmen Jenayah Syariah Negeri-negeri, Akta Makanan 1983, Peraturan-peraturan Makanan 1985, Akta Binatang 1953 (Semakan 2006), Akta Rumah Penyembelihan (Penswastaan) 1993, Animal Rules 1962 dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Undang-Undang Kecil Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO. 100

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATUK AZALINA BINTI

DATO' OTHMAN SAID (PENGERANG)

TARIKH 8 MAC 2011 (SELASA)

SOALAN

YB Datuk Azalina binti Dato' Othman Said [ Pengerang ] minta MENTERI PEMBANGUNAN WAN IT A, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan jangka masa yang diambil dalam meluluskan setiap permohonan yang melibatkan warga emas, ibu tunggal dan OKU serta statistik permohonan yang telah diterima, diproses, ditolak dan telah diluluskan.

JAWAPAN

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan

Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa berusaha memastikan penyampaian perkhidmatan bantuan dilaksanakan secara cekap, cepat, dan berkesan kepada golongan yang memerlukan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini tempoh kelulusan permohonan bantuan kebajikan yang melibatkan warga emas, ibu tunggal dan orang kurang upaya (OKU) hinggalah kepada pembayaran bantuan kebajikan kepada penerima adalah selama 8 minggu. Tempoh masa ini akan dipendekkan kepada 1 minggu melalui kaedah Perekayasaan Proses dan Prosedur Kerja (PPPK) atau *Business Process Reengineering* (BPR) menjelang tahun 2012.

Satu projek perintis PPPK telah dilaksanakan di enam (6) buah Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) terpilih iaitu PKMD Kuala Terengganu, PKMD Hilir Perak, PKMD Kinta, PKMD Seremban, PKMD Port Dickson dan PKMD Melaka Tengah mulai bulan Ogos 2010. Hasil daripada pelaksanaan tersebut dan maklum balas yang positif daripada kakitangan dan klien Jabatan, pelaksanaan PPPK diperluaskan ke seluruh negara mulai Mac 2011.

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah permohonan bantuan yang diterima dan diproses bagi Negeri Johor bagi tahun 2010 adalah sebanyak 12,002 kes. Daripada jumlah permohonan tersebut, sebanyak 10,911 kes telah diluluskan manakala 1,200 kes telah ditolak kerana tidak menepati syarat kelayakan bagi bantuan yang telah ditetapkan oleh Jabatan.

r  
%

h  
m  
«  
f